

**Jilid 1
Bil. 60**



**Hari Isnin
6hb Julai, 1987**

MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT

House of Representatives

PARLIMEN KETUJUH

Seventh Parliament

PENGGAL PERTAMA

First Session

KANDUNGANNYA

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 9829]**

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1986 dan 1987) [Ruangan 9923]

Jawatankuasa—

Jadual Pertama—

Maksud B.27 [Ruangan 9991]

Jadual Kedua—

Maksud B.7 [Ruangan 9967]

USUL:

Anggaran Pembangunan Tambahan (Bil. 3) 1986 [Ruangan 9924]

Jawatankuasa—

Maksud P.25 [Ruangan 9991]

Anggaran Pembangunan Tambahan (Bil.1) 1987 [Ruangan 9924]

Jawatankuasa—

Maksud P.7 [Ruangan 9967]

Maksud P.17 [Ruangan 9983]

KANDUNGANNYA—(samb.)

Maksud P.19 [Ruangan 9990]

Maksud P.27 [Ruangan 9991]

UCAPAN PENANGGUHAN:

**Koperasi Pengambil Deposit Yang Dibekukan—Y.B. Tuan Lim Guan Eng
[Ruangan 10004]**

Isu Memali—Y.B. Tuan Haji Abdullah bin Haji Arshad [Ruangan 10011]

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT YANG KETUJUH

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG PERTAMA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL, P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Menteri Dalam Negeri dan Menteri Kehakiman, DATO' SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD, S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M., P.I.S. (Kubang Pasu).

.. Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, DATO DR LING LIONG SIK, D.P.M.P. (Labis).

.. Menteri Kerjaraya, DATO' S. SAMY VELLU, S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput).

.. Menteri Perusahaan Utama, DATO' DR LIM KENG YAIK, D.P.C.M. (Beruas).

.. Menteri Pertahanan, Y.B.M. TENGKU DATO' AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P., S.S.A.P., P.M.K. (Kota Baharu).

.. Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK, P.N.B.S. (Kanowit).

.. Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATIN PADUKA RAFIDAH AZIZ, D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).

.. Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATO' DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, S.I.M.P., P.N.B.S., J.B.S. (Santubong).

.. Menteri Pertanian, DATUK SERI SANUSI BIN JUNID, D.S.D.K., D.G.S.M., S.M.K. (Jerlun-Langkawi).

.. Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATUK AMAR STEPHEN YONG KUET TZE, D.A., P.N.B.S. (Padawan).

.. Menteri Pendidikan, TUAN ANWAR BIN IBRAHIM (Permatang Pauh).

.. Menteri Luar Negeri, DATO' ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, D.P.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala Selangor).

.. Menteri Kewangan, TUAN DAIM ZAINUDDIN (Merbok).

.. Menteri Kesihatan, DATO' CHAN SIANG SUN, S.I.M.P., D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentung).

Yang Berhormat Menteri Buruh, DATO' LEE KIM SAI, D.P.M.S., P.P.N. (Hulu Langat).

- .. Menteri Belia dan Sukan, DATO' SERI HAJI MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK (ORANG KAYA INDERA SHAHBANDAR), S.S.A.P., S.I.M.P., D.S.A.P. (Pekan).
- .. Menteri di Jabatan Perdana Menteri, TUAN KASITAH BIN GADDAM (Kinabalu).
- .. Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN NG CHENG KIAT (Klang).
- .. Menteri Penerangan, DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.I.J., D.P.M.J., P.N.B.S., K.M.N. (Pulai).
- .. Menteri Pelancongan dan Kebudayaan, DATO' HAJI SABBARUDDIN CHIK, D.S.A.P., S.M.S. (Temerluh).
- .. Menteri Perusahaan Awam, PUAN NAPSIAH BINTI OMAR (Kuala Pilah).
- .. Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DR MOHAMAD YUSOF BIN HAJI MOHAMED NOR, D.P.M.T., J.M.N., S.M.T., P.P.T. (Setiu).
- .. Menteri Kebajikan Masyarakat, TUAN MUSTAFFA BIN MOHAMMAD, S.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Sri Gading).
- .. Timbalan Yang di-Pertua, TUAN MOHAMED AMIN BIN HAJI DAUD, A.M.N., A.M.P. (Rompin).
- .. Timbalan Yang di-Pertua, TUAN D. P. VIJANDRAN (Kapar).
- .. Timbalan Menteri Kesihatan, DATO' K. PATHMANABAN, D.S.N.S., K.M.N. (Telok Kemang).
- .. Timbalan Menteri Pertahanan, DATO' ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, D.S.A.P., P.N.B.S., J.M.N. (Paloh).
- .. Timbalan Menteri Kerjaraya, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- .. Timbalan Menteri Pertanian, TUAN MOHD. KASSIM BIN AHMED (Machang).
- .. Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' S. SUBRAMANIAM, D.S.N.S., S.M.J. (Segamat).
- .. Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' OO GIN SUN, D.S.D.K., S.D.K., A.M.K., J.P. (Alor Setar).
- .. Timbalan Menteri Dalam Negeri, DATO' MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB, D.P.C.M., A.M.P., A.M.K. (Pasir Salak).
- .. Timbalan Menteri Perusahaan Awam, TUAN HAJI DAUD BIN DATO' HAJI TAHA (Batu Pahat).
- .. Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN NG CHENG KUAI, A.M.P. (Lumut).

Yang Berhormat Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, DATO' MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik).

„ Timbalan Menteri Pertanian, DATO' ALEXANDER YU LUNG LEE, D.P.M.P. (Batu).

„ Timbalan Menteri Buruh, DATO' WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMED, D.I.M.P. (Jerantut).

„ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, TUAN WANG CHOON WING, A.M.N. (Lipis).

„ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DR SITI ZAHARAH BINTI HAJI SULAIMAN (Mentakab).

„ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' KOK WEE KIAT, A.M.N. (Selandar).

„ Timbalan Menteri Pendidikan, TUAN WOON SEE CHIN, A.M.N., P.I.S. (Senai).

„ Timbalan Menteri Buruh, TUAN KALAKAU UNTOL (Tuaran).

„ Timbalan Menteri Kewangan, TUAN LOKE YUEN YOW, A.M.P. (Tanjong Malim).

„ Timbalan Menteri Kerjaraya, TUAN OSU BIN HAJI SUKAM (Papar).

„ Timbalan Menteri Penerangan, TUAN RAILEY BIN JAFFREY (Silam).

„ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, K.M.N., P.B.S. (Sarikei).

„ Timbalan Menteri Pengangkutan, DATIN PADUKA HAJJAH ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Selayang).

„ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN ALIAS BIN MD. ALI, S.M.T., K.M.N., P.J.K. (Hulu Terengganu).

„ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, RAJA ARIFFIN BIN RAJA SULAIMAN, S.M.S. (Baling).

„ Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TUAN HAJI MOHD. KHALID BIN MOHD. YUNUS (Jempol).

„ Timbalan Menteri Pendidikan, DR LEO MICHAEL TOYAD (Mukah).

„ Timbalan Menteri Luar Negeri, TOH MUDA DR ABDULLAH FADZIL BIN CHE WAN, P.C.M. (Bukit Gantang).

„ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN ABDUL GHANI BIN OTHMAN (Ledang).

„ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DRS SULEIMAN BIN MOHAMED (Titiwangsa).

„ Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, TUAN HAJI AWANG BIN JABAR, S.M.T., A.M.N., P.J.K. (Dungun).

Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, DATO' HAJI DUSUKI BIN HAJI AHMAD, D.I.M.P. (Tumpat).

„ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, CIK TENG GAIK KWAN, A.M.N., P.P.N. (Raub).

„ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Masyarakat, TUAN PETER CHIN FAH KUI (Lambir).

„ Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN ONG TIN KIM (Teluk Intan).

„ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, TUAN M. G. PANDITHAN, K.M.N. (Tapah).

„ Setiausaha Parlimen Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan, TUAN ABDUL RAMAN BIN SULIMAN (Parit Buntar).

„ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN OTHMAN BIN ABDUL (Pendang).

„ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN MOHAMED BIN JAMRAH, A.M.P., P.P.T. (Bagan Datok).

„ Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TUAN ADAM BIN ABDUL KADIR (Kuantan).

„ TUAN ABDOL MULOK AWANG DAMIT (Labuan).

„ DATO' ABDUL AJIB BIN AHMAD, D.G.S.M., D.P.M.J., B.S.I. (Mersing).

„ DR ABDUL HADI BIN DERANI, K.M.N., A.M.K., (Kota Setar).

„ DATO' ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR, D.S.D.K., A.M.K. (Kulim-Bandar Baharu).

„ TUAN HAJI ABDUL MANAF BIN HAJI AHMAD, A.M.N., A.M.P., P.J.K., (Sungai Petani).

„ TUAN ABDUL RAHMAN BIN BAKAR (Marang).

„ TUAN HAJI ABDUL RAZAK BIN ABU SAMAH, D.S.M., A.M.N., P.J.K. (Lembah Pantai).

„ DATUK PATINGGI HAJI ABDUL TAIB MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Samarahan).

„ DATO' ABDULLAH AHMAD, S.J.M.K., D.P.M.K., P.N.B.S., A.D.K. (Kok Lanas).

„ DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.M.P.N., D.J.N., K.M.N. (Kepala Batas).

„ TUAN HAJI ABDULLAH BIN HAJI ARSHAD (Pengkalan Chepa).

„ DATO' DR AFFIFUDIN BIN HAJI OMAR, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap).

„ TUAN AHMAD BIN OMAR, P.P.N. (Pagoh).

„ TUAN HAJI BASRI BIN BAJURI, K.M.N., P.J.K. (Kuala Langat).

Yang Berhormat TUAN BERNARD GILUK DOMPOK (Penampang).

- „ TUAN HAJI BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- „ TUAN CHEW KAM HOY, A.M.K., J.P. (Padang Serai).
- „ TUAN CHIAN HENG KAI (Bukit Mertajam).
- „ TUAN SAMSON CHIN CHEE TSU (Tawau).
- „ TUAN CHUA JUI MENG (Bakri).
- „ DR V. DAVID (Puchong).
- „ TUAN DOUGLAS UGGAH EMBAS, A.B.S., P.B.S. (Betong).
- „ DR ENG SENG CHAI (Petaling Jaya).
- „ TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
- „ TUAN GERARD MATH LEE MIN, A.S.D.K. (Gaya).
- „ TUAN GHAZALI BIN AHMAD, A.M.N., P.C.K. (Jerai).
- „ DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ TUAN GOOI HOCK SENG (Bukit Bendera).
- „ TUAN HASHIM BIN SAFIN *alias* SHAFAIN, A.M.N. (Tanah Merah).
- „ TUAN HSING YIN SHEAN (Tanjong Aru).
- „ TUAN HAJI HUSSEIN BIN HAJI TAIB, P.P.N., P.J.K. (Sabak Bernam).
- „ TUAN HU SEPANG (Rasah).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN ALI (Pasir Mas).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM AZMI BIN HASSAN (Kuala Nerus).
- „ TUAN ISMAIL *alias* MANSOR BIN SAID, S.M.T., A.M.N. (Kemaman).
- „ TUAN JAWAH ANAK GERANG (Lubok Antu).
- „ TUAN JIMBUN ANAK PUNGA *alias* JAMES JIMBUN ANAK PUNGA, P.B.S. (Kapit).
- „ TUAN JUSTINE ANAK TEMENGGONG JINGGUT (Ulu Rajang).
- „ TUAN KADOH AGUNDONG (Padas).
- „ DATO' HAJI KAMARUZAMAN BIN HAJI AHMAD, D.P.M.S., J.M.N., A.M.N., J.P. (Tanjung Karang).
- „ TUAN R. KARPAL SINGH (Jelutong).
- „ TUAN LAINUS ANAK ANDREW LUWAK (Serian).
- „ TUAN LAU DAK KEE (Pasir Pinji).
- „ TUAN LAW LAI HENG *alias* GOH LAI HENG, P.I.S., B.S.I., K.M.N., A.M.N. (Pontian).
- „ TUAN LEE LAM THYE (Bukit Bintang).

Yang Berhormat DATO' PAUL LEONG KHEE SEONG, D.P.C.M. (Taiping).

- „ TUAN LIEW AH KIM (Seputeh).
- „ DR LIM ANN KOON, S.S.A., P.J.K. (Ampang Jaya).
- „ TUAN LIM GUAN ENG (Kota Melaka).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Tanjong).
- „ PUAN LING CHOOI SIENG (Kluang).
- „ TUAN MADATANG BIN MOREJAL (Bandau).
- „ TUAN MAIDOM BIN PANSAI *alias* PAUL PANSAI (Kota Belud).
- „ TUAN METAH BIN ASANG *alias* MICHAEL ASANG, B.S.K. (Jambongan).
- „ TUAN MOHAMAD BIN ABDULLAH, P.J.K. (Maran).
- „ DATO' HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, D.J.M.K., K.M.N., A.M.N., P.B. (Nilam Puri).
- „ TUAN MOHAMED BIN HAJI ISA, A.M.N., P.S. (Kuala Kerai).
- „ TUAN MOHAMED SAM BIN HAJI SAILAN, A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Muar).
- „ TUAN MOHAMED TAWFIK BIN TUN DR ISMAIL (Sungai Benut).
- „ TUAN HAJI MOHAMED BIN YAACOB (Rantau Panjang).
- „ DATO' HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM, D.S.D.K., K.M.N. (Kuala Kedah).
- „ TUAN MOHAMMAD SUBKY BIN HAJI ABDUL RAOF, A.M.N., P.J.M. (Balik Pulau).
- „ TUAN MOHAMMED YUSOFF BIN ABDUL LATIFF, J.P. (Tasek Gelugor).
- „ DATUK SERI HAJI MOHD. ADIB BIN HAJI MOHD. ADAM, D.G.S.M. (Alor Gajah).
- „ TUAN MOHD. NOH BIN RAJAB (Tampin).
- „ TUAN MOHD. SHARIF BIN JAJANG, A.M.N., P.J.K. (Sepang).
- „ TUAN MOHD. TAMRIN BIN ABDUL GHAFAR (Batu Berendam).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH, S.M.K. (Bachok).
- „ TUAN MOHD. ZIHIN BIN MOHD. HASSAN (Larut).
- „ DATO' MUSA BIN HITAM, S.P.M.J., S.S.I.J., S.P.M.S., D.U.N.M., S.P.N.S. (Kota Tinggi).
- „ Tun Datu Haji Mustapha bin Datu Harun (Limbawang).
- „ TUAN MUTANG TAGAL (Bukit Mas).
- „ TUAN NASRUDDIN BIN ALANG SAIDIN (Parit).
- „ TUAN NGOI THIAM WOH (Kampar).

Yang Berhormat DR NICHOLAS MUNONG IBAU (Rajang).

- „ TUAN NURNIKMAN BIN ABDULLAH (Kimanis).
- „ TUAN JOE OJIHI SUPIRING (Marudu).
- „ DATUK JOSEPH PAIRIN KITINGAN (Keningau).
- „ DR PATAU RUBIS, P.B.S. (Mas Gading).
- „ TUAN P. PATTO (Ipoh).
- „ TUAN PETER PAUL DASON (Bayan Baru).
- „ DATUK PETER TINGGOM ANAK KAMARAU, P.N.B.S., P.C., K.M.N., A.M.N. (Saratok).
- „ TUAN PITTING BIN HAJI MOHD. ALI (Kinabatangan).
- „ DATO' RADZI BIN SHEIKH AHMAD, D.P.M.P. (Kangar).
- „ DATIN PADUKA HAJAH RAHMAH BINTI OTHMAN, D.P.M.S., J.S.M., S.M.S., A.M.P., P.J.K. (Shah Alam).
- „ DATO' RAIS YATIM, D.S.N.S. (Jelevu).
- „ Y.B.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang).
- „ DATO' HAJI SAIDIN BIN HAJI MAT PIAH, D.P.M.P., P.M.P., A.M.N., P.J.K. (Tasik Chenderoh).
- „ DATUK HAJI SAKARAN BIN DANDAI, S.P.D.K., J.P. (Semporna).
- „ TUAN SHAHIDAN BIN KASSIM, A.M.P. (Arau).
- „ DATO SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD, D.P.M.J., P.I.S. (Johor Bahru).
- „ PUAN HAJAH SHARIFFAH DORAH BINTI DATO' SYED MOHAMMED, S.M.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Parit Sulong).
- „ TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).
- „ TUAN S. S. SUBRAMANIAM, P.J.K., A.M.S. (Hulu Selangor).
- „ TUAN TAIMAN BIN LUMAING (Pensiangan).
- „ DATUK DANIEL TAJEM ANAK MIRI (Batang Lupar).
- „ TUAN TAN KOK WAI (Sungai Besi).
- „ DR TAN SENG GIAW (Kepong).
- „ TUAN TEOH TEIK HUAT (Bagan).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN TIEU SUNG SENG *alias* TIU SIING SENG (Sibu).
- „ TUAN TING CHEK MING (Batu Gajah).
- „ DR TING CHEW PEH (Gopeng).
- „ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- „ TUAN HAJI WAN OMAR BIN WAN MAJID, S.M.K., P.P.N. (Pasir Puteh).

Yang Berhormat DATUK HAJI YAHAYA BIN MOHD. SHAFIE (Tambun).

- „ PUAN ZAINABON *alias* ZAINAB BINTI ABU BAKAR (Tebrau).
- „ DATO' ZAINAL ABIDIN BIN JOHARI, D.S.D.K., K.M.N., P.P.N.,
B.K.M., P.J.K., J.P. (Sik).
- „ DATO' ZAINAL ABIDIN BIN ZIN, D.P.M.P., P.M.P. (Bagan Serai).
- „ DATO' HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N.,
P.J.K. (Besut).
- „ TUAN ZUBIR BIN EMBONG (Kuala Terengganu).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz, D.P.M.P.,
J.M.N., S.M.P., P.P.T.

Ketua Penolong Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid, A.M.N.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Ketua Penyunting: Yahya Manap.

Penyunting Kanan: P. B. Menon.

Penyunting Kanan: Haji Osman bin Sidik.

Penolong Penyunting: N. Ramaswamy.

Penolong Penyunting: Amran bin Ahmad.

Pelapor Perbahasan Parlimen:

Haji Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Hajjah Julia binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Hajjah Kalsom binti Ghazali.

Mohamed bin Osman.

Norishah binti Mohd. Thani.

Zaharah binti Naim.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Mohd. Kassim bin Hashim.

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT

Isnin, 6hb Julai, 1987

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Timbalan Yang di-Pertua *mem-*
pengerusikan Mesyuarat)

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN- PERTANYAAN

PEMINDAHAN TEKNOLOGI

1. Tuan S. S. Subramaniam minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kementerianannya untuk menggalakkan proses pemindahan teknologi dari negara-negara sedang membangun kepada negara kita dan adakah Kementerianannya sedar projek pemindahan teknologi ini tidak digalakkan dengan keadaan "red-tape" pelaburan asing di negara kita dan pemberian "work permit" kepada warganegara asing berkaitan dengan pelaburan itu dan apakah tindakan yang sedang diambil oleh Kementerianannya untuk membaiki perkara tersebut.

Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Dato Kok Wee Kiat): Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan memang sedar bahawa teknologi adalah asas kepada pembangunan perindustrian sesebuah negara itu. Bagi negara Malaysia yang masih kekurangan dalam teknologi perindustriannya sendiri (indigenous industrial technology), maka untuk memajukan industri, kita memerlukan teknologi asing. Untuk memastikan bahawa proses pemindahan teknologi

dapat berjalan dengan berkesan dan memanfaatkan negara kita, adalah penting kita memperkukuhkan kebolehan dan kemampuan rakyat tempatan bukan sahaja bagi menerima teknologi-teknologi tersebut sesuai dengan suasana tempatan (adaptation and adoption of technology) dan seterusnya mencipta teknologi-teknologi tempatan.

Perkara yang penting yang diberi tumpuan oleh Kerajaan dalam pemindahan teknologi ialah supaya rakyat tempatan dapat menyerap teknologi asing yang dibawa masuk itu. Beberapa usaha dan langkah telah pun diambil oleh pihak Kerajaan untuk meningkatkan lagi pembangunan teknologi termasuk perkara-perkara berikut:

- (i) meninggikan lagi taraf penyelidikan dan pembangunan di Malaysia dengan membuat peruntukan sebanyak \$400 juta dalam Rancangan Malaysia Kelima;
- (ii) menguatkan pertubuhan SIRIM dengan terdinya pusat-pusat pemindahan teknologi seperti Pusat Foundri, MEDEC, Pusat Teknologi Seramik, Plastik dan sebagainya;
- (iii) merangkakan satu Taman Teknologi yang dicadang akan diadakan di Serdang bagi meningkatkan pembangunan industri-industri berasaskan ilmu pengetahuan;
- (iv) menubuhkan Pasukan Petugas mengenai Pembangunan

Teknologi yang dipengerusikan oleh Kementerian Perdagangan dan Perindustrian selaras dengan syor yang dibuat dalam Pelan Induk Perindustrian;

- (v) menubuhkan Majlis-majlis Latihan Perindustrian, Lembaga Latihan Vokasional Negara dan Universiti Teknologi Negara bagi mempercepatkan proses penyerapan teknologi asing melalui latihan dan penyusunan semula kurikulum vokasional

Untuk menarik industri berteknologi tinggi serta mengurangkan "red tape" yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu, Kerajaan telah memperkenalkan galakan-galakan baru yang menarik, melonggarkan peraturan-peraturan perlesenan, mengeluarkan garis panduan baru mengenai penyertaan ekuiti asing dan usaha-usaha lain di dalam memperkembangkan lagi prosedur-prosedur berhubung dengan kelulusan bagi menubuhkan projek-projek perindustrian adalah di antara langkah yang telah diambil oleh Kerajaan. Oleh yang demikian, adalah kurang tepat dengan mengambil kesimpulan bahawa proses pemindahan teknologi tersekat oleh "red tape" pelaburan asing di negara kita, kerana kebiasaannya pihak asing begitu berkeberatan untuk memindahkan kesemua pengetahuan teknologi yang ada padanya.

Berkaitan dengan rungutan Yang Berhormat mengenai kelewatan dan sukar mendapatkan permit kerja yang membawa implikasi kepada suasana pemindahan teknologi, suka saya menjelaskan bahawa dasar Kerajaan adalah agak "liberal" mengenai pemberian permit kerja ini. Pada masa ini bagi pelaburan yang melibatkan lebih dari US\$2 juta (5 juta ringgit), Kerajaan telah menetapkan bahawa seramai lima jawatan untuk rakyat

asing sekurang-kurangnya satu jawatan "key post" akan diluluskan secara automatik. Bagi penambahan jawatan asing yang lain, ianya adalah bergantung kepada permintaan dan keperluan syarikat. Bagi pelaburan yang kurang dari US\$2 juta, satu jawatan "key post" (jawatan penting) boleh diluluskan sekiranya modal asing melebihi MS\$500,000. Bagi jawatan-jawatan lain ianya adalah bergantung kepada keperluan kepakaran serta kemahiran sesuatu jawatan itu.

Daripada permohonan-permohonan yang diterima oleh Kerajaan, adalah didapati industri-industri menyambut baik insentif-insentif yang ditawarkan oleh Kerajaan ini dan dalam jangka panjang ini akan dapat menyumbang ke arah matlamat kita untuk memperkukuhkan kemampuan dan kebolehan teknologi negara.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah sebenarnya yang dimaksudkan sebagai pemindahan teknologi oleh Yang Berhormat? Dan apakah kriteria digunakan untuk mengukur pemindahan teknologi ini dan kenyataan itu tadi mengenai pelaburan lebih daripada \$400 juta, ini hanya janji sahaja ataupun benar-benar dilaburkan di negara ini?

Dato Kok Wee Kiat: Tuan Yang di-Pertua, kriteria untuk mengukur pemindahan teknologi ada banyak tetapi ada satu test yang simple, dengan izin, itu ialah kita mesti menyoal ada teknologi itu di negara kita, dan apa gunanya. Kalau jawapan ialah tidak ada di negara ini, dan ada gunanya dan kita tidak tahu know-how, dengan izin, itulah satu teknologi yang tinggi yang kita patut ada di negara kita.

Dan soalan yang kedua iaitu angka \$500,000 itu satu piawaian sahaja. Kalau modal asing melebihi angka itu

kita luluskan satu key-post sahaja, satu guideline, garis panduan.

NELAYAN PUKAT TUNDA DI PULAU KETAM

2. **Dr Tan Seng Giaw** minta Menteri Pertanian menyatakan hasil siasatan Yang Berhormat Timbalan Menteri ke atas masalah-masalah nelayan kapal tunda di Pulau Ketam. Apakah pula bilangan nelayan dan masalah-masalah yang dihadapi oleh nelayan:

- (a) pinggir pantai di Pantai Barat;
- (b) pinggir pantai di Pantai Timur;
- (c) luar pantai di Pantai Barat;
- (d) luar pantai di Pantai Timur; dan
- (e) pinggir pantai dan luar pantai di Sabah dan Sarawak.

Apakah di antara tindakan-tindakan yang diambil oleh pihak Kementerian untuk menyelesaikan masalah nelayan-nelayan ini.

Timbalan Menteri Pertanian (Dato' Alexander Yu Lung Lee): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pertanian telah menjalankan siasatan dan mengenalpasti masalah utama Pukat Tunda di Pulau Ketam, adalah berakibat daripada masalah kekurangan sumber-sumber perikanan, di mana sumber-sumber tersebut telah merosot dengan seriusnya. Yang demikian, tindakan-tindakan perlu diambil bagi mengatasi masalah ini, seperti mencari saluran-saluran lain bagi nelayan-nelayan Pulau Ketam untuk penghidupan lain yang menguntungkan. Kementerian Pertanian dengan kerjasama Kerajaan Negeri Selangor telah berusaha mencari peluang kepada nelayan-nelayan Pulau Ketam untuk penglibatan dalam bidang akuakultur dan juga berkecimpung ke dalam industri perikanan laut dalam dan juga industri perikanan laut dalam di negara asing.

Kerajaan Negeri Selangor telah bersetuju memperuntukkan sebanyak \$328,000 untuk bekalan elektrik dan \$150,000 untuk membina jeti baru di Sg. Lima Pulau Ketam dan juga bekalan air di bawah Skim Antah Biwater.

Bilangan nelayan adalah seperti berikut:

- (a) pinggir pantai di Pantai Barat ialah 27,097 orang;
- (b) pinggir pantai di Pantai Timur ialah 17,279 orang;
- (c) luar pantai di Pantai Barat ialah 16,681 orang;
- (d) luar pantai di Pantai Timur ialah 8,473 orang; dan
- (e) pinggir pantai dan luar pantai:

		<i>Sabah</i>	<i>Sarawak</i>
Pantai	..	11,773	15,450
Luar Pantai		1,105	1,550

Masalah yang dihadapi oleh nelayan-nelayan pantai di Pantai Barat dan Pantai Timur Semenanjung Malaysia ialah kemerosotan sumber-sumber perikanan akibat dari kegiatan eksploitasi dengan berlebihan.

Di antara tindakan yang diambil oleh pihak Kementerian untuk menyelesaikan masalah nelayan-nelayan ini ialah membekukan lesen-lesen baru menangkap ikan di perairan tersebut. Di samping itu langkah-langkah sedang diambil untuk memulihkan semula sumber-sumber tersebut seperti mengadakan tukun tiruan dan sebagainya.

Kementerian juga sedang menggalakkan perusahaan perikanan laut dalam di Pantai Timur Semenanjung, di Sabah dan Sarawak.

Tuan Abdul Rahman bin Bakar: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah usaha-usaha Kementerian bagi meningkatkan bilangan nelayan luar pantai di Pantai Timur yang jelas berkurangan dengan

nelayan di luar pantai di Pantai Barat, semoga usaha-usaha itu akan mencerminkan satu keadaan bilangan yang agak stabil dan memuaskan. Terima kasih.

Dato' Alexander Yu Lung Lee: Di pinggir pantai dasar Kementerian Pertanian untuk memberikan lesen kepada nelayan tradisi sahaja dan juga di Pantai Barat dan dasar kita hendak mengurangkan nelayan-nelayan di Pantai Barat sampai satu bilangan yang kami rasa adalah sumber-sumber yang cukup, tetapi kalau nelayan-nelayan di Pantai Timur tidak memohon lesen tradisi itulah satu soalan yang mereka sendiri boleh memutuskannya.

Tuan Sim Kwang Yang: Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa baru-baru ini Negeri Sarawak selepas pelaksanaan Akta Pindaan Perikanan yang baru-baru ini diluluskan oleh Dewan yang mulia ini.

Selepas pelaksanaan Akta ini banyak nelayan-nelayan pun membantah tindakan tersebut oleh kerana masalah-masalah yang timbul, satu di antaranya adalah bahawa perairan dibahagikan kepada beberapa zon yang menjadikan susah masalah kepada nelayan-nelayan untuk mencari rezeki yang reasonable, itu sahaja. Kalau sedar, apa tindakan akan diambil, adakah pihak Kerajaan bertujuan untuk mungkin menangguhkan pelaksanaan Akta ini sehingga suatu masa yang sesuai selepas penyiasatan telah dijalankan oleh pihak Kerajaan sahaja.

Dato' Alexander Yu Lung Lee: Tuan Yang di-Pertua, Akta Perikanan telah dilaksanakan dua tahun. Dan di Sarawak kita tidak dapat apa-apa pengaduan berkenaan masalah-masalah berkenaan zon-zon yang terlibat.

PERSIDANGAN ANTARABANGSA MENGENAI DADAH

3. Tuan Abdul Rahman bin Bakar minta Perdana Menteri menjelaskan apakah hasil dan kemajuan yang diperolehi dari Persidangan Antarabangsa mengenai penagihan dadah dan pengedaran haram di Vienna yang telah disertai oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr Mahathir Mohamad baru-baru ini, terutamanya dalam konteks Negara Malaysia dan Antarabangsa amnya.

Perdana Menteri (Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamad): Tuan Yang di-Pertua, Persidangan Antarabangsa mengenai dadah yang telah berlangsung dari 17hb hingga 26hb Jun, 1987 telah menghasilkan dua dokumen substantif iaitu seperti berikut:

- (a) Garis panduan komprehensif dan pelbagai disiplin bagi tindakan masa hadapan untuk mengawal penagihan dadah ataupun dalam bahasa Inggerisnya, dengan izin, Comprehensive Multi-disciplinary Outline of Future Activities in Drug Abuse Control yang dipendekkan dengan CMO. CMO ini telah diterima oleh masyarakat antarabangsa sebagai panduan mengenai tindakan-tindakan yang perlu dan boleh diambil bagi membanteras masalah penagihan dan pengedaran dadah. Walaupun ianya bukan satu perjanjian atau satu persetujuan, ianya merupakan penerimaan oleh masyarakat antarabangsa bahawa dadah mesti diperangi dan cara-cara memerangnya adalah menerusi cara-cara dan kaedah-kaedah yang dimuatkan dalam CMO ini.

(b) Deklarasi Persidangan
Antarabangsa mengenai
Dadah—

Deklarasi ini yang juga telah diluluskan dengan sebulat suara oleh Persidangan, bertujuan mendapatkan commitment politik semua negara yang mengambil bahagian untuk berjuang habis-habisan menentang penagihan dan pengedaran dadah. Negara-negara yang hadir telah menyatakan kesediaan mereka untuk bertindak bersama di peringkat kebangsaan, antara rantau dan antarabangsa.

Tindakan ini termasuk menyokong dan menyertai semua Konvensyen Bangsa-bangsa Bersatu Mengenai Dadah serta membantu badan-badan Bangsa-bangsa Bersatu yang berkenaan dalam usaha ini. Pengiktirafan juga diberikan ke atas peranan penting yang dimainkan oleh Badan-badan bukan Kerajaan (Non-Governmental Organizations), dengan izin. Deklarasi ini juga meminta Setiausaha Agung Bangsa-bangsa Bersatu mengkaji dari masa ke semasa penyelenggaraan tindakan-tindakan yang ternyata di Deklarasi dan CMO Persidangan ini.

Malaysia dan negara-negara ASEAN adalah pengasas utama dalam isu dadah dan perlunya satu persidangan antarabangsa diadakan mengenainya. Dengan yang demikian, kejayaan yang dicapai oleh Persidangan ini merupakan kejayaan Malaysia dan ASEAN. Pengiktirafan tentang peranan yang dimainkan oleh Malaysia ternyata apabila Persidangan melantik Malaysia sebagai Pengerusi Persidangan.

Penghormatan terhadap negara juga diberi apabila masyarakat antarabangsa menerima cadangan Malaysia yang dikemukakan oleh Mesyuarat Persediaan Kedua supaya

satu deklarasi dikeluarkan oleh persidangan. Dalam konteks antarabangsa pula, persidangan ini adalah penting oleh kerana ianya telah berhasil menarik penyertaan daripada 138 negara untuk bertindak bersama menentang wabak dadah ini. Ini merupakan penerimaan antarabangsa atas bahayanya dadah sekira ianya tidak dikawal.

Penerimaan negara-negara dunia ini adalah penting oleh kerana sesebuah negara pasti tidak akan berjaya 100% membanteras dadah tanpa sokongan dan bantuan negara-negara lain. Dengan demikian, kita berharap kejayaan yang telah dicapai di Vienna itu akan membantu usaha-usaha yang sedang dan akan dijalankan oleh Malaysia ke arah pembasmian wabak ini di tanahair kita.

Tuan Shahidan bin Kassim: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Baru-baru ini Yang Amat Berhormat sebagai Presiden Persidangan Antarabangsa Mengenai Dadah telah mengeluarkan kenyataan akhbar menyeru negara-negara agar menambahkan peruntukan kewangan untuk memerangi dadah. Jadi, dalam konteks Malaysia, adakah Kerajaan bercadang untuk menambahkan sumbangan kewangan ataupun mengadakan peruntukan khas dalam belanjawan yang akan datang kepada badan-badan yang aktif memerangi dadah seperti PEMADAM dan lain-lain lagi?

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan sedang menimbang peruntukan untuk memerangi dadah keseluruhannya.

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bagaimana Malaysia bercadang melaksanakan garis panduan komprehensif, pelbagai disiplin untuk membanteras penyalahgunaan dan pengedaran dadah.

Yang kedua, saya ingin juga bertanya sejauh mana pada anggapan Yang Amat Berhormat negara-negara lain iaitu masyarakat antarabangsa termasuk negara Malaysia dapat melaksanakan apa yang disentuh oleh Yang Amat Berhormat tentang "political commitment" ini untuk membanteras dadah memandangkan bahawa di tiap-tiap persidangan antarabangsa yang diadakan ada banyak cakap-cakap yang dikeluarkan ataupun dalam bahasa Inggerisnya a lot of discussions, tetapi tidak ada tindakan yang positif yang dapat diambil untuk mengatasi masalah itu.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, banyak daripada cadangan-cadangan yang terkandung dalam CMO itu telah pun diusahakan oleh Malaysia bahkan Malaysia telah mencadang kemasukan cara-cara ini dalam dokumen yang telah disediakan dan yang dibahaskan serta diterima.

Namun demikian ada perkara-perkara yang mungkin boleh dilaksanakan oleh Malaysia termasuklah tindakan dalam negeri, tindakan yang melibatkan negara-negara jiran dan juga dalam dunia antarabangsa dan semua ini akan dikaji dan seberapa yang boleh kita akan laksanakannya.

Berkenaan dengan sama ada negara-negara lain benar-benar mempunyai "political commitment" kita tidaklah dapat menentukan perkara ini tidak tinggal sebagai cakap-cakap sahaja, tetapi apa yang perlu kita ambil perhatian ialah ramai negara-negaranya yang biasa tidak hadir dalam persidangan-persidangan seperti ini telah mengambil bahagian yang cergas dalam persidangan ini dan bilangan 138 ini dianggap sebagai bilangan yang tertinggi sekali yang terdapat dalam persidangan antarabangsa yang sejenis. Ini dengan sendirinya menunjukkan "commitment" negara-negara yang berkenaan, juga mereka diwakili di peringkat yang tinggi.

Namun demikian, tentulah ada negara-negara yang hadir yang mungkin tidak akan melaksanakan cadangan-cadangan seperti yang dijangkakan oleh kita. Tetapi walaupun kita dapat sebahagian besar daripada yang hadir ini melaksanakannya maka kita akan dapat mencapai satu kejayaan yang boleh memuaskan dan berkesan.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat Dr Lim Ann Koon.

(Soalan No. 4 Y. B. Dr Lim Ann Koon tidak hadir)

TELEFON AWAM DI LUAR BANDAR

5. Dr Abdul Hadi bin Derani minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil oleh Syarikat Telekom Malaysia untuk memberi khidmat dan kemudahan telefon awam yang mencukupi di kawasan luar bandar.

Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos (Tuan Ong Tin Kim): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, langkah-langkah yang telah dan sedang dijalankan oleh Syarikat Telekom Malaysia untuk memberi khidmat dan kemudahan telefon awam di luar bandar adalah seperti berikut:

- (a) menyediakan perkhidmatan-perkhidmatan pondok telefon awam di luar bandar; dan
- (b) mengekalkan peraturan di mana tiap-tiap Jawatankuasa Keselamatan dan Kemajuan Kampung boleh dapat mengemukakan cadangan untuk memasang telefon awam di kampung-kampung melalui Pegawai Kemajuan Negeri masing-masing.

Tuan Lau Dak Kee: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Setiausaha Parlimen berkenaan sedar bahawa beberapa kes yang terdapat di mana pondok-pondok telefon terletak di kampung-kampung sukar dipakai oleh penduduk-penduduk kampung oleh kerana mereka terpaksa mempunyai pengetahuan untuk menggunakan pondok telefon itu dan cara untuk memakai telefon itu dan di mana mereka juga selalu apabila memasukkan 10 sen, 20 sen atau 50 sen ke dalam lubang telefon itu, duit itu masuk sahaja tetapi tidak dapat menghubungi nombor yang mereka panggil itu? Dan juga adakah Kerajaan sedar apakah langkah-langkah untuk memberi kursus atau satu pelajaran kepada penduduk-penduduk kampung supaya mereka tahu menggunakan telefon ataupun kemudahan-kemudahan yang telah disediakan kepada mereka?

Yang kedua, adakah Menteri yang berkenaan sedar bahawa aduan-aduan terhadap Syarikat Telekom Malaysia yang telah diwastakan itu di mana terdapat telefonnya selalu ditukar menimbulkan beberapa kesulitan kepada pengguna-pengguna telefon dan apakah langkah-langkah yang Kerajaan akan ambil untuk membereskan aduan ini di mana perkhidmatan di bandar itu boleh disempurnakan barulah bincang perkhidmatan kepada luar bandar.

Tuan Ong Tin Kim: Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan soalan pertama mengenai pondok-pondok telefon awam yang tidak diberi ke kampung-kampung itu mungkin diakibatkan oleh kekurangan kabel di kawasan itu. Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos sedang menguruskan supaya semua kampung-kampung di luar bandar mendapatkan perkhidmatan telefon awam melalui Sistem ATUR ataupun Multi Access Radio. Tetapi ini berkehendakkan

sedikit masa untuk menjalankan projek-projek ini.

Berkenaan dengan kerosakan telefon awam di kampung-kampung, ini adalah akibat daripada vandalism oleh orang-orang atau penduduk-penduduk di tempat itu. Jadi ini adalah satu soalan yang susah diatasi, tetapi kita di Kementerian memang sedar akan perkara ini dan menyeru penduduk-penduduk di kawasan itu untuk bekerjasama supaya kerosakan tidak terjadi oleh vandalism di kawasan itu.

Berkenaan soalan ketiga, saya ingat itu terkeluar dari soalan pokok. Saya tidak bercadang hendak menjawabnya.

Tuan Lau Dak Kee: Tuan Yang di-Pertua, penjelasan sahaja. Sebab soalan saya bukanlah vandalism, soalan saya ialah cara-cara macam mana untuk memberitahu orang-orang kampung menggunakan alat-alat telefon yang sedia ada, sebab mereka tidak tahu.

Tuan Ong Tin Kim: Menjawab soalan Ahli Yang Berhormat dari Pasir Pinji ini, pada pandangan saya orang-orang awam memang sedar bagaimana hendak menggunakan telefon awam di mana-mana tempat juga. Jikalau ada pengguna-pengguna atau penduduk-penduduk yang tidak faham bagaimana hendak menggunakan telefon awam, silalah beritahu Jabatan Telekom atau STM. Di mana-mana pun ada Kedai Telekom atau branches yang mana boleh didapati informasi yang dikehendaki oleh penduduk-penduduk. Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos belum ada cadangan untuk memberi kursus dalam hal ini.

BAHAN PEWARNA YANG DIHARAMKAN

6. Tuan P. Patto minta Menteri Kesihatan menyatakan sebab-sebab

mengapa makanan-makanan yang mengandungi bahan-bahan berwarna yang telah diharamkan dibenarkan untuk dijual di kantin-kantin sekolah walaupun Akta Kaedah Makanan (Food Regulation Act) 1985 telah berkuatkuasa perlaksanaannya dan mengapa Kerajaan tidak mengambil tindakan tegas ke atas pengeluaran-pengeluar “junk food” yang hampir-hampir tidak mempunyai sebarang nilai zat yang dibekalkan dengan luas oleh mereka kepada mereka yang menjalankan perniagaan di kantin-kantin sekolah.

Timbalan Menteri Kesihatan (Dato' K. Pathmanaban): Kementerian Kesihatan sentiasa dari masa ke semasa mengambil sampel-sampel makanan yang mengandungi pewarna yang dijual di kantin-kantin sekolah dan kedai-kedai yang lain dan jika didapati pewarna yang tidak dibenarkan digunakan di dalam makanan itu, penjual ataupun pembuat makanan tersebut akan didakwa. Makanan-makanan berkenaan seterusnya akan dirampas dan dimusnahkan juga.

Makanan yang dianggap sebagai “junk food” tidaklah biasanya mendatangkan bahaya kesihatan dan kerana itu tidak diliputi oleh Akta Makanan. Walau bagaimanapun, Kementerian Kesihatan dari masa ke semasa mengambil samples apa yang dikatakan “junk food” itu untuk memastikan ianya tidak mengandungi bahan-bahan bahaya kesihatan yang tidak dibenarkan oleh Peraturan-peraturan Makanan 1985.

Tuan Ngoi Thiam Woh: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa “junk food” ini telah mengakibatkan malnutrition, dengan izin, di kalangan kanak-kanak terutama di kawasan bandar dan di kawasan suburban areas, dengan izin. Adakah Kementerian beliau bercadang menjalankan satu kajian

tentang betapa seriusnya malnutrition ini di kalangan kanak-kanak kita dan adakah Timbalan Menteri mencadangkan mengadakan suatu Akta untuk mengawal “junk food” ini.

Dato' K. Pathmanaban: Tuan Yang di-Pertua, soalan yang ketiga dulu. Memang sudah ada Akta Makanan yang memberi perlindungan dari penjualan makanan yang tidak sihat ataupun yang membawa bahaya kepada kesihatan dan berbagai-bagai perkara yang berkaitan juga ada di dalam Akta Makanan. Perkara memakan makanan yang baik atau berzat ataupun yang mendatangkan kebaikan kepada kanak-kanak kita khususnya, adalah satu tanggungjawab bukan sahaja Parlimen tetapi tanggungjawab ibu bapa juga, untuk sentiasa menasihatkan anak-anak mereka tentang bahan-bahan yang harus dimakan, mula dengan menyediakan masakan makanan yang berzat dan sihat di rumah-rumah sendiri. Kita tidak dapat masa ini mencadangkan satu Akta yang persendirian untuk “junk food”.

Mengenai soal kedua sama ada saya sedar “junk food” ini mendatangkan malnutrition, saya rasa sebagai “junk food” ia tidak mendatangkan malnutrition. Tetapi beberapa penyakit boleh membawa malnutrition dan juga tidak kesedaran tentang makanan yang baik dan berzat boleh mengakitkannya. Tanggungjawab dalam perkara ini adalah tanggungjawab bersama keluarga-keluarga, sekolah-sekolah, Kerajaan dan Ahli-ahli Parlimen juga. Mengenai malnutrition ini, memang Kerajaan telah menjalankan kajian dari masa ke semasa ke atas keadaan malnutrition rakyat kita, khususnya kanak-kanak, dan kita akan terus mengawasi keadaan ini.

Tuan Haji Abdul Manaf bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sejauh manakah

kerjasama di antara Kementerian kesihatan dengan pihak Penguatkuasa bagi mencegah perkara-perkara yang diharamkan seperti dalam Akta Makanan 1985?

Dato' K. Pathmanaban: Tuan Yang di-Pertua, adakah ini tentang kantin-kantin sekolah—kerjasama mengenai kantin-kantin sekolah?

PENERAPAN NILAI-NILAI ISLAM DI SEKOLAH-SEKOLAH

7. Tuan Mohamed Sam bin Haji Sailan minta Menteri Pendidikan menerangkan:

- (a) Konsep Penerapan Nilai-nilai Islam yang sebenarnya diamalkan di sekolah-sekolah dari segi disiplin sukan, olahraga, kebudayaan, pergaulan, pakaian, kegiatan-kegiatan ko-kurikulum yang lain dan sebagainya; dan
- (b) apakah rancangan Kerajaan untuk menyelaraskan amalan-amalan ini di sekolah-sekolah di seluruh negara, memandangkan bahawa Penerapan Nilai-nilai Islam yang dijalankan di sekolah-sekolah adalah mengikut budibicara dan pandangan serta kefahaman guru-guru yang terlibat bagi sekolah masing-masing.

Timbalan Menteri Pendidikan (Dr Leo Michael Toyad): Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, soalan pertama, penerapan nilai-nilai Islam yang diamalkan di sekolah-sekolah adalah merangkumi semua bidang pendidikan, kurikulum dan ko-kurikulum. Semua nilai baik dan murni didedah, diperkukuh dan diamalkan secara bersepadu di dalam kurikulum dan ko-kurikulum. Pelajar-pelajar diasuh dan dibimbing bagi mengamalkan pada setiap masa di dalam apa jua kegiatan dan kehidupan mereka.

Kedua, di dalam Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM), Kementerian sedang menyusun suatu pendekatan yang lebih jelas bagi mencapai usaha menerapkan nilai-nilai baik dan murni (yang juga berupa nilai-nilai Islam) kepada pelajar-pelajar menerusi semua mata pelajaran atau kegiatan ko-kurikulum yang diajar. Para guru yang sememangnya berkeupayaan menerapkan nilai-nilai murni yang dikehendaki diberi kursus-kursus khas yang diadakan dari masa ke semasa.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa penyerapan nilai-nilai Islam di sekolah-sekolah dalam suatu masyarakat yang berbilang bangsa dan agama boleh menyebabkan polarisasi kaum seperti yang baru-baru ini berlaku dalam perkara di Melaka mengenai masalah bacaan doa ataupun angkat ikrar yang dikenakan oleh Jabatan Pelajaran Melaka, dan bukannya lebih wajar dan lebih baik untuk pembinaan negara bahawa penyerapan nilai semua agama yang baik, universal, diadakan supaya tidak mengasing-asingkan pelajar-pelajar daripada peringkat sekolah kepada kumpulan beragama Islam dan bukan beragama Islam.

Dr Leo Michael Toyad: Tuan Yang di-Pertua, soalan ini memang telah dikemukakan dan juga perkara ini saya tidak ingin memanjang lagi kerana telah dijelaskan di dalam Dewan ini.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: (*Bangun*)

Tuan Lim Kit Siang: Boleh beri contoh, Tuan Yang di-Pertua, soalan yang asal, contoh boleh diberi.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Saya fikir.

Tuan Lim Kit Siang: Itu kita mahu tuju kepada jawapan bersoalan.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat dari Pasir Mas.

Tuan Lim Kit Siang: Tentu dia boleh betulkan.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Itu jawapan dia, Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: Bukan jawapan.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Sila duduk!

Tuan Lim Kit Siang: Jawapan ialah sama ada prinsip, bukan contoh. Bukan main-main di sini serius, selalu main-main, mana ini macam, sudah turun integriti Parlimen, sudah jatuh.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, sila duduk. Yang Berhormat dari Pasir Mas.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri adakah Kementerian Pendidikan bercadang untuk menjadikan konsep penerapan nilai-nilai Islam ini diserapkan kepada semua sekolah termasuk Sekolah jenis Kebangsaan Cina sebab konsep penerapan nilai Islam ini adalah satu konsep agama Islam yang universal yang boleh membantu mendidik kanak-kanak supaya berbudi pekerti yang baik, nilai-nilai yang mulia dan akhirnya kita akan pasti boleh mewujudkan perpaduan negara kita dan tidak melahirkan golongan-golongan yang jenis "kurang akal" seperti yang kita dengar tadi (*Ketawa*).

Tuan Lim Kit Siang: Point of order, sama ada perkataan itu boleh atau tidak boleh digunakan.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Perkataan apa itu?

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua ada di sini, tanya! Semua ada dengar.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Apa itu? Perkataan itu terhadap siapa Yang Berhormat?

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, itu perkataan umum, saya tidak tuju kepada sesiapa.

Tuan Lim Kit Siang: Jangan jadi pengecut. Dia kata mengenai apa yang dikata tadi. Minta satu ruling, jangan main-main di sini, mahu jadi pengecut—keluar! Saya minta tarik balik, saya minta satu ruling boleh atau tidak boleh digunakan.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Perkataan itu tidak terhadap Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: Ada, boleh dengar tape, tanya dia! Okay, saya tanya Yang Berhormat sendiri, berani atau tidak berani mengaku? Kalau tidak berani, saya lepas dia.

Timbalan Menteri Kesihatan (Dato' K. Pathmanaban): Point of order.

Dr Eng Seng Chai: (*Bangun*)

Dato' K. Pathmanaban: Duduklah, point of order ini.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Nanti sekejap, Yang Berhormat, dengar dahulu point of order.

Tuan Lim Kit Siang: (*Bangun*)

Tuan P. Patto: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Semua Yang Berhormat duduk! Walaupun ada satu point of order yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari.....Yang Berhormat dari Petaling Jaya, bila saya bercakap jangan cakap apa-apa!

Tuan Lim Kit Siang: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandaran): Yang Berhormat, duduk dahulu! Walaupun Yang Berhormat telah bangkitkan satu point of order, sekarang Yang Berhormat di sana pun bangkit atas point of order, saya hendak dengar apa point of order dia dahulu. Teruskan.

Tuan Lim Kit Siang: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Nanti, Yang Berhormat.

Dato' K. Pathmanaban: Point of order saya di atas perkara.....

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Peraturan Mesyuarat berapa, Yang Berhormat?

Dato' K. Pathmanaban: Peraturan Mesyuarat 36 (4) di atas apa yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari kawasan sudah tukar, apa itu—Tanjung! Mesti sebut apa perkara yang terlibat dalam point of order. Tidak sebut point of order, nombor pun tidak sebut, perkataan yang offensive pun tidak disebut. Sejauh saya dengar tiada apa yang dia sebut yang tidak boleh dikatakan di sini.

Tuan Lim Kit Siang: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua: Nanti, Yang Berhormat, duduklah. Yang Berhormat dari Pasir Mas sila terangkan tadi apa perkataan yang digunakan?

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, saya menyebut perkataan "kurang akal". "Akal" itu perkataan Arab bukan? (*Tepuk*)

Tuan Lau Dak Kee: (*Bangun*)

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Duduklah!

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat dari Pasir Mas, saya minta tarik balik perkataan itu.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Saya tarik balik "kurang akal".

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Baik. Yang Berhormat Timbalan Menteri teruskan jawapan.

Dr Leo Michael Toyad: Tuan Yang di-Pertua, seperti yang telah saya sebutkan tadi Kementerian sedang menyusun satu pendekatan yang lebih jelas. Jadi memang Kementerian akan menimbangkan pandangan-pandangan dari semua masyarakat dan juga semua segi untuk kebaikan dan untuk pembangunan peribadi pelajar-pelajar kita untuk kebaikan masyarakat semua.

PENGUNAAN BAHAN KIMIA PADA SAYUR-SAYURAN

8. Dato' Haji Saidin bin Haji Mat Piah minta Menteri Pertanian menyatakan apakah langkah-langkah yang positif telah, sedang dan akan diambil oleh Kerajaan bagi mencegah penanam-penanam sayur di negara ini tidak akan menggunakan bahan-bahan kimia yang berlebihan untuk tanaman sayur-sayuran mereka sehingga boleh merosakkan kesihatan para pengguna di negara ini.

Timbalan Menteri Pertanian (Dato' Alexander Yu Lung Lee): Tuan Yang di-Pertua, untuk mencegah penggunaan bahan-bahan kimia khususnya racun makhluk perosak yang berlebihan pada sayur-sayuran oleh penanam-penanam sayur di negara ini, beberapa langkah seperti berikut telah dan sedang diambil oleh Kementerian Pertanian:

- (a) mempertingkatkan lagi usaha pengembangan kepada penanam-penanam sayur yang meliputi amalan-amalan pertanian yang baik; memberi nasihat mengenai cara-cara penggunaan racun makhluk perosak dengan betul dan

mematuhi tempoh sebelum tuai selepas semburan terakhir atau, pre-harvest intervals, dengan izin; memberi ceramah dan sesi dialog dengan para penanam sayur serta mengedarkan risalah makluman kepada mereka.

- (b) menjalankan ujian makmal pada sampel-sampel sayuran yang dikutip dari kawasan-kawasan sayuran utama untuk mengesan paras sisa baki racun makhluk perosak pada sayur-sayuran tersebut dan keputusan ujian tersebut digunakan sebagai panduan oleh Jabatan Pertanian dalam menjalankan aktiviti pengembangan.
- (c) usaha penyelidikan mengenai penggunaan racun makhluk perosak juga dipertingkatkan. Penyelidikan mengenai sistem pengurusan makhluk perosak bersepadu atau Integrated Pest Management System, dengan izin, diberi tumpuan supaya kadar penggunaan racun makhluk perosak yang berasaskan bahan-bahan kimia dapat dikurangkan.
- (d) kerjasama yang penuh diberikan kepada Kementerian Kesihatan dalam menguatkuasakan Akta Makanan, 1983 untuk mendorong para penanam sayur supaya mematuhi had-had maksima yang ditetapkan di bawah Akta tersebut. Sehubungan dengan ini, semua bakul-bakul sayuran dari kawasan-kawasan sayuran utama dikehendaki mempunyai tanda pengenalan yang mencatatkan nama kebun serta alamat yang lengkap. Sampel-sampel sayuran akan dikutip dan diuji di makmal Jabatan Pertanian untuk mengenalpasti kebun-kebun sayur yang menyalahgunakan racun makhluk perosak. Maklumat ini akan dimaklumkan kepada

Kementerian Kesihatan untuk tindakan susulan di bawah Akta Makanan, 1983. Untuk makluman Yang Berhormat, seorang pekebun sayur dari Cameron Highlands telah pun disabit di bawah Akta Makanan, 1983 kerana penyalahgunaan racun makhluk perosak dan didenda sebanyak \$1,000.

Selain daripada itu, Kementerian Pertanian juga mempunyai rancangan menubuhkan sebuah makmal ujian racun makhluk perosak di Cameron Highlands, sebuah kawasan pengeluaran sayur-sayuran utama di negara ini. Keupayaan analisa makmal Jabatan Pertanian yang sedia ada di Kuala Lumpur juga akan dipertingkatkan untuk memenuhi keperluan penganalisaan di kawasan sayuran tanah pamah. Walau bagaimanapun, rancangan ini perlu mendapat kelulusan agensi-agensi pusat sebelum dilaksanakan.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bilakah makmal kimia akan diadakan di Cameron Highlands itu, sebab itu sudah disebutkan beberapa kali.

Yang kedua, mengenai kakitangan penguatkuasaan. Adakah satu latihan yang khusus untuk mempertingkatkan kualiti penguatkuasaan sebab saya tidak tahulah sama ada ada kaedah untuk menentukan, untuk membasmikan segala penyelewengan termasuk rasuah dan sebagainya.

Tuan Alexander Yu Lung Lee: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pertanian telah mencadangkan sebuah makmal ujian racun makluk di Cameron Highlands dan setakat ini cadangan ini telah dihantar kepada agensi-agensi pusat seperti Kementerian Kewangan dan Unit Perancangan Ekonomi (EPU) dan keputusan belum dapat daripada agensi-agensi yang lain.

Berkenaan dengan soalan yang kedua, memanglah Jabatan Pertanian selalu mengadakan kursus untuk meningkatkan pengurusan ladang-ladang dan juga penguatkuasaan Akta Makanan tetapi akhirnya tanggungjawab ialah di atas penanaman-penanam sayur sendiri.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat Tuan Gerard Math Lee Min.

Tuan Gerard Math Lee Min: Tuan Yang di-Pertua, ada sedikit kesalahan ke atas soalan saya. Perkataan "harga" di soalan saya digantikan dengan perkataan "cukai pintu".

POTONGAN CUKAI PINTU BAGI RUMAH KOSONG

9. Tuan Gerard Math Lee Min minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan sama ada beliau akan mempertimbangkan berkenaan penubuhan satu section, sama dengan Section 162 Akta Kerajaan Tempatan 1976 membolehkan potongan cukai pintu bagi rumah-rumah yang kosong, ke dalam Ordinan Kerajaan Tempatan No. 11 bagi tahun 1961 di Sabah (di mana ia telah diperakui sebagai undang-undang Persekutuan) supaya rakyat Sabah boleh menikmati potongan harga yang sama, dan jika tidak, mengapa.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Dato' S. Subramaniam): Tuan Yang di-Pertua, kalau soalan itu ditukarkan sebegini, ini adalah substantial

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Soalan lain.

Dato' S. Subramaniam: Soalan lain. Walau bagaimanapun, saya cuba menjawab soalan itu.

Tuan Yang di-Pertua, Ordinan Kerajaan Tempatan No. 11 tahun 1961

di Sabah bukanlah satu undang-undang Persekutuan tetapi adalah undang-undang yang diluluskan oleh Kerajaan Negeri Sabah. Seksyen 162 dalam Akta Kerajaan Tempatan adalah berkenaan dengan pulangan balik sebahagian daripada kadaran yang dikenakan seimbang dengan tempoh bangunan atau harta yang berkenaan tidak diduduki atau digunakan. Seksyen 162 tidak ada kena-mengena dengan potongan harga bagi rumah yang kosong maka Ahli Yang Berhormat dengan menukar soalan itu saya terpaksa jawab berkenaan perkara ini. Sekiranya Ahli Yang Berhormat merujuk kepada potongan atau pulangan balik kadaran iaitu cukai pintu, kadaran dikenakan di atas rumah-rumah yang dikosongkan, Ordinan Kerajaan Tempatan No. 11 tahun 1961 memperuntukkan di bawah Seksyen 79, bahawa setiap kuasa tempatan boleh melantik sebuah Tribunal Rayuan Kadaran (Rating Appeal Tribunal). Tribunal ini boleh mendengar segala bantahan ke atas nilai kadaran yang ditetapkan dan mengambil keputusan untuk mengesahkan, meminda, menambah atau mengurangkan nilai kadaran yang ditetapkan oleh Penguasa Tempatan yang berkenaan. Pada hemat saya, Seksyen 79 dalam Ordinan Kerajaan Tempatan No. 11 tahun 61 Negeri Sabah adalah memadai di mana tuanpunya rumah kosong boleh merayu kepada Tribunal Rayuan Kadaran untuk dipulangkan balik atau dikurangkan kadaran yang telah dibayar.

Kalau Ahli Yang Berhormat yang baru meminta cukai pintu, buat masa sekarang Akta yang sedia ada tidak ada peruntukan untuk membayar balik ataupun mengurangkan cukai pintu, ini adalah satu perkara yang berkenaan dengan kuasa Negeri. Ini adalah satu perkara jatuh di bawah kuasa Kerajaan-kerajaan Negeri maka Kerajaan Pusat tidak dapat

mengambil satu keputusan berkenaan dengan perkara ini.

Tuan Lau Dak Kee: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Berkenaan Akta Kerajaan Tempatan 1961 Seksyen 79 dikatakan mengadakan satu Tribunal di mana kalau ada aduan-aduan terhadap nilai-nilai hartanya yang tidak sepatutnya sampai satu kadar yang telah ditentukan oleh Kerajaan Tempatan. Adakah Timbalan Menteri sedar bahawa sesuatu harta terletak di sesuatu tempat yang sama nilai-nilai yang ditafsirkan itu adalah berlainan dan apakah asalnya, mengapa kejadian ini timbul.

Yang kedua, mengapa rayuan-rayuan yang dibentangkan oleh penghuni-penghuni terhadap nilai-nilai yang ditafsirkan oleh Kerajaan Tempatan selalunya tidak dapat ditimbangkan. Mengikut setahu saya beberapa ratus rayuan telah dibentangkan kepada Kerajaan Tempatan tetapi tidak ada satu pun dapat diturunkan kadar yang ditentukan itu.

Dato' S. Subramaniam: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak dapat memastikan tetapi dari fahaman saya rayuan-rayuan yang telah diterima telah dan sedang diberi perhatian oleh pihak berkuasa dan dari fahaman saya beberapa rayuan yang mempunyai alasan-alasan yang betul telah ditimbangkan dan kadarnya telah pun dikurangkan. Kalau Ahli Yang Berhormat hendak detail, saya bolehlah minta Penguasa Tempatan memberi maklumat-maklumat tentang rayuan yang telah diterima dan penurunan nilainya di atas perkara-perkara di mana penurunan telah dibuat.

Tentang penilaian bangunan yang dibuat, Pihak Penguasa Tempatan membuat penilaian ini mengikut kriteria-kriteria tertentu. Mungkin terdapat penilaian berbeza di satu tempat tetapi selain dari Ahli Yang Berhormat telah

memberi butir yang tertentu, saya tidak dapatlah menjawab di mana ini berlaku dan sebab-sebab penilaian di atas bangunan di satu tempat berlainan. Maka saya ingin meminta Ahli Yang Berhormat memanjangkan butir-butir lebih lanjut.

PENGGANAS MCP—ANCAMAN

10. Tuan Hu Sepang minta Menteri Dalam Negeri menyatakan memandangkan kejayaan yang dicapai oleh Negeri Thai dalam memujuk pengganas-pengganas MCP menyerah diri, mengapakah Kerajaan tidak menggunakan taktik yang untuk menghapuskan ancaman komunis buat selama-lamanya. Adakah Menteri berkenaan sedar bahawa salah satu senjata yang paling berkesan yang digunakan untuk menghadapi komunis-komunis semasa tempoh darurat ialah pengampunan bagi mereka yang menyerah diri dan mengapakah senjata yang berkesan ini tidak digunakan lagi untuk menghadapi ancaman ini.

Timbalan Menteri Dalam Negeri (Dato' Megat Junid bin Megat Ayob): Tuan Yang di-Pertua, dasar Kerajaan Malaysia dalam menghadapi Parti Komunis Malaya, sebagaimana yang diketahui oleh orang ramai bukanlah terhad hanya kepada tindakan-tindakan ketenteraan tetapi termasuk juga langkah-langkah untuk menggalakkan anasir-anasir komunis kembali ke pangkuan masyarakat. Kerajaan telah menjalankan berbagai usaha untuk menarik anggota-anggota Parti Komunis supaya meninggalkan kegiatan mereka. Untuk makluman Yang Berhormat, dasar yang dilaksanakan oleh Kerajaan Thailand dalam menghadapi ancaman komunis bukanlah satu perkara baru bagi kita, malah dasar tersebut adalah diilhamkan oleh Operasi Sri Aman yang telah dijalankan di negara ini di masa lalu (tahun 1973/74).

Tuan Yang di-Pertua, semua unit-unit pengganas yang berpengkalan di selatan Thailand dipercayai menyedari pendirian Kerajaan Malaysia untuk menggalakkan kembali ke pangkuan masyarakat tetapi sehingga kini belum terdapat apa-apa response yang positif dari mereka. Jika ada hasrat dari mana-mana kumpulan pengganas komunis yang hendak meninggalkan kegiatan mereka dan kembali ke pangkuan masyarakat, Kerajaan bersedia mempertimbangkannya.

Tuan Chian Heng Kai: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu Dewan ini iaitu bekas Pengerusi PKM iaitu Musa Ahmad, sama ada sekarang telah dibebaskan, beritahu kalau boleh diumumkan beliau telah dibebaskan dan tidak dikawal oleh Special Branch? Mungkin ini satu taktik untuk menarik ahli-ahli komunis keluar dari hutan.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana soalan ini soalan yang khusus pada seorang peribadi, saya tidak dapat menjawab di sini.

Tuan S. S. Subramaniam: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar ada beberapa pihak komunis yang masih ada di dalam kawasan berhampiran dengan Hulu Selangor. Saya ingin mendapat tahu, apakah tindakan yang sedang diambil oleh pihak Kementerian untuk menyelesaikan masalah ini?

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Yang di-Pertua, selain daripada "Operasi Seri Aman" yang mana kita telah berjaya memohon 570 orang pengganas komunis menyerah diri, pihak Kerajaan juga mempunyai operasi-operasi biasa untuk menawan hati Parti Komunis Malaya ini untuk menyerah diri dan kalau kita lihat angka daripada tahun 1961 sampai 1987—di Semenanjung sahaja, 205

orang dan dalam tahun 1986 57 orang telah menyerah diri daripada Perak dan Kelantan. Sekarang hanya tinggal 158 orang sahaja di seluruh Semenanjung termasuklah di kawasan yang telah diperkatakan oleh Yang Berhormat itu dan kita akan cuba seberapa daya untuk menawan hati mereka untuk kembali ke pangkuan rakyat.

Tuan P. Patto: Soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberi tahu sama ada(Ketawa)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Nanti sekejap, mendapat kebenaran dahulu. (Ketawa) Teruskan.

Tuan P. Patto: Terima kasih. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu di antara anggota-anggota Parti Komunis Malaya yang telah menyerahkan diri dan pulang ke pangkuan masyarakat, apakah kemudahan-kemudahan yang dihulurkan kepada mereka yang telah menyerah diri supaya kemungkinan kemudahan-kemudahan yang dihulurkan kepada mereka ini boleh menjadi satu daya menarik supaya saki-baki anggota-anggota PKM dalam hutan mungkin boleh juga menyerah diri dalam masa depan.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Yang di-Pertua, semua ahli-ahli Parti Komunis Malaya yang menyerah diri akan diberi latihan khusus di kem-kem yang tertentu supaya mereka dapat menyesuaikan diri dengan kehidupan masyarakat biasa. Daripada latihan-latihan inilah maka mereka mendapati kebolehan-kebolehan yang tertentu dan selepas itu mereka dibebaskan untuk menghadapi hidup seperti juga manusia biasa.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat Tuan Karpal Singh.

Tuan R. Karpal Singh: Tuan Yang di-Pertua, soalan No. 12.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: (Bangun)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Minta maaf. (Ketawa) Yang Berhormat Tuan Haji Ibrahim bin Ali.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, soalan No. 11.

PASARAN TIMAH DI BURSA KOMODITI KUALA LUMPUR

11. Tuan Haji Ibrahim bin Ali minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan:

- (a) apakah yang dimaksudkan oleh beliau dengan rancangan untuk memperkenalkan pasaran hadapan timah di Bursa Komoditi Kuala Lumpur (BSKL);
- (b) apakah bentuk kempen yang akan dilaksanakan dengan peruntukan sebanyak \$3 juta bagi menentang Anti Minyak Sawit yang dijalankan oleh Amerika Syarikat seperti yang diumumkan oleh Y.B. sekembalinya dari Ottawa selepas menghadiri mesyuarat 2 hari Menteri-menteri Kumpulan Cairns; dan
- (c) apakah cadangan bangkangan Malaysia ke atas negara-negara Eropah (EEC) untuk mengenakan duti import ke atas minyak masak dan lemak yang akan dibawa ke Persidangan Kumpulan 7 di Venice pada bulan ini akan mendapat sokongan dari negara-negara lain.

Timbalan Menteri Perusahaan Utama (Tuan Alias bin Md. Ali): Tuan Yang di-Pertua, apa yang dimaksudkan di sini ialah timah akan

diurusniagakan di pasaran hadapan timah di Bursa Komoditi Kuala (BSKL). Sepertimana kita maklum, BSKL ialah sebuah institusi pasaran hadapan komoditi yang berfungsi untuk penetapan harga iaitu price discovery, dengan izin, dan memberikan kemudahan perlindungan nilai atau, dengan izin, hedging facilities. Setakat ini komoditi utama negara seperti getah dan kelapa sawit telah pun diurusniagakan.

Bagi jawapan soalan yang kedua, usaha-usaha yang sedang dijalankan untuk membanteras kempen anti minyak kelapa sawit berthemakan suatu hakikat iaitu minyak kelapa sawit adalah suatu minyak makanan yang boleh memberi sumbangan positif kepada kesihatan manusia dan bukan sebaliknya. Berasaskan tema ini kempen penerangan yang ditempatkan di Amerika Syarikat perlulah berasaskan ciri-ciri positif minyak kelapa sawit yang terbukti. Bagi mencapai objektif ini antara lain langkah-langkah seperti berikut sedang diambil:

- (i) Menambah lagi projek-projek penyelidikan bersama dengan beberapa saintifik yang terkemuka di Amerika Syarikat di samping negara-negara lain untuk menggesa dan menegaskan semula ciri-ciri positif minyak kelapa sawit dari segi kesihatan supaya maklumat yang diperolehi nanti akan dapat terus diterima khususnya di Amerika Syarikat sebagai bukti ciri-ciri positif minyak kelapa sawit;
- (ii) Mengedar hasil-hasil penyelidikan mengenai ciri-ciri minyak kelapa sawit itu kepada umum melalui media-massa dan risalah;
- (iii) Mengadakan persidangan-persidangan dan seminar-seminar untuk menyebarkan maklumat-maklumat positif

mengenai minyak kelapa sawit di peringkat teknikal kepada pihak-pihak berkuasa di dalam bidang kesihatan, persatuan-persatuan pengguna dan peniaga-peniaga minyak sayur dan lemak;

- (iv) Mengadakan perjumpaan dengan pemimpin-pemimpin politik termasuk anggota-anggota Pentadbiran dan Congress seperti yang dilakukan semasa lawatan Yang Berhormat Menteri Perusahaan Utama ke Amerika Syarikat pada 25hb Jun hingga 1hb Julai, 1987;
- (v) Sebuah firma perunding perhubungan awam yang terkenal, yang beribu pejabat di Washington iaitu "Heil & Norton" telah dilantik untuk menasihati dan menyelaras usaha-usaha membanteras kempen anti minyak kelapa sawit ini.

Soalan yang ketiga, Tuan Yang di-Pertua, bangkangan yang dibuat oleh Malaysia terhadap cadangan oleh Suruhanjaya EEC supaya dikenakan satu cukai atau levi baru ke atas minyak sayur-sayuran dan lemak telah menerima sokongan yang kuat daripada banyak negara termasuk Amerika Syarikat. Persidangan Kumpulan Cairns yang telah diadakan di Ottawa pada 22hb dan 23hb Mei, 1987 dan negara-negara anggota yang juga termasuk Argentina, Australia, Brazil, Kanada, Chile, Colombia, Hungary, Indonesia, Filipina, New Zealand, negeri Thai dan Uruguay merupakan suatu misalan yang baik bagi negara-negara yang telah menyuarakan tentangan terhadap cadangan cukai EEC tersebut. Untuk menyampaikan pendirian yang tegas, ahli-ahli Kumpulan Cairns, pengerusi persidangan di Ottawa itu yang juga Perdana Menteri Kanada telah menulis kepada ketua-ketua Kerajaan

negara-negara yang menghadiri Persidangan Kemuncak Venice mengenai perkara ini. Di samping itu beberapa negara anggota EEC sendiri seperti United Kingdom, Jerman Barat, Netherlands dan Denmark turut menentang cadangan levi itu.

Saya suka memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini bahawa mengikut maklumat terakhir yang diterima, cadangan berkenaan tidak dapat persetujuan daripada persidangan kemuncak negara-negara anggota EEC baru-baru ini. Walau bagaimanapun, kemungkinan ianya akan ditimbang semula satu hari nanti masih tetap ada.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Ahli-ahli Yang Berhormat, masa sudah cukup.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 4 dan 12 hingga 72 adalah diberi di bawah ini).

KELAS PERPADUAN

4. Dr Lim Ann Khoo minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) penyampaian kelas perpaduan yang dijalankan oleh Jabatan Perpaduan Negara;
- (b) bagaimanakah pengenalan kelas kraftangan dapat menyumbang kepada perpaduan negara.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Raja Ariffin bin Raja Sulaiman):

- (a) Kelas perpaduan yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat itu sebenarnya ialah Kelas Perpaduan Rakyat atau KPR. Sejak ianya dilaksanakan pada tahun 1970, Kelas Perpaduan Rakyat telah berjaya memenuhi objektif menyediakan kaum bukan

Melayu yang mengikuti kelas tersebut untuk menguasai Bahasa Malaysia di tahap yang mencukupi untuk digunakan dalam kehidupan harian mereka.

- (b) Jabatan Perpaduan Negara telah merancang untuk melaksanakan konsep pendidikan tidak formal bagi menggantikan Kelas Perpaduan Rakyat di mana melalui konsep ini penerangan mengenai aspek adat resam, pantang-larang dan nilai-nilai agama antara kaum seperti dasar-dasar penting negara akan ditekankan di samping membimbing peserta-peserta dalam aktiviti-aktiviti kemahiran yang bercorak praktikal serta boleh memberi faedah kepada mata pencarian mereka seperti membaiki motor, jahit-menjahit, masak-memasak serta aktiviti-aktiviti kraftangan.

PROJEK PELABURAN

12. Tuan R. Karpal Singh minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan butir-butir permohonan untuk projek-projek pelaburan yang diterima oleh pihak Perbadanan Kemajuan Industri Malaysia (MIDA) bagi tahun 1987.

Dato Kok Wee Kiat: Sejumlah 122 permohonan untuk lesen perkilangan di bawah Akta Penyelarasan Perindustrian 1975, telah diterima oleh MIDA bagi tempoh Januari hingga Mei, 1987. Projek-projek ini dijangka memberi peluang pekerjaan sebanyak 18,107. Jumlah cadangan pelaburan modal projek-projek ini adalah sebanyak \$918.9 juta (Januari-Mei, 1987). Daripada jumlah cadangan pelaburan modal tersebut, \$448.0 juta atau 48.8 peratus merupakan cadangan modal terkumpul dan bakinya adalah dalam

bentuk pinjaman. Daripada jumlah cadangan modal terkumpul yang sebanyak \$448.0 juta ini, \$250.5 juta atau 55.9 peratus adalah daripada sumber-sumber dalam negeri, yang mengandungi \$131.2 juta atau 29.3 peratus daripada Bumiputera dan \$119.3 juta atau 26.6 peratus daripada bukan Bumiputera. Ekuiti asing dalam projek-projek tersebut bernilai \$197.5 juta atau 44.1 peratus daripada jumlah cadangan modal terkumpul.

TAWARAN TENDER

13. Tuan Chew Kam Hoy minta Menteri Kesihatan menyatakan:

- (a) kriteria yang digunakan oleh Lembaga Tender Kementerian Kesihatan dalam menawarkan tender;
- (b) kenapakah tawaran yang terendah bagi 25 kontrak ditolak sepertimana yang dilaporkan dalam Laporan Auditor-General mengenai Operasi dan Program Terpilih 1983.

Dato' K. Pathmanaban:

- (a) Lembaga Tender Kementerian Kesihatan mempertimbangkan tawaran-tawaran bagi sesuatu tender berasaskan kepada kriteria-kriteria berikut:
 - (1) Item/barangan yang ditawarkan menepati spesifikasi teknikal dan ditetapkan dan yang dipersahkan oleh Jawatankuasa Penilaian Teknikal.
 - (2) Harga yang ditawarkan dari segi mutu yang boleh diterima dan jika berkenaan akan kos pengendalian dan penyenggaraan.
 - (3) Tempoh menyiapkan kerja atau tempoh serahan barangan adalah mengikut tempoh

yang bersesuaian dan menasabah menurut Keperluan Jabatan Pengguna.

- (4) Pengalaman kontraktor, prestasi yang memuaskan, keupayaan teknikal dan mutu khidmat teknikal selepas serahan dan kedudukan kewangan yang stabil.
 - (5) Menepati syarat-syarat tender Kementerian Kesihatan, dan
 - (6) Dasar Kerajaan seperti keutamaan kepada kontraktor Bumiputera dan kepada barang-barang buatan tempatan.
- (b) Dalam 25 kontrak yang dinyatakan di Laporan Ketua Audit Negara seperti disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat, tawaran-tawaran terendah telah ditolak kerana sebab-sebab tertentu, seperti tidak lulus ujian dan penilaian teknikal, tidak mengikuti spesifikasi yang ditetapkan dan prestasi tidak memuaskan dan lain-lain.

JAMAAH TABLIGH

14. Tuan Haji Mohamed bin Yaakob minta Perdana Menteri menyatakan sama ada beliau sedar terhadap kumpulan-kumpulan dakwah yang dinamakan kumpulan dakwah India yang telah banyak mempengaruhi masyarakat kita terutamanya belia-belia kita hinggan mereka telah mencemuhkan usaha-usaha untuk hidup dan membangunkan negara, mengenyepikan pelajaran tidak berminat untuk kekayaan, berhijrah ke masjid-masjid tanpa memikirkan soal rumahtangga, urusan negara, tak mahu menjadi pengundi dan sebagainya.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Dr Mohamad Yusof bin Haji Mohamed Nor): Jika kumpulan dakwah yang Ahli Yang Berhormat maksudkan itu ialah kumpulan Jamaah Tabligh, maka Kerajaan telah membuat kajian dan mendapati kumpulan dakwah ini tidak membawa ajaran-ajaran yang bertentangan dengan Islam. Pada suatu ketika dahulu memang terdapat dari kalangan Ahli Jemaah ini yang terlalu asyik dengan aktiviti dakwah sehingga melalaikan tanggungjawab lain. Namun begitu hasil daripada perdampingan dengan mereka oleh pihak berkuasa agama Islam negeri dan guru-guru agama yang alim kejadian seperti ini telah berkurangan.

PROJEK JALAN/JEJAMBAT DI BULATAN

15. Tuan Haji Abdul Razak bin Abu Samah minta Perdana Menteri menyatakan bilakah rancangan projek jejambat dan biadak dimulakan memandangkan kesulitan lalulintas Batu 3½ serta bulatan Batu 5 @ Jalan Cheras yang sekarang ini penuh sesak oleh kenderaan yang kadang kala tidak dapat dikawal sehinggakan berjam-jam baharu dapat lepas.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Drs Suleiman bin Mohamed): Cadangan untuk menswastakan keenam-enam projek jalan-jalan/jejambat di bulatan dan persimpangan termasuk bulatan km 5 Jalan Cheras telah dipelawa pada bulan Mei 1986. Terdapat 5 syarikat mengemukakan cadangan bila tawaran mengemukakan cadangan ditutup pada September 1986. Cadangan-cadangan yang diterima telah dinilai oleh satu Pasukan Petugas dan Satu Jawatankuasa Pemandu bagi projek berkenaan.

Pada masa ini, mesyuarat/perbincangan sedang diadakan dengan syarikat yang berjaya, bagi

menyesuaikan reka-bentuk terperinci bagi projek jalan-jalan dan jejambat-jejambat ini. Kerajaan percaya syarikat yang berkenaan itu akan memulakan kerja pembinaan jalan-jalan dan jejambat tersebut pada akhir tahun ini, dan dijangka siap dalam tempoh tiga tahun lagi.

YURAN PENGAJIAN DI AUSTRALIA—KENAIKAN

16. Tuan Gooi Hock Seng minta Menteri Pendidikan menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil oleh pihak Kerajaan bagi membantu pelajar-pelajar Malaysia di Australia yang terlibat dengan kenaikan yuran tusyen baru-baru ini.

Dr Leo Michael Toyad: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan Malaysia telah bersetuju memperuntukkan sejumlah M\$250,000 sebagai bantuan pinjaman kepada pelajar-pelajar Malaysia di Australia yang terlibat dengan kenaikan yuran pengajian di Australia. Adalah diharapkan pinjaman ini dapat meringan beban pelajar-pelajar berkenaan.

FELDA—PENDAPATAN PENEROKA

17. Tuan Hashim bin Saffin minta Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah menyatakan apakah langkah-langkah untuk menstabilkan masalah pendapatan dan ekonomi keluarga peneroka FELDA di dalam suasana ekonomi sekarang. Apakah pernah Kementerian tampil dengan cadangan-cadangan untuk peneroka berdikari dan tidak semata-mata mengharap pendapatan daripada hasil-hasil tanaman di rancangan mereka sahaja. Apakah bentuk bantuan yang telah dan akan diberi oleh Kementerian ke arah masyarakat peneroka berdikari.

Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah (Dato' Dr Sulaiman bin Haji Daud): Untuk pengetahuan Yang Berhormat, beberapa langkah telah dan sedang diambil oleh Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah untuk menstabilkan pendapatan dan ekonomi keluarga peneroka di dalam suasana kemelesetan ekonomi sekarang. Di antaranya adalah:

- (i) Melaksanakan skim pendapatan minima sebanyak \$350.00 sebulan.
- (ii) Menggalakkan aktiviti-aktiviti ekonomi sampingan.
- (iii) Mengurangkan penggantungan terhadap sesuatu jenis tanaman sahaja.
- (iv) Memberi keutamaan peluang pekerjaan kepada anak dan tanggungan peneroka.

ORANG ASLI—MENGISLAMKAN

18. Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan minta Perdana Menteri menyatakan setakat manakah kemajuan dakwah Islamiah mencapai kejayaan dalam mengislamkan Orang-orang Asli di Malaysia.

Dato' Dr Mohamed Yusof bin Haji Mohamed Nor: Jumlah Orang Asli di Semenanjung yang telah memeluk agama Islam setakat ini adalah lebih kurang 7,500 orang. Ini merupakan kira-kira 10% daripada jumlah pendudukan Orang Asli.

GURU BAHASA CINA DI SEKOLAH MENENGAH

19. Puan Ling Chooi Sieng minta Menteri Pendidikan menjelaskan langkah-langkah yang telah diambil untuk mengatasi kekurangan guru-guru bahasa Cina memandangkan bahasa Cina akan dimasukkan ke dalam jadual rasmi sekolah menengah pada tahun 1988.

Dr Leo Michael Toyad: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan telah pun mengambil tindakan untuk menambah bilangan guru-guru pelatih bagi mengajar bahasa Cina di sekolah-sekolah menengah.

PENYAKIT HEPATITIS B

20. Tuan Ngoi Thiam Woh minta Menteri Kesihatan menyatakan adakah Kementerian mempunyai program untuk mencegah penyakit Hepatitis B dari merebak. Jika ya, sila mengemukakan segala program yang telah dan akan dilancarkan.

Dato' K. Pathmanaban: Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian Kesihatan telah dan sedang mengadakan beberapa program untuk mencegah penyakit Hepatitis B daripada merebak. Di antara program-program ini ialah:

- (1) Penubuhan Jawatankuasa Viral Hepatitis di peringkat Kementerian Kesihatan. Tanggungjawab utama Jawatankuasa ini ialah untuk merancang dan menyelaraskan aktiviti-aktiviti mencegah dan mengawal penyakit Hepatitis B.
- (2) Menjalankan kajian untuk mengetahui kejadian penyakit Hepatitis B di kalangan kakitangan perubatan dan kesihatan. Berdasarkan kepada hasil kajian ini dan jika perlu satu program pelalian untuk mencegah penyakit Hepatitis B diadakan di kalangan kakitangan perubatan dan kesihatan yang berisiko tinggi.
- (3) Kementerian Kesihatan telah dan sedang menjalankan pemeriksaan dan ujian ke atas darah yang didermakan ke hospital Kerajaan dan beberapa hospital swasta untuk memastikan yang darah-darah

ini adalah bebas dari virus Hepatitis B.

- (4) Kementerian Kesihatan juga sedang memperkuat lagi aktiviti "surveillance dan control" dan juga aktiviti perkhidmatan makmal dalam pengawalan penyakit Hepatitis B.

KERAJAAN FIJI—PENDIRIAN MALAYSIA

21. Tuan Haji Hussein bin Haji Taib minta Menteri Luar Negeri menyatakan jumlah dan jenis bantuan dalam diberikan oleh Kerajaan Malaysia kepada Negara Fiji berikutan pengharaman eksport makanan oleh Negara-negara Australia dan New Zealand.

65. Tuan Teoh Teik Huat minta Menteri Luar Negeri menyatakan:

- (a) sama ada Kerajaan Fiji telah menghubungi Kerajaan Malaysia untuk membantu mereka mengatasi sekatan eksport yang dikenakan oleh kesatuan-kesatuan sekerja di Australia dan New Zealand dalam bantahan terhadap rampasan kuasa oleh pihak tentera ke atas Kerajaan yang dipilih dan jika benar, apakah reaksi Kerajaan Malaysia terhadap permintaan tersebut; dan
- (b) pendirian Kerajaan Malaysia terhadap pentadbiran interim yang tidak dipilih dengan sepatutnya yang ditubuhkan di Fiji selepas rampasan kuasa pihak tentera ke atas Kerajaan yang dipilih.

7-7-87

29. Dato' Dr Affiuddin bin Haji Omar minta Menteri Luar Negeri menyatakan apakah pendirian

Kerajaan terhadap pemerintahan baharu di Fiji, dan walau apapun pendirian yang telah diambil adakah Kerajaan akan menunaikan permohonan Governor-General Fiji untuk menghantar atau menjual bekalan makanan untuk mengatasi embargo yang dikenakan oleh New Zealand dan Australia.

10-7-87

7. Tuan Nurnikman bin Abdullah minta Menteri Luar Negeri menyatakan apakah pendirian yang diambil oleh Malaysia berikutan dengan rampasan kuasa di Fiji baru-baru ini. Adakah Malaysia menghulurkan sebarang bantuan kepada Fiji dan jika ada, adakah Malaysia bercadang untuk mengikut jejak langkah beberapa buah negara seperti New Zealand untuk membekukan bantuan terhadap Fiji buat sementara waktu sehingga keadaan di Fiji pulih seperti sediakala.

Menteri Luar Negeri (Dato' Abu Hassan bin Haji Omar): Dengan izin Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menjawab soalan ini serentak dengan soalan-soalan yang serupa yang akan dibangkitkan oleh Tuan Teoh Teck Huat pada hari ini. Yang Berhormat Dato Dr Affiuddin bin Haji Omar pada 7hb Julai dan Yang Berhormat Tuan Nurnikman Abdullah pada 10hb Julai, 1987.

Kerajaan Malaysia tiada memberi apa-apa sokongan atau bantuan kepada Fiji berikutan rampasan kuasa tentera yang berlaku di negara tersebut pada 14hb Mei yang lalu.

Pada prinsipnya Kerajaan kita sentiasa bersedia memberi bantuan sekadar kemampuan kita kepada negara-negara sahabat yang mengalami kesusahan atas perikemanusiaan. Setakat ini Kerajaan belum dihubungi secara rasmi oleh pihak Fiji tentang rayuan bantuan untuk mengatasi masalah yang sedang

dihadapi. Kerajaan kita belum menghulur apa-apa bantuan kepada Fiji untuk mengatasi masalah itu.

Kerajaan berharap keadaan di Fiji akan pulih semula dengan perdamaian yang berasaskan kepada kehendak dan harapan rakyat negara tersebut. Kerajaan juga berharap semua negara memahami keadaan rumit yang wujud di Fiji dan tidak menggunakan tekanan yang tidak sepatutnya ke atas negara itu untuk mempengaruhi usaha-usaha yang sedang dilakukan untuk menyelesaikan masalah yang dihadapi.

MAJLIS BELIA NEGARA

22. Dr Ting Chew Peh minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan sama ada beliau bercadang memperluaskan keanggotaan Majlis Belia Negara dengan menerima Bahagian Belia pelbagai persatuan Cina sebagai ahli, memandangkan ramai belia Cina menjadi ahli dalam Bahagian Belia itu.

Menteri Belia dan Sukan (Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak): Untuk makluman Yang Berhormat, Majlis Belia Negara tidak wujud dalam negara ini. Walau bagaimanapun, kita mempunyai Majlis Belia Malaysia sebagai badan induk kepada 24 pertubuhan belia kebangsaan yang diwakili oleh semua kaum.

Keanggotaan dalam Majlis Belia Malaysia itu hanya terbuka kepada pertubuhan-pertubuhan belia kebangsaan yang berdaftar dan mempunyai perlembagaan diri. Oleh kerana bahagian belia dalam persatuan-persatuan Cina adalah merupakan satu seksi kepada persatuan induk dan tidak berkuasa menggubal soal-soal dasar badan induk, maka mengikut perlembagaan Majlis Belia Malaysia, seksi-seksi seumpama ini tidak dapat diterima menganggotai Majlis Belia Malaysia. Penambahan atau

penolakan wakil-wakil pertubuhan dalam Majlis Belia Malaysia adalah kuasa mutlak Majlis Belia Malaysia itu sendiri.

AKTA PENYIARAN BARU

23. Dr Eng Seng Chai minta Menteri Penerangan menyatakan bilakah Akta Penyiaran Baru (New Broadcasting Act) akan dibentangkan di Parlimen. Buat masa ini, Kementerian telah mengumumkan 3 permohonan menubuhkan stesen radio swasta telah dapat kelulusan daripada Kerajaan, berilah tahu butir-butir pemilikan syarikat-syarikat ketiga-tiga ini yang dapat lesen stesen radio swasta ini. Bukankah hanya ahli dan penyokong Barisan Nasional sahaja dapat lesen tersebut. Apakah keperluan dan syarat-syarat permohonan wajib dikenakan sebelum dapat kelulusan.

Menteri Penerangan (Dato' Mohamed Rahmat): Saya ingin memaklumkan kepada Yang Berhormat bahawa pada waktu ini belum ada satu akta penyiaran pun. Yang ada ialah Akta Telekomunikasi tahun 1957. Maka soalan untuk mengadakan akta yang baru tidak timbul. Namun begitu suatu akta penyiaran sedang diambil sekarang dan diharap akta ini dapat dibentangkan dalam persidangan Parlimen yang akan datang.

Mengenai kenyataan Yang Berhormat bahawa Kementerian Penerangan telah meluluskan tiga permohonan menubuhkan stesen radio swasta, saya ingin menyebutkan bahawa kenyataan itu adalah tidak benar. Kementerian telah menerima dua puluh dua permohonan radio swasta dan permohonan-permohonan itu akan hanya ditimbang sesudah Akta Penyiaran diwujudkan. Kementerian Penerangan sudah pun menyiapkan Rang Akta itu untuk dimajukan kepada Jemaah Menteri untuk kelulusan. Saya mengharapkan Akta

ini akan dapat dibentangkan di Parlimen pada penghujung tahun ini.

Saya ingin menyebutkan bahawa permohonan radio swasta ini tidak terbatas kepada mana-mana pihak dan kenyataan bahawa ia diberi kepada ahli-ahli dan penyokong-penyokong Barisan Nasional sahaja itu amatlah nakal. Syarat-syaratnya tentulah ada hubungan dengan pengetahuan dan pengalaman dalam penubuhan dan penyelenggaraan sebuah stesen radio serta pengurusan program-program media letronik kerana belum ramai orang yang mempunyai pengalaman ini di Malaysia. Sesiapa saja bebas membuat permohonan.

KELAPA MUDA—HARGA

24. Tuan Ghazali bin Ahmad minta Menteri Pertanian menyatakan apakah Menteri sedar kemasukan kelapa muda dari negara jiran semakin banyak menjejaskan kepentingan penanam kelapa negara ini dan apakah tindakan yang dibuat lagi melindungi kepentingan pasaran kelapa muda tempatan.

Dato' Alexander Yu Lung Lee: Permintaan ke atas kelapa muda telah bertambah dan harga kelapa muda tempatan telah meningkat sebanyak 30% sejak Kementerian Pertanian melancarkan Kempen Galakan Minum Air Kelapa Muda (September 1986). Adalah didapati juga kemasukan kelapa muda import telah meningkat tetapi dengan kuantiti yang kecil, iaitu 50,000 dalam 5 bulan pada awal 1987 dan tidak memberi kesan kepada harga kelapa muda tempatan. Harga kelapa muda import adalah tinggi jika dibandingkan dengan harga kelapa muda tempatan iaitu \$1.60 sebiji kelapa import berbanding \$1.00 ke \$1.20 kelapa tempatan.

Pada masa ini duti import kelapa muda adalah pada kadar 5% ke atas nilai yang diisytiharkan.

Namun demikian, Kementerian Pertanian sedang mengesan dengan rapi keadaan kemasukan kelapa muda dari Thailand untuk memastikan kestabilan harga muda tempatan dikekalkan. Sekiranya keadaan menjadi buruk, Kementerian Pertanian akan mengambil langkah tertentu seperti sekatan import untuk mengatasi masalah itu supaya kemasukan kelapa muda dari Thailand tidak mengancam petani dan pengguna negara ini.

LOJI PEMBERSIH AIR

25. Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah minta Menteri Kerjaraya menyatakan apakah dasar Kerajaan mengenai pembinaan loji pembersihan air bagi semua negeri. Sila butirkan setakat ini adakah semua negeri-negeri di Malaysia telah mempunyai loji penapisan air bersih dan mengapakah masih terdapat di beberapa kawasan tertentu air yang dibekalkan kepada orang ramai begitu kotor, berkarat dan keroh.

Menteri Kerjaraya (Dato' S. Samy Vellu): Loji pembersih air merupakan komponen yang diwajibkan dalam sesebuah sistem bekalan air dan ianya perlu dibina untuk merawat dan memproses air mentah yang lazimnya diperolehi dari sungai, empangan atau dari bawah tanah. Rawatan biasanya melibatkan pengudaraan, pembentukan floc, pemendapan, penapisan dan pembasmian kuman dengan klorin sebelum air yang sudah dirawat itu disalurkan ke sistem aghian.

Walau bagaimanapun, proses rawatan tertentu yang diperlukan bagi sesuatu sumber air mentah adalah bergantung kepada ciri-ciri air mentah itu sendiri.

Semasa penyelidikan dijalankan bagi membangunkan sesuatu bekalan air, contoh-contoh air mentah adalah diambil dan dianalisa di makmal untuk

menentukan kesesuaian air mentah tersebut serta apakah proses rawatan yang diperlukan untuk merawat air tersebut. Dengan rawatan yang sesuai menggunakan kimia-kimia seperti "Alum, Sodium Aluminate, Soda ash, Hydrated Lime" dan sebagainya, maka bahan kekotoran dalam air mentah akan memendap di dalam tangki "floculation" dan tangki pemendapan dalam bentuk floc. Floc-floc yang lebih halus yang tidak dapat memendap dalam tangki pemendapan akan seterusnya terperangkap di dalam penapis.

Di beberapa tempat tertentu, sumber air mentah adalah bermutu tinggi, terutamanya sumber dari bukit-bukit, dan ianya dianggap tidak perlu membina penapis oleh kerana hampir semua bahan kekotoran dapat diasingkan dalam tangki pemendapan.

Terdapat jumlah 424 buah loji pembersih air di Malaysia, yang mana 50 buah loji pembersih air dan headwords adalah dibina tanpa penapis di negeri-negeri seperti berikut:

(i) Johor	1 buah
(ii) Negeri Sembilan ..	8 buah
(iii) Selangor	4 buah
(iv) Perak	5 buah
(v) Pulau Pinang	1 buah
(vi) Kedah	6 buah
(vii) Perlis	5 buah
(viii) Kelantan	4 buah
(ix) Pahang Darulmakmur	15 buah
(x) Sabah	1 buah
(xi) Sarawak	—
JUMLAH ..	50 buah

Mengenai soalan yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Bachok bahawa apakah masih terdapat di beberapa kawasan tertentu air yang dibekalkan kepada orang ramai begitu kotor, berkarat dan keroh, saya tidak dapat memberi penjelasan oleh sebab

soalan itu tidak tepat dan kawasan-kawasan yang terbabit tidak dinyatakan.

Secara umum air paip yang dibekalkan kepada orang ramai adalah selamat dan bersih dan mutu air minuman yang dibekalkan adalah menepati piawaian antarabangsa pertubuhan kesihatan sedunia (World Health Organisation).

Saya sedar bahawa beberapa kes pernah berlaku di mana mutu air minuman yang dibekalkan tidak mencapai piawaian yang disebutkan tadi. Ini boleh berlaku disebabkan oleh beberapa faktor seperti berikut:

- (a) Mutu air mentah kadangkala berubah dan menjadi terlalu rendah sehingga ia melampaui keupayaan sesebuah loji. Kekerohan air mentah lazimnya berlaku pada musim hujan, atau disebabkan oleh pembangunan di persekitaran kawasan tadahan, kandungan unsur besi yang tinggi dan kadangkala oleh pencemaran yang tidak sengaja.

Sekiranya kejadian-kejadian seumpama ini berlaku maka tindakan-tindakan pemulihan akan segera diambil supaya memperbaiki mutuair sebelum ianya dibekalkan.

- (b) Apabila loji yang baru siap memulakan perkhidmatan, kadar aliran air yang telah meningkat akan menyebabkan sisa-sisa kekotoran dalam paip dibawa bersama ke rumah-rumah pengguna. Tetapi ini adalah jarang, kerana pendalaman paip-paip akan dicuci sehingga bersih sebelum bekalan air ke pengguna dibenarkan.
- (c) Tangki-tangki simpanan di dalam rumah adalah kotor. Adalah amalan baik kiranya tangki-tangki simpanan dalam rumah dicuci kerap kali supaya

ianya bersih dan juga mempunyai penutup sempurna supaya air tidak tercemar.

Namun begitu masalah-masalah tersebut bukannya masalah yang berterusan. Ianya lebih merupakan masalah sementara atau masalah bermusim. Masalah-masalah tersebut bukan sahaja berlaku di loji-loji yang tidak mempunyai penapis bahkan loji-loji yang dibina dengan adanya penapis juga turut menghadapi masalah-masalah ini. Sekiranya terdapat mana-mana loji yang menghadapi masalah tersebut yang berterusan maka sebab-sebabnya akan disiasat dan tindakan pemulihan akan diambil.

RESERVE FUND

26. Dato' Zainal Abidin bin Johari minta Menteri Kewangan menyatakan berapa banyak "reserve fund" negara dan banyak manakah yang telah dipakai mulai dari tahun 1980 hingga 1987.

Tuan Loke Yuen Yow: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Malaysia tidak mempunyai kumpulan wang rizab, dengan izin, "reserve fund". Walau bagaimanapun, sekiranya soalan Ahli Yang Berhormat bermaksud rizab luar negeri pada 30hb Mei 1987, rizab bersih luar negeri berjumlah sebanyak \$17,833 juta. Di antara tahun 1980 sehingga 30hb Mei 1987, perubahan rizab bersih asing negara adalah sebanyak \$7,529 juta.

PERSATUAN MORO DI SABAH

27. Tuan Maidom bin Pansai minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sama ada Kerajaan sedar tentang desas-desus yang begitu hangat diperkatakan di sana sini mengenai kewujudan Persatuan MORO di Sabah

oleh para pendatang haram dari Filipina. Sama ada sedar atau tidak, adakah Kerajaan bercadang untuk menyiasat tentang kebenarannya dan jika didapati benar, apakah tindakan yang akan diambil oleh Kerajaan terhadap kegiatan seperti itu. Iaitu sama ada membiarkannya berkembang luas atau bagaimana.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Setakat ini, Kementerian Dalam Negeri belum mengesan apa-apa tanda yang menunjukkan Persatuan MORO ditubuhkan di Sabah. Namun demikian, Kementerian akan sentiasa mengawasi dengan rapi perkara ini.

AKTA UNIVERSITI DAN KOLEJ UNIVERSITI— PINDAAN

28. Tuan Lim Kit Siang minta Menteri Pendidikan menyatakan sama ada Kerajaan bersedia meminda Akta Universiti dan Kolej Universiti, dan jika ya, bila, dan apakah ciri-ciri utama cadangan pindaan-pindaan tersebut.

Dr Leo Michael Toyad: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan belum bersedia sepenuhnya untuk meminda Akta tersebut. Kajian-kajian yang terperinci masih dan sedang dilakukan. Perlu ditegaskan, walau apapun bentuk pindaan yang akan dibuat kelak ianya tidak akan melibatkan peruntukan-peruntukan yang menyentuh Dasar Pendidikan Kebangsaan, Dasar Ekonomi Baru dan Dasar Bahasa Kebangsaan.

RASUAH—ADUAN DITERIMA

29. Tuan Lee Lam Thye minta Perdana Menteri menyatakan apakah tindakan yang telah diambil oleh Badan Pencegah Rasuah ekoran kejadian rasuah yang berleluasa di negara ini untuk mengatasi masalah ini dan menyatakan bilangan aduan yang

diterima, bilangan orang yang terlibat termasuk ahli-ahli politik yang telah didakwa dan didapati bersalah kerana rasuah antara tahun 1982 dan 1987.

Dato' Dr Mohamad Yusof bin Haji Mohamed Nor: Pertanyaan daripada Ahli Yang Berhormat ini telah saya jawab bersama-sama dengan soalan daripada Ahli Yang Berhormat Pasir Mas pada 2-7-1987 yang lalu. Saya tidak berhasrat untuk membuat sebarang tambahan.

CAWANGAN SAINS DAN TEKNOLOGI DALAM PERKHID- MATAN AWAM

30. Dato' Dr Affifuddin bin Haji Omar minta Perdana Menteri menyatakan memandangkan bahawa pada masa ini negara sedang pesat meningkatkan tahap perindustrian, apakah langkah-langkah diambil untuk meningkatkan lagi tahap keilmuan di dalam teknikal di kalangan pentadbir-pentadbir negara, adakah Kerajaan bercadang mewujudkan suatu cabang di dalam perkhidmatan awam (civil service) yang terdiri daripada anggota-anggota yang berkelulusan sains dan teknologi untuk mengendalikan dan menguruskan program dan projek pembangunan yang banyak merupakan projek-projek teknikal.

Dato' Dr Mohamad Yusof bin Haji Mohamed Nor: Berbagai-bagai bentuk latihan telah pun diadakan bagi meningkatkan lagi tahap keilmuan di kalangan pentadbir-pentadbir negara.

Kerajaan buat masa ini tidak bercadang untuk mewujudkan satu cawangan yang khusus bagi pentadbir-pentadbir negara yang terdiri daripada anggota-anggota yang berkelulusan sains dan teknologi untuk mengendalikan dan menguruskan projek pembangunan, tetapi pegawai-pegawai perkhidmatan awam banyak yang berkelulusan sains dan teknologi.

BIASISWA KERAJAAN

31. Dr V. David minta Menteri Pendidikan menyatakan sama ada beliau boleh memberi jaminan kepada Dewan semua penuntut-penuntut yang layak mendapat biasiswa-biasiswa Kerajaan akan dianugerahkan dengan bantuan secara adil.

Dr Leo Michael Toyad: Penuntut-penuntut yang layak memohon biasiswa Kerajaan memang diberi pertimbangan yang adil oleh Kerajaan. Sama ada seseorang pelajar itu berjaya mendapat biasiswa atau tidak, ini adalah bergantung kepada kriteria pemilihan yang ditetapkan dan peruntukan kewangan yang ada.

KEDAI VIDEO

32. Tuan Teoh Teik Huat minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) bilangan serbuan-serbuan oleh pihak Polis dan jabatan yang berkaitan ke atas kedai-kedai video bagi setiap tahun iaitu pada tahun 1984, 1985, 1986 dan 1987 sehingga hari ini;
- (b) bilangan orang-orang yang didakwa di Mahkamah selepas serbuan-serbuan tersebut, di atas kesalahan apa mereka didakwa dan bilangan mereka yang dibebaskan tanpa sebarang dakwaan selepas serbuan tersebut.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Kementerian Dalam Negeri melalui Lembaga Penapis Filem dan Polis Di Raja Malaysia sentiasa mengadakan pemeriksaan ke atas kedai-kedai video bagi memastikan pita-pita video yang diniagakan itu adalah ditapis dan tidak mengandungi bahan-bahan yang boleh menjejaskan ketenteraman awam atau nilai-nilai mulia masyarakat.

Bilangan pemeriksaan yang diadakan oleh Lembaga Penapis Filem

dan Polis Di Raja Malaysia mengikut tahun adalah seperti berikut:

Tahun 1984—1313 pemeriksaan
 1985—824 pemeriksaan
 1986—829 pemeriksaan
 1987—171 pemeriksaan

(Sehingga sekarang)

Daripada 3137 pemeriksaan tersebut seramai 1863 pengusaha kedai video telah didakwa di Mahkamah kerana didapati melakukan kesalahan di bawah undang-undang dan peraturan Akta (Penapisan) Filem, 1952. Pengusaha-pengusaha kedai video yang dapat membuktikan mereka mematuhi undang-undang dengan memohon sijil penapisan bagi pita video yang mereka niagakan atau tidak memiliki dan menyewakan pita video lucuh tindakan terhadap mereka tidaklah diambil.

AKTA PENDIDIKAN— MEMBATALKAN

33. Tuan R. Karpal Singh minta Menteri Pendidikan menyatakan bila Kerajaan bercadang membatalkan seksyen 21 (2) Akta Pendidikan.

Dr Leo Michael Toyad: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan belum bercadang membatalkan seksyen 21 (2) Akta Pendidikan. Walau bagaimanapun pada masa ini Kerajaan sedang mengkaji Akta tersebut secara menyeluruh termasuk seksyen 21 (2) dengan tujuan untuk memperkukuhkannya.

PELABURAN LUAR NEGERI— KEMASUKAN

34. Tuan Liew Ah Kim minta Menteri kewangan menyatakan memandangkan bahawa kemasukan pelaburan luar negeri sebanyak \$4.5 billion sejak kebelakangan ini telah

mengakibatkan harga pasaran saham melambung naik dengan tiba-tiba, berapa lamakah keadaan begini dapat dikekalkan dan apakah kesannya terhadap pemulihan ekonomi negara ini.

Tuan Loke Yuen Yow: Kemasukan pelaburan luar negeri dengan banyaknya sejak kebelakangan ini adalah disebabkan oleh bertambahnya keyakinan pelabur-pelabur asing terhadap ekonomi Malaysia. Keadaan ini boleh dikekalkan memandangkan bahawa ekonomi Malaysia telah pun menunjukkan tanda-tanda pemulihan. Harga-harga barangan utama telah pun meningkat dan kedudukanimbangan pembayaran Malaysia juga bertambah baik. Selain daripada itu, jumlah rizab-rizab luar negara juga meningkat dan pada masa sekarang boleh membiayai impot-impot bernilai 7 bulan. Ringgit Malaysia juga telah menjadi lebih stabil dan kukuh sedikit terhadap dolar Amerika Syarikat. Kadar faedah dalam negeri juga telah turun akibat daripada tindakan-tindakan yang diambil oleh Kerajaan untuk memperbaiki kedudukan mudah tunai dalam negeri.

Perkembangan-perkembangan ini telah menambahkan keyakinan pelabur-pelabur bahawa ekonomi Malaysia telah mula pulih dan dengan itu pengaliran masuk pelaburan serta kenaikan harga-harga di pasar saham Kuala Lumpur dijangka akan kekal sepanjang tahun ini.

Pengaliran masuk pelaburan akan membawa kesan yang baik terhadap pemulihan ekonomi negara ini. Dengan bertambahnya kumpulan wang ia dapat membiayai pertambahan aktiviti-aktiviti ekonomi dalam negeri. Kenaikan harga saham juga akan menggalakkan pelabur-pelabur tempatan dan asing meningkatkan pelaburan di dalam pasaran saham Malaysia dan dengan itu syarikat-syarikat tempatan dapat memperolehi modal yang lebih untuk meningkatkan

pengeluaran mereka. Perkembangan yang setakat ini dapat menambah pengeluaran negara serta peluang-peluang pekerjaan dan dengan itu ekonomi Malaysia dijangka dapat pulih dengan lebih cepat.

PENYAKIT TAUN

35. Tuan Abdul Rahman bin Bakar minta Menteri Kesihatan menyatakan apakah langkah-langkah dan usaha-usaha yang telah, sedang dan akan diambil oleh pihak Kementerian bagi menyekat merebaknya penyakit taun yang agak berleluasa akhir-akhir ini terutamanya di negeri Pantai Timur. Sejauh ini berapa ramai mereka yang terlibat dengan penyakit tersebut dan di daerah manakah yang paling serius. Apakah Kerajaan menyedari kekurangan bekalan air bersih, kemudahan perkakas dan peralatan pembinaan tandas merupakan punca merebaknya penyakit tersebut; apakah usaha-usaha Kementerian bagi mengatasinya.

Dato' K. Pathmanaban: Saya telah memberi jawapan mengenai langkah-langkah yang diambil untuk mengawal merebaknya penyakit taun pada 1hb Julai yang lepas, semasa menjawab soalan Yang Berhormat dari Sik.

Mengenai kedudukan wabak taun sekarang, semenjak bermulanya wabak taun pada awal bulan April 1987 sehingga 25 Jun 1987 sebanyak 341 kes telah dilaporkan di seluruh Semenanjung Malaysia. Daerah-daerah yang terkena wabak ini dengan seriusnya ialah Kota Bharu, Tumpat, Bachok dan Pasir Mas di Kelantan; Kuala Muda/Yan, Baling, Kubang Pasu, dan Pendang/Kota Setar di Kedah; Besut di Terengganu dan Negeri Perlis. Kementerian Kesihatan memang sedar bahawa di antara sebab-sebab utama mengapa wabak taun ini berlaku ialah kekurangan bekalan air yang bersih dan selamat serta kekurangan tandas yang sempurna di

tempat-tempat yang terlibat dengan wabak ini. Kementerian sedang mempergiatkan lagi usaha-usahnya membina lebih banyak telaga ataupun sistem bekalan air yang lain, serta tandas curah di kawasan-kawasan luar bandar. Pada tahun 1976 Kementerian Kesihatan telah memperkenalkan Rancangan Kebersihan Alam Sekeliling. Sejauh ini, dalam tempoh masa 5 tahun yang lalu (1981-1986), Kementerian Kesihatan telah berjaya membantu mewujudkan pam perigi cetek dan 6,504 telaga atau sistem bekalan air yang lain serta membina secara gotong-royong 287,025 buah tandas curah di kawasan-kawasan luar bandar yang tidak menikmati bekalan air melalui Jabatan Bekalan Air. Rancangan ini telah dapat memberi perkhidmatan kepada 1,438,879 orang penduduk.

Dalam pada itu, ingin saya tegaskan bahawa peranan Kerajaan-kerajaan Negeri yang bertanggungjawab membekalkan air yang bersih dan selamat kepada orang ramai adalah sangat mustahak dan Kementerian Kesihatan sentiasa bekerjasama dengan pihak-pihak yang tertentu dalam perkara ini.

KILANG ASIAN RARE EARTH— KAWALAN

36. Tuan Lau Dak Kee minta Perdana Menteri menyatakan mengapa satu "Panel Pakar Saintis Bebas" tidak ditubuhkan untuk menyiasat kepada paras bahaya radioaktif dari kilang Asian Rare Earth di Bukit Merah, Ipoh, dan terangkan langkah-langkah berkesan untuk memastikan A.R.E. akan mematuhi spesifikasi International Atomic Energy Agency (IAEA) dan juga;

Terangkan bagaimana laporan "Environmental Impact Assessment" (EIA) dapat disempurnakan.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Tuan Kasitah bin Gaddam): Sukacita saya tegaskan bahawa Lembaga Perlesenan Tenaga Atom adalah sebuah badan penguatkuasa yang bertanggungjawab untuk mengawal semua pengguna tenaga atom di seluruh negara, termasuk badan radioaktif, untuk memastikan pengguna tenaga atom itu tidak mendatangkan sebarang mudarat kepada pekerja-pekerja, orang awam ataupun alam sekitar. Lembaga tersebut telah ditubuhkan pada 1 Februari 1985 mengikut kehendak Akta Perlesenan Tenaga Atom 1984. Ianya dianggotai oleh pakar-pakar dari Jabatan-jabatan Kerajaan dan juga pertubuhan-pertubuhan profesional yang mempunyai pengetahuan dalam bidang berkaitan dengan keselamatan radiologikal dan nuklear. Untuk membantu Lembaga ini melaksanakan tugasnya sebagai badan penguatkuasa, sebuah "Agensi" atau "Urusetia Teknikal" telah ditubuhkan, dan Urusetia tersebut dianggotai oleh jurutera-jurutera serta saintis-saintis nuklear yang telah dilatih di beberapa negara maju. Antara fungsi utama Urusetia Lembaga tersebut ialah bertindak sebagai "Inspektorat" atau "Jemaah Pemeriksa". Sukacita juga dimaklumkan bahawa standard-standard yang diwujudkan oleh Lembaga Perlesenan Tenaga Atom atau syarat-syarat keselamatan yang dikenakan ke atas pengguna-pengguna tenaga atom adalah dipadankan daripada standard-standard yang telah disarankan oleh badan-badan antarabangsa seperti International Atomic Energy Agency (IAEA), International Commission on Radiological Protection (ICRP) dan juga World Health Organization (WHO).

Memandangkan bahawa Lembaga Perlesenan Tenaga Atom serta Urusetianya itu dianggotai oleh pakar-pakar dalam bidang keselamatan serta perlindungan radiologikal dan nuklear,

dan juga ia sentiasa mendapat bimbingan pakar-pakar daripada agensi-agensi antarabangsa, Kerajaan tidak bersetuju untuk menubuhkan "Penal Pakar Saintis Bebas" sepertimana yang telah dicadangkan oleh pihak-pihak tertentu, kerana "fungsi dan tujuan" penubuhan panel itu menyerupai fungsi Lembaga Perlesenan Tenaga Atom.

Urusetia Lembaga Perlesenan Tenaga Atom ini, yang bertindak sebagai "Inspektor" atau "Jemaah Pemeriksa" akan memastikan semua syarat keselamatan yang telah ditetapkan ke atas Syarikat Asian Rare Earth dipatuhi, dengan mengadakan pemeriksaan-pemeriksaan berkala pada jangka-jangka masa yang tertentu. Di samping itu juga pemeriksaan serta penilaian ke atas keselamatan kilang Asian Rare Earth tersebut akan dilakukan oleh Lembaga ini setiap kali ianya memohon untuk membaharui lesennya, dan mengikut Akta Perlesenan Tenaga Atom, 1984, tempoh paling panjang sesuatu lesen itu sah ialah 3 tahun.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, laporan penilaian kesan-kesan ke atas alam sekitar (EIA) hanya diperlukan bagi aktiviti-aktiviti yang akan ditetapkan. Laporan EIA diperlukan semasa perancangan sesuatu projek dan sebelum ianya dijalankan. Untuk menjalankan kajian EIA dan penyediaan laporan EIA, garis-garis panduan bagi tujuan ini telah disediakan. Mereka yang ingin menjalankan kajian EIA boleh merujuk kepada garis panduan ini.

PENUKARAN PORTFOLIO KEBUDAYAAN/ DASAR KEBUDAYAAN

37. Tuan Peter Paul Dason minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) sebab-sebab penukaran portfolio kebudayaan dari

asalnya Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan kepada Jabatan Perdana Menteri; dan

- (b) sama ada terdapat sebarang rancangan oleh Kementerian ini untuk membentuk dasar Kebudayaan negara yang bertujuan untuk memupuk keharmonian kaum-kaum sebagai objektif.

Menteri Kebudayaan dan Pelancongan (Dato' Haji Sabaruddin Chik):

- (a) Tidak timbul cadangan untuk menukarkan Kementerian Kebudayaan kepada Jabatan Perdana Menteri. Yang ada sekarang ialah Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan.
- (b) Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan yang dahulunya bernama Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan telah pun mempunyai Dasar Kebudayaan Kebangsaan yang tujuannya untuk mengukuh perpaduan negara, memelihara, mengembang dan mengukuhkan keperibadian kebangsaan serta memperkaya dan mempertingkatkan kehidupan kemanusiaan dan ke-rohanian yang seimbang dengan pembangunan sosio-ekonomi. Jadi keharmonian kaum termasuk dalam tujuan itu.

KENYATAAN DATO' MOHAMED RAHMAT—SIASATAN

38. Tuan Tan Kok Wai minta Menteri Dalam Negeri menyatakan mengapa pihak polis mengambil masa yang begitu lama untuk bertindak ke atas laporan Polis yang dibuat terhadap Ahli Parlimen Pulaui, Dato' Mohamed Rahmat kerana mengeluarkan kenyataan supaya rakyat bukan

bumiputera juga mesti dikenakan hukuman sebat di bawah undang-undang syariah.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pihak polis terpaksa mengambil masa bagi menyiasat kes ini supaya hasil siasatannya lebih lengkap, teratur dan sempurna. Pihak polis masih menjalankan siasatan ke atas kes ini dan keputusan mengenainya kelak akan diketahui secepat mungkin.

KEBULURAN PETANI LUAR BANDAR

39. Tuan Madatang bin Morejal minta Menteri Kebajikan Masyarakat menyatakan cadangan Kerajaan bagi mengatasi masalah kebuluran di kalangan para petani luar bandar di daerah Kudat, Kota Marudu, Pitas dan Banggi, akibat daripada kemarau yang berpanjangan pada awal hingga pertengahan tahun 1987. Kemarau tersebut telah merosakkan tanaman pada terutama padi sawah kerana kekurangan air.

Menteri Kebajikan Masyarakat (Tuan Mustaffa bin Mohammad): Kementerian Kebajikan Masyarakat sedar tentang kebuluran yang dirujukkan oleh Ahli Yang Berhormat tetapi oleh kerana perkara tersebut adalah di bawah tanggungjawab Kerajaan Negeri Sabah maka Kementerian ini tidak dapat memberikan jawapan yang dikehendaki.

TAYANGAN TV—TAPISAN PROGRAM

40. Tuan Hu Sepang minta Menteri Penerangan menyatakan apakah cakap-cakap dan pengumuman-pengumuman kerasnya mengenai tapisan dan program-program adalah untuk membantu RTM dalam usahanya untuk menyaingi dengan stesen komersial TV3 kerana RTM

telah gagal dalam saingannya dengan TV3 dalam bidang hiburan, penerangan dan berita.

Dato' Mohamed bin Rahmat: Pengumuman-pengumuman yang dibuat mengenai tapisan program-program untuk tayangan TV adalah untuk menjamin supaya kesan-kesan buruk dari tayangan filem-filem di TV dapat dikawal. Ia tidak ada kena mengenai dengan persaingan antara RTM dan TV3.

Pada masa ini penapisan filem-filem tayangan TV3 dibuat oleh Lembaga Penapis Filem yang berdasarkan kepada tayangan untuk panggung-panggung wayang. Pihak RTM pula mempunyai Jawatankuasa penapis sendiri dan menggunakan garispanduan tapisan yang lebih ketat untuk menjamin supaya filem-filem yang ditayangkan di kaca TV adalah sesuai untuk ditonton oleh semua lapisan umur. TV3 memang sudah dibekalkan dengan garispanduan itu tetapi pelaksanaannya adalah terserah kepada TV3 sendiri. Kementerian hanya boleh membuat teguran saja jika garispanduan itu tidak diikuti.

Soal persaingan antara RTM dan TV3 sebenarnya tidak timbul. RTM menghidangkan banyak program-program, laporan-laporan dan liputan-liputan berita awam yang tidak dibuat di TV3. Hanya Rangkaian 2 di RTM yang bercorak commercial di samping memainkan peranan utamanya sebagai media Kerajaan.

KOPERASI PENGAMBIL DEPOSIT—TINDAKAN

41. Tuan Lim Guan Eng minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) mengapa daripada pengarah-pengarah 13 buah Koperasi-koperasi Pengambil Deposit (KPD) yang disebutkan dalam Laporan Putih melakukan perbuatan-perbuatan jenayah

menipu dan percanggahan kepentingan setakat ini hanya pengarah-pengarah dari 7 buah KPD didakwa dan bawa ke depan mahkamah; dan

- (b) mengapa setakat ini tidak ada sebarang tindakan diambil terhadap laporan-laporan polis berikut mengenai penyelewengan wang Koperasi Kosmopolitan Bhd. oleh pengarah-pengarah yang terdiri daripada Yang Berhormat dari Lembah Pantai oleh pendepositor-pendepositor. Koperasi Kosmopolitan yakin Laporan Polis No. 6111/87 S/D 1799 pada 5-4-1987, Laporan Polis No. 1712/87 pada 12-4-1987 dan Laporan Polis No. pada 19-4-1987 semuanya di Balai Polis Jalan Bandar, Kuala Lumpur.

Tuan Loke Yuen Yow: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sungguhpun setakat ini hanya pengarah-pengarah dari 7 KPD sahaja yang didakwa di mahkamah, ini tidaklah bermakna bahawa mereka yang melakukan berbagai kesalahan di KPD yang lain, tidak akan didakwa sama sekali.

Ahli Yang Berhormat tentu sedar bahawa sebelum seseorang itu disabitkan apa-apa kesalahan, penyiasatan rapi bagi membuktikan kesalahan yang dilakukan, perlulah dibuat terlebih dahulu. Ini sudah tentu akan mengambil sedikit masa.

Saya ingin memberi jaminan kepada Ahli Yang Berhormat, bahawa tindakan tegas akan diambil ke atas mereka yang bertanggungjawab terhadap pengurusan tidak jujur, penyelewengan atau pecahan amanah, dalam KPD.

PRESTASI PELAJAR DALAM KEGIATAN KO-KURIKULUM

42. Tuan Mohamed Sam bin Haji Sailan minta Menteri Pendidikan menyatakan:

- (a) sebab-sebab mengapa prestasi pelajar-pelajar keturunan Melayu terutamanya pelajar perempuan di dalam bidang sukan dan olahraga dan ko-kurikulum yang lain begitu tidak menggalakkan kebelakangan ini dengan sebab keengganan mereka melibatkan diri di dalam kegiatan-kegiatan ini berdasarkan kepada kefahaman mereka yang sempit berhubung dengan konsep Penerapan Nilai-nilai Islam; dan
- (b) kalau perkara ini benar dan mengancam prestasi pelajar-pelajar ini apakah rancangan alternatif Kerajaan agar pelajar-pelajar ini mendapat pengalaman dan pendedahan setimpal dengan pengalaman dan pendedahan pelajar-pelajar keturunan lain dalam negara.

Dr Leo Michael Toyad: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, secara umumnya Kementerian Pendidikan mendapati prestasi pelajar-pelajar (termasuk pelajar-pelajar perempuan Melayu) di dalam kegiatan ko-kurikulum berjalan lancar dan tidak merosot mutunya, khasnya di dalam kegiatan-kegiatan di dalam persatuan. Walau bagaimanapun di setengah-setengah sekolah, kegiatan di dalam bidang sukan dan olahraga masih kurang memuaskan.

Ini adalah disebabkan oleh berbagai-bagai faktor yang berkaitan, termasuklah juga adanya pandangan-pandangan yang berbeza terhadap kegiatan sukan dan olahraga.

Tindakan bagi mengatasi masalah ini sedang dijalankan, antaranya:

- (i) memperluaskan penerangan dan kefahaman pelajar berkenaan mengenai kegiatan ko-kurikulum dari segi faedah jangka pendek dan jangka panjang;
- (ii) memberi ganjaran dan pengiktirafan kepada pelajar-pelajar yang terlibat;
- (iii) membimbing dan mendorong pelajar-pelajar melibatkan diri di dalam mana-mana kegiatan ko-kurikulum yang mereka minati mengikut kesesuaian dan keperluan sekolah.

PEGAWAI KERAJAAN GIAT DALAM POLITIK

43. Tuan Lee Lam Thye minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) berapa ramai pegawai tinggi Kerajaan dalam Kumpulan "A" yang di bawah siasatan kerana bergiat dalam politik dan berapa ramai yang menghadapi tindakan disiplin setakat ini; dan
- (b) berapa ramai pegawai-pegawai dalam Kumpulan B, C dan D yang telah diberikan keizinan untuk mengambil bahagian aktif dalam politik setakat ini.

Dato' Dr Mohamed Yusof bin Haji Mohamed Nor:

- (a) Pada masa ini seramai 272 orang pegawai Kumpulan "A" sedang disiasat kerana mengambil bahagian dalam politik. Seramai 7 orang pegawai telah dibawa kepada Lembaga Tatatertib. Enam orang telah dibicarakan dan dijatuhkan hukuman. Seorang sedang diambil tindakan tatatertib.

- (b) Berdasarkan kepada rekod yang sedia ada, seramai 18 orang pegawai dari Kumpulan B, C dan D dalam Perkhidmatan Gunasama (seperti Pegawai Kerja Am) telah diberi keizinan untuk mengambil bahagian aktif dalam politik seperti berikut:

Kumpulan "B"	..	5
Kumpulan "C"	..	13
Kumpulan "D"	..	0

Kebenaran bagi pegawai daripada Kumpulan B, C dan D dalam Perkhidmatan bukan Gunasama, untuk mengambil bahagian dalam politik diberi oleh Ketua Setiausaha Kementerian masing-masing yang menyimpan rekod mengenainya.

FELDA—PEMBELI GETAH DARIPADA PESERTA

44. Tuan Muhamad bin Abdullah minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan sama ada Kementerian bercadang untuk mengkaji semula Akta Lembaga Perlesenan Getah Malaysia (LPPGM) 1972 di mana sekarang didapati pemilik-pemilik lesen pembeli getah dengan sewenang-wenangnya membeli hasil-hasil getah daripada FELDA yang menyebabkan pusat membeli getah FELDA (PGM) telah menanggung kerugian yang besar dan juga menyebabkan tunggakan hutang-hutang peserta FELDA makin bertambah.

Tuan Alias bin Md. Ali: Kementerian sedar adanya beberapa kes di mana pembeli-pembeli berlesen membeli getah daripada peserta-peserta FELDA. Dengan itu, garispanduan bagi mengeluarkan lesen telah diperketatkan bertujuan untuk mencegah berlakunya perkara ini. Setakat ini garispanduan yang digunakan menetapkan bahawa lesen-lesen akan hanya dikeluarkan

sekurang-kurangnya 8 batu daripada Skim-skim FELDA.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, peraturan-peraturan yang ada sekarang iaitu Peraturan-peraturan (Pelesenan dan Pengawasan) Lembaga Pasaran dan Pelesenan Getah Malaysia (LPPGM), 1974 adalah mencukupi di mana lesen untuk menjual getah tidak dikeluarkan kepada peserta-peserta FELDA untuk menyekat mereka dari menjual kepada pembeli-pembeli berlesen. Dalam hubungan ini, LPPGM akan terus mengambil langkah-langkah yang sesuai bagi menentukan supaya peraturan-peraturan yang ditetapkan dipatuhi.

KAD PENGENALAN BIRU BAGI PENDATANG HARAM

45. Tuan Nurnikman bin Abdullah minta Menteri Dalam Negeri menyatakan adakah Menteri berkenaan sedar sejumlah besar orang-orang pelarian dan pendatang asing di Sabah mempunyai kad-kad pengenalan biru dan telah mendaftar sebagai pengundi di Sabah. Perkara ini telah menjadi satu isu yang penting dan beberapa badan termasuk Persatuan Guaman Sabah atau Sabah Law Association telah meminta Kerajaan membuat penyiasatan yang rapi ke atas perkara ini. Apakah tindakan yang akan diambil oleh Kerajaan dalam hal ini dan adakah Kerajaan bercadang hendak menarik balik kad-kad pengenalan biru yang telah dikeluarkan kepada pendatang asing di Sabah jika dakwaan itu benar.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Kecuali keadaan sebaliknya terbukti, seorang pemegang kad pengenalan biru adalah warganegara Malaysia kerana undang-undang sekarang memperuntukkan warganegara Malaysia sahaja yang berhak mendapatkan kad pengenalan biru. Pada masa ini, saya tidak sedar

bahawa pendatang-pendatang haram dan orang-orang pelarian di Sabah mempunyai kad pengenalan biru. Kementerian Dalam Negeri akan menyiasat perkara ini jika aduan rasmi yang disokong oleh bukti-bukti nyata diterima dari orang ramai. Kementerian akan menarik balik mana-mana kad pengenalan biru yang terbukti diperolehi dengan cara yang tidak sah.

ANG BAK TEIK/NG TIN CHOON—SIASATAN

46. Tuan Chian Heng Kai minta Menteri Dalam Negeri menyatakan hasil penyiasatan atas (a) kes Ang Bak Teik—Bukit Tengah Report No. 2557/86; (b) kes Ng Tin Choon, yang mana beliau telah berjanji akan menjawab secara bertulis dalam Mesyuarat Dewan Rakyat bulan Mac lalu telah sehingga hari ini jawapan belum diberikan lagi.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat berkenaan,

- (a) Siasatan ke atas kes Ang Bak Teik mengikut laporan Polis Bukit Tengah No. 2557/86 telah pun selesai dan diajukan kepada Timbalan Pendakwa Raya. Pihak Timbalan Pendakwa Raya telah memutuskan kes ini tidak dihadapkan ke Mahkamah kerana kurang bukti.
- (b) Soalan Ahli Yang Berhormat berkenaan mengenai kes Ng Tin Choon adalah tidak jelas. Kementerian saya telah cuba mengesan kes berkenaan tetapi daripada rekod-rekod yang ada, tiada mendapat laporan polis yang melibatkan penama tersebut. Oleh yang demikian dukacitalah dimaklumkan bahawa saya tidak dapat menjawabnya di Dewan yang mulia ini.

SYARIKAT ASIAN RARE EARTH— KAWALAN

47. Tuan Ting Chek Ming minta Perdana Menteri menyatakan kesan-kesan buruk dari “radiation” ke atas penduduk Lembah Kinta; apakah langkah-langkah yang perlu diambil oleh penduduk-penduduk untuk menjaga kesihatan mereka sekarang dan juga generasi yang akan datang.

Tuan Kasitah bin Gaddam: Soalan yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat daripada Batu Gajah itu tidak menjelaskan “radiation” dari mana, sama ada “radiation” daripada alam sekitar ataupun “radiation” yang dikhuatiri wujud daripada aktiviti Syarikat Asian Rare Earth.

Sekiranya “radiation” yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat itu berpunca daripada alam sekitar, sebenarnya paras dedahan sinaran daripada alam sekeliling di Lembah Kinta adalah lebih kurang sama dengan paras dedahan sinaran di tempat-tempat perlombongan bijih timah yang lain di Malaysia ini. Paras dedahan sinaran di kawasan-kawasan perlombongan bijih timah adalah tinggi sedikit daripada kawasan-kawasan yang bukan kawasan perlombongan bijih timah. Perbezaan ini adalah sangat kecil dan tidak akan memberi apa-apa kesan buruk kepada penduduk-penduduk Lembah Kinta ataupun kepada penduduk-penduduk di kawasan bekas perlombongan bijih timah.

Sekiranya “radiation” yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat adalah “radiation” yang dikhuatiri wujud daripada Syarikat Asian Rare Earth, sukacita saya tegaskan sekali lagi bahawa kendalian sementara syarikat tersebut adalah sentiasa diawasi dengan rapi oleh Lembaga Perlesenan Tenaga Atom. Dari pengawasan rapi itu didapati bahawa paras-paras dedahan sinaran, sama ada di tempat-tempat dalam kilang

ataupun di tempat-tempat yang berhampiran dengan kilang adalah rendah dan di bawah had-had yang telah disarankan oleh badan antarabangsa

International Commission on Radiation Protection (ICRP). Justeru itu aktiviti Syarikat Asian Rare Earth tidak akan menjejaskan keselamatan ataupun kesihatan pekerja-pekerjanya ataupun penduduk-penduduk di Lembah Kinta. Penduduk-penduduk Lembah Kinta tidak perlu merasa cemas dan juga tidak perlu untuk mengambil langkah-langkah keselamatan tertentu bagi menjaga kesihatan mereka atau generasi yang akan datang, kerana aktiviti syarikat tersebut sentiasa diawasi oleh Lembaga Perlesenan Tenaga Atom, yang mana juga akan memastikan bahawa langkah-langkah keselamatan yang telah ditetapkan dipatuhi oleh syarikat tersebut sepanjang masa ianya beroperasi.

JAMBATAN PULAU PINANG— KOS PEMBINAAN

48. Tuan Haji Abdullah bin Haji Arshad minta Menteri Kewangan menyatakan jumlah hutang negara khusus untuk projek jambatan Pulau Pinang. Berapa lama hutang itu dapat diselesaikan dan cara mana Kerajaan mencari wang untuk menyelesaikan hutang itu. Sila butirkan jumlah bayaran itu tiap-tiap tahun hingga langsa.

Tuan Loke Yuen Yow: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Projek Jambatan Pulau Pinang tidak dibiayai oleh satu pinjaman yang khusus. Kos pembinaan Projek Jambatan Pulau Pinang ialah \$850.0 juta dan daripada jumlah tersebut, sebanyak \$710.6 juta atau lebih kurang 84% adalah dibiayai melalui pinjaman. Pinjaman tersebut merupakan sebahagian daripada pinjaman-pinjaman yang telah diperolehi oleh Lembaga Lebuhraya

Malaysia untuk membiayai projek-projek pembangunannya secara umum.

Pinjaman-pinjaman yang diperolehi oleh Lembaga Lebuhraya Malaysia mempunyai tempoh kematangan antara 10 hingga 21 tahun yang bermula daripada tahun 1983 hingga ke tahun 2006. Ini bermakna hutang bagi kesemua pinjaman Lembaga Lebuhraya Malaysia harus diselesaikan sebelum tahun 2006. Punca-punca untuk menyelesaikan hutang tersebut ialah melalui kutipan tol di atas kenderaan, pemberian gran dan pinjaman Kerajaan Persekutuan kepada Lembaga Lebuhraya Malaysia.

Oleh kerana tiada pinjaman khusus bagi pembiayaan Projek Jambatan Pulau Pinang, maka jadual khusus bagi jumlah bayaran hutang untuk projek tersebut tidak ada. Walau bagaimanapun, berdasarkan kepada jadual bayaran khidmat hutang bagi keseluruhan pinjaman Lembaga Lebuhraya Malaysia dan dengan andaian bayaran balik pokok bermula pada tahun 1988, tempoh pinjaman selama 10 tahun dan kadar faedah purata sebanyak 10% setahun, maka jadual bayaran balik hutang bagi pinjaman sebanyak \$710.6 juta untuk membiayai Projek Jambatan Pulau Pinang adalah dianggarkan seperti berikut:

<i>Tahun</i>	<i>(\$ Juta) Jumlah Bayaran Balik</i>
1983	71.06
1984	71.06
1985	71.06
1986	71.06
1987	71.06
1988	213.18

1989	198.97
1990	184.76
1991	170.54
1992	156.33

KAD PENGENALAN YANG DIMUSNAHKAN

49. Tuan Nurnikman bin Abdullah minta Menteri Dalam Negeri menyatakan adakah Jabatan Pendaftaran Sabah mendapat kebenaran ataupun mendapat arahan daripada mana-mana pihak di Kuala Lumpur untuk memusnahkan sejumlah 6,499 kad pengenalan yang mana dari jumlah ini 2,790 adalah Biru, 753 adalah Merah dan 2,956 adalah Hijau. Adakah Menteri berkenaan sedar bahawa perbuatan itu tidak wajar dan boleh mendatangkan sangkaan yang buruk terhadap Kerajaan oleh mereka yang terlibat. Sehubungan dengan ini adakah Kementerian bercadang untuk membuat apa-apa ketetapan bagi mengatasi masalah kad pengenalan yang tidak dituntut di Sabah.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Terdapat sejumlah kad-kad pengenalan yang telah siap diproseskan dan tidak dituntut oleh pemohon-pemohon berkenaan selama beberapa tahun setelah langkah-langkah yang sesuai diambil oleh Jabatan Pendaftaran Negara untuk memaklumkan mereka yang terlibat itu. Pemusnahan kad-kad pengenalan ini adalah menjadi satu amalan biasa oleh Jabatan Pendaftaran Negara di seluruh negara. Tindakan ini perlu diambil untuk mengelakkan sebarang kemungkinan atau sangkaan yang tidak baik akibat menyimpan kad-kad pengenalan itu.

Pada masa ini, Kementerian Dalam Negeri berpuashati dengan langkah-langkah yang sedang dilaksanakan

sekarang untuk mengatasi perkara ini dan tidak bercadang untuk melaksanakan apa-apa langkah-langkah baru.

LEBUHRAYA UTARA/SELATAN— PEMBUKAAN

50. Tuan Haji Ibrahim bin Ali minta Menteri Kerjaraya menyatakan kenapakah rangkaian Lebuhraya Utara/Selatan tidak dapat dibuka sebelum hari raya tahun ini dan apakah pihak Kerajaan akan mengadakan peraturan khas seperti hadlaju, berat muatan kepada para pengguna bagi menjamin tidak akan berlaku kemalangan.

Dato' S. Samy Vellu: Lebuhraya Utara/Selatan daripada Bukit Kayu Hitam di Utara hingga Johor Bahru di Selatan belum lagi siap sepenuhnya, dan sehingga ini hanya beberapa bahagian Lebuhraya itu sahaja yang telah siap dibina iaitu bahagian Lebuhraya Bukit Kayu Hitam/Jitra, Alor Star/Gurun dan telah pun dibuka kepada lalulintas. Manakala bahagian-bahagian yang dijangka akan dibuka kepada lalulintas pada bulan Ogos ini adalah Kuala Lumpur/Ayer Keroh dan Ipoh/Changkat Jering, bahagian-bahagian yang sedang dibina adalah Alor Star/Jitra dan Ayer Keroh/Pagoh. Bahagian-bahagian Lebuhraya lain yang belum lagi dibina adalah dicadangkan untuk diswastakan dan dijangka dilaksanakan dalam sedikit masa lagi. Oleh kerana keseluruhan rangkaian Lebuhraya Utara/Selatan belum siap, maka ianya belum dapat dibuka keseluruhannya, tetapi dibuka mengikut bahagian-bahagian yang telah siap.

Mengenai peraturan khas Lebuhraya seperti hadlaju dan berat muatan, Kerajaan sememangnya akan memberi perhatian dalam hal ini supaya keselamatan pemandu terjamin dan juga bagi menjaga Lebuhraya supaya sentiasa berada dalam keadaan memuaskan.

INSTITUT PERIKANAN MALAYSIA

51. Tuan Mohamad Subky bin Haji Abdul Raof minta Menteri Pertanian menyatakan fungsi Institut Perikanan Malaysia yang berada di Batu Maung dan cawangannya di Seberang Takir. Juga nyatakan jumlah pelatih yang telah tamat berkursus sejak Institut tersebut diwujudkan. Berapa ramai pula yang telah mencebur diri sebagai nelayan moden atau nelayan yang berjaya.

Dato' Alexander Yu Lung Lee: Pada mulanya IPM ditubuhkan ialah untuk mewujudkan di antara belia-belie negara ini sekumpulan angkatan nelayan yang terlatih serta berkelayakan dalam bidang perikanan setanding dengan nelayan-nelayan yang termaju di dunia.

Meninggikan kebolehan dan kecakapan nelayan-nelayan dalam berbagai-bagai bidang iaitu pelayaran, peralatan, penyelenggaraan enjin dan pengendalian ikan.

Di samping itu IPM memainkan peranannya untuk memberi latihan dalam perkhidmatan kepada kakitangan-kakitangan bahagian perikanan untuk tujuan meningkatkan lagi mutu kecakapan kakitangan bahagian perikanan di dalam menjalankan tugas-tugas seharian.

IPM akan menjadi pakar rujuk dan penasihat teknikal kepada Cawangan-cawangan di Bahagian Perikanan amnya dan Pusat-pusat Perkembangan Laut khususnya.

Jumlah pelatih yang telah tamat berkursus sejak Institut tersebut diwujudkan adalah:

1972-1983	1. Sijil Kecakapan Jeragan (2 tahun)	283 orang
	2. Sijil Kecakapan Pekerja Enjin (2 tahun)	214 orang
	JUMLAH	487 orang

1983-1987 — Seramai 1,949 nelayan tulin telah dilatih. Jumlah Pelatih sehingga 1987 adalah seramai 2,446 orang.

Untuk pengetahuan, pihak IPM tidak menjamin sebarang pekerjaan kepada bekas-bekas pelatihnya. Walau bagaimanapun IPM akan berhubung rapat dengan bekas-bekas pelatih untuk membantu lagi memberikan maklumat jika terdapat peluang pekerjaan yang sesuai dengan bidang latihan yang diikuti oleh mereka. Hasil yang dikumpulkan oleh IPM daripada hubungan rapat dengan bekas-bekas pelatih 1972 hingga 1982 ialah seperti berikut:

Sektor Perikanan

Bertugas di Bahagian Perikanan	71 orang
Bertugas di LKIM	61 orang
Bekerja sendiri	17 orang
Sabah dan Sarawak	147 orang
Luar bidang perikanan ..	142 orang
Menganggur	47 orang
Tidak diketahui	12 orang

Mulai tahun 1983 IPM menumpukan sasarannya kepada nelayan-nelayan tulin yang berusaha dalam bidang perikanan dan bilangan yang telah menerima latihan ialah 1,949. Oleh yang demikian soal mencari pekerjaan kepada bekas-bekas pelatih tidak timbul.

KAD PENGENALAN— PENGAMBILAN

52. Tuan Samson Chin Chee Tsu minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sama ada beliau bersedia untuk memberi arahan kepada Jabatan Pendaftaran Negara supaya butir-butir pemohon-pemohon kad pengenalan yang masih belum mengambil kad pengenalan mereka dapat disiarkan dalam suratkhbar tempatan di Sabah.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Saya tidak bercadang untuk mengarahkan Jabatan Pendaftaran Negara supaya menyiarkan butir-butir pemohon-pemohon kad pengenalan

yang masih belum mengambil kad pengenalan mereka dalam suratkhbar tempatan di Sabah kerana langkah-langkah yang diambil sekarang sudah mencukupi dan saya berpuashati dengan langkah-langkah yang diambil itu. Langkah-langkah yang dijalankan sekarang ialah:

- (i) menghantar surat kepada pemohon-pemohon untuk makluman bahawa kad pengenalan mereka telah selesai diproses dan boleh diambil oleh mereka;
- (ii) mempamerkan senarai nama pemohon-pemohon kad pengenalan yang telah siap di pejabat-pejabat Jabatan Pendaftaran Negara yang berkenaan;
- (iii) meminta kerjasama Jabatan-jabatan lain dan Ketua-ketua Kaum mengesan dan memberitahu orang-orang berkenaan untuk mengambil kad-kad pengenalan mereka.

Dalam pada itu, adalah juga menjadi tanggungjawab pemohon-pemohon kad pengenalan berkenaan untuk mengambil kad-kad pengenalan mereka setelah diberitahu oleh Jabatan Pendaftaran Negara bahawa kad-kad pengenalan mereka telah siap diproseskan.

TUNTUTAN FILIPINA TERHADAP SABAH

53. Tuan Hsing Yin Shean minta Menteri Luar Negeri menyatakan sama ada tuntutan Filipina terhadap Sabah yang masih berterusan akan diselesaikan sebelum Persidangan kemuncak ASEAN pada bulan Disember ini. Jika tidak mengapa. Dan demi untuk kemakmuran, apakah rancangan yang telah diambil oleh Kementerian beliau untuk menyelesaikan masalah tuntutan Filipina terhadap Sabah.

8-7-87

6. Tuan Haji Mohamed bin Haji Isa minta Menteri Luar Negeri menyatakan tentang tuntutan Filipina terhadap Sabah, adakah tuntutan itu masih kekal ataupun telah digugurkan. Dan jika masih belum digugurkan sejauh manakah rundingan bagi menyelesaikannya.

Dato' Abu Hassan bin Haji Omar: Dengan izin Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menjawab soalan ini serentak dengan soalan yang akan dikemukakan oleh Yang Berhormat Tuan Haji Mohamed Haji Isa pada 8hb Julai 1987.

Pemerintah Filipina, di bawah pentadbiran Presiden Aquino telah menyatakan azamnya untuk menyelesaikan isu tuntutan Filipina ke atas Sabah, dan hasrat ini telah dialu-alukan oleh Malaysia. Malaysia yakin bahawa Pentadbiran Presiden Aquino akan berusaha untuk menggugurkan tuntutan Filipina ke atas Sabah.

PENDAFTARAN PELARIAN/ PENDATANG HARAM

54. Tuan Fung Ket Wing minta Menteri Dalam Negeri menyatakan mengapa dalam urusan pendaftaran pelarian-pelarian dan pendatang-pendatang haram yang dijalankan baru-baru ini di Kota Kinabalu dan Sandakan, seorang jurugambar dari Kota Kinabalu Studio dibenarkan mengambil gambar foto pelarian-pelarian dan pendatang-pendatang haram dalam bangunan polis dan apakah "persiapan khas" pihak polis mempunyai dengan studio berkenaan dan mengapa studio-studio lain tidak dibenarkan menikmati kemudahan yang sama.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, urusan pendaftaran

pelarian dan pendatang haram di Sabah perlu dijalankan dalam kawasan polis kerana jaminan keselamatan. Bagi maksud tersebut hanya satu syarikat foto telah dipilih untuk mengambil gambar kerana syarikat tersebut telah dapat menyediakan contoh kad yang baik dari aspek keselamatan. Pemilihan terhadap syarikat berkenaan telah dibuat oleh satu jawatankuasa di Jabatan Polis.

SISWAZAH—SKIM KHIDMAT SEMENTARA

55. Tuan Abdul Rahman bin Bakar minta Perdana Menteri menyatakan apakah tindakan dan langkah jangka panjang Kerajaan dalam usaha memastikan para siswazah yang kini sedang berkhidmat di bawah "Skim Khidmat Sementara" (yang berjumlah kira-kira 4,000 orang) di Jabatan-jabatan Kerajaan Persekutuan dan Negeri bagi memastikan mereka akan memperoleh pekerjaan yang tetap serta sesuai dengan kebolehan dan kelayakan mereka.

Dato' Dr Mohamad Yusof bin Haji Mohamed Nor: Sungguhpun bukan tanggungjawab Kerajaan untuk memberi pekerjaan tetap bagi siswazah-siswazah yang sedang berkhidmat di bawah Skim Khidmat Sementara yang berkenaan, tetapi Kerajaan sedang memberi perhatian yang sewajarnya kepada mereka dan juga siswazah-siswazah lain yang tidak berpeluang menyertai skim yang berkenaan. Beberapa program yang bersesuaian sedang dirancang dan jika didapati sesuai ianya akan dilaksanakan. Program-program yang dirancang ini merupakan program-program latihan lanjutan atau latihan amal yang akan membantu memudahkan siswazah-siswazah itu mendapat pekerjaan ataupun berdikari menjalankan perusahaan sendiri.

LESEN MEMASANG WAYAR TELEFON

56. Dr Tan Seng Giaw minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan adakah peraturan-peraturan baru dibuat mengenai pengeluaran lesen kepada kontraktor-kontraktor yang memasang wayar telefon. Apakah peraturan-peraturan ini dan sejak bilakah ia mula berkuatkuasa. Apakah tujuan-tujuannya disebalik peraturan-peraturan yang baru ini.

Tuan Ong Tin Kim: Pada ketika ini tidak ada apa-apa perubahan atau peraturan-peraturan baru mengenai "Pengeluaran Lesen" kepada kontraktor-kontraktor yang memasang wayar telefon.

PENEROKA—MEMBAIKI TARAF HIDUP

57. Tuan Hashim bin Saffin minta Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah menyatakan apakah penyelarasan pernah dibuat oleh Kementerian dengan Kementerian lain seperti Kementerian Pertanian, Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, Kementerian Buruh dan lain-lain Kementerian yang difikirkan ada kaitan untuk para peneroka mendapat peluang-peluang membaiki diri sendiri di dalam menghadapi sumber pencarian keluarga mereka.

Dato' Dr Sulaiman bin Haji Daud: Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah sentiasa bekerjasama dengan agensi dibawah Kementerian Pertanian, misalnya MARDI dan juga Jabatan Haiwan bagi mengadakan peluang-peluang membaiki taraf hidup peneroka dengan cara mengadakan ternakan dan tanaman di rancangan-rancangan tanah.

Untuk pengetahuan Yang Berhormat ternakan biri-biri adalah dilaksanakan dengan mendapat nasihat daripada Jabatan Haiwan dan MARDI. Demikian juga bagi projek yang ada di Lembaga Kemajuan Wilayah misalnya penyediaan kilang cili puree di PERDA adalah hasil daripada perakuan yang dibuat oleh pihak MARDI.

PERMIT PENERBITAN SURATKHABAR

58. Dr Ting Chew Peh minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) sama ada beliau menggalakkan permohonan warganegara bukan Melayu untuk mendapatkan lesen penerbitan suratkhbar Bahasa Malaysia memandangkan ini salah satu cara berkesan untuk memperluaskan penggunaan Bahasa Malaysia; dan
- (b) sejak 1970, berapakah lesen percetakan dan penerbitan suratkhbar Bahasa Malaysia sudah dikeluarkan kepada rakyat bukan Melayu.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Permohonan untuk mendapatkan permit penerbitan bagi mengeluarkan suratkhbar dalam Bahasa Malaysia adalah terbuka kepada semua rakyat Malaysia dan pertimbangan atas permohonan permit itu tidak berasaskan kepada keturunan sipemohon.

KURIKULUM SEKOLAH AGAMA ISLAM/ SEKOLAH MENENGAH JENIS KEBANGSAAN

59. Tuan Law Lai Heng minta Menteri Pendidikan menyatakan perbezaan antara kurikulum Sekolah Agama Islam dan Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan.

Dr Leo Michael Toyad: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kurikulum bagi kedua-dua jenis sekolah adalah sama, cuma pelajar-pelajar di Sekolah Menengah Kebangsaan Agama mengambil mata pelajaran Pengetahuan Agama Islam Tinggi dan Bahasa Arab sebagai mata pelajaran tambahan.

PELAJAR SABAH DI BAWAH BIASISWA PERSEKUTUAN

60. Tuan Bernard Giluk Dompok minta Perdana Menteri menyatakan berapa ramai anak-anak Sabah yang telah dihantar oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) untuk melanjutkan pelajaran di seberang laut di bawah Skim Biasiswanya setiap tahun sejak Kemerdekaan dan berikan peratus jika dibandingkan dengan negeri-negeri lain.

Perdana Menteri: Bilangan pelajar dari Sabah yang telah ditaja oleh JPA untuk melanjutkan pelajaran di luar negeri di bawah rancangan biasiswa Persekutuan semenjak dari tahun 1980 hingga 1986 adalah seramai 82 orang. Pecahan bilangan pelajar itu mengikut tahun dan peratusan adalah seperti berikut:

Tahun	Bilangan Pelajar	Peratusan (%)
1980	6	0.8
1981	9	0.7
1982	17	1.1
1983	15	0.8
1984	17	0.8
1985	14	0.6
1986	4	0.2
Jumlah ..	82	5.0

INDUSTRI PERIKANAN

61. Dr Eng Seng Chai minta Menteri Pertanian menyatakan:

(a) apakah langkah-langkah atau cadangan-cadangan yang sudah

dan akan diambil untuk meluaskan dan menambahkan keluaran daripada perindustrian perikanan berbanding dengan keadaan-keadaan pada tahun 1985 dan 1986;

(b) Sedarkah Kementerian tindakan-tindakan oleh Polis Marine dan pegawai-pegawai Jabatan Perikanan tangkap-menangkap nelayan-nelayan tradisional di perairan berhampiran Pulau Ketam, Sabak Bernam, Sekinchan, Sungai Besar dan Pulau Pangkor pada bulan April dan Mei 1987 bukan sahaja menyulitkan mereka mencari rezeki harian tetapi juga membawakan kesan-kesan mengurangkan bekalan ikan menyebabkan kenaikan harga-harga ikan di pasaran;

(c) bukankah tindakan-tindakan tersebut bertentangan dengan usaha-usaha Kerajaan mendorong nelayan-nelayan kita menambahkan daya pengeluaran mereka untuk membantu negara mengurangkan import ikan negara kita yang sekarang bernilai \$300 juta setahun; dan

(d) adakah cadangan untuk melonggarkan syarat-syarat baru dalam Akta Perikanan 1985 membolehkan nelayan-nelayan tradisional mematuhi keperluan Akta itu.

Dato' Alexander Yu Lung Lee:

(a) Kerajaan telah menggubal beberapa rancangan untuk menambah keluaran daripada industri perikanan. Pertama ialah melindungi dan membaikpulih sumber di perairan laut pantai. Program yang terlibat ialah pembinaan tukun tiruan, penubuhan

Taman Laut dan Rezab Laut, Pengawasan Udara dan menghadkan kawasan 5 batu daripada pantai kepada nelayan tradisi. Kedua ialah membangun perikanan laut dalam yang masih mempunyai sumber yang dapat diterokai oleh pengusaha dari negara Malaysia. Bagi menjayakan teras ini Kerajaan akan mengeluarkan lesen bagi pengusaha menerokai laut Zon Ekonomi Eksklusif Malaysia dengan bot yang saiznya 70 GRT dan ke atas; di samping itu khidmat sokongan juga disediakan dalam bentuk penyelidikan, kajian dayamaju ekonomi, latihan, kredit dan perlindungan di laut. Ketiga ialah mempesatkan pembangunan ternakair di mana terdapat beberapa jenis ikan/udang seperti udang harimau, ikan siakap dan ikan kerapu yang mempunyai potensi pembangunan dan pasaran yang baik. Kerajaan telah mengenalpasti kawasan-kawasan berpotensi untuk dibangun bagi tujuan ternakair. Khidmat sokongan telah juga disediakan oleh Kerajaan iaitu khidmat pengembangan dan nasihat teknikal, bekalan benih dan kredit.

- (b) Memang benar beberapa tangkapan bot-bot nelayan tempatan telah ditangkap di dalam perairan Selangor dan Perak bagi tempoh bulan Mei dan Jun baru-baru ini, oleh pihak Jabatan Perikanan sendiri dan Polis Marin.

Di dalam tindakan menangkap bot-bot tersebut bukanlah menjadi niat Kerajaan untuk menimbulkan apa-apa kesulitan terhadap nelayan tersebut ataupun untuk

menyulitkan mereka mencari rezeki, tetapi adalah bertujuan bagi melindungi kepentingan sejumlah nelayan yang lebih ramai, khususnya nelayan-nelayan tradisional, daripada diancam oleh mereka-mereka yang mencero bohi Undang-undang Akta Perikanan 1985.

Untuk makluman, bot-bot yang telah ditangkap itu telah mencero bohi beberapa peruntukan di bawah Akta Perikanan 1985 seperti menangkap ikan di kawasan larangan serta mengusahakan Pukat Tunda secara haram. Selain daripada itu ada di antara bot-bot yang ditangkap itu telah mengepong dan mengancam bot-bot peronda Jabatan berhampiran Kuala Sekinchan Selangor.

Perbuatan mereka menghalang dan mengancam bot peronda Jabatan ini sememangnya adalah perbuatan salah dan perlu dipandang serius. Selain daripada itu pencabulan Undang-undang Akta Perikanan 1985 oleh bot-bot nelayan tempatan ini bukan sahaja telah merosakkan alat-alat menangkap ikan nelayan tradisional tetapi juga merosakkan sumber perikanan itu sendiri.

- (c) Tangkapan beberapa bot-bot tersebut telah dapat melindungi nelayan tradisional serta sumber perikanan itu sendiri dan bukannya mengurangkan bekalan ikan atau telah menyebabkan harga ikan melambung di pasaran. Tindakan tersebut bukanlah juga bertentangan usaha Kerajaan untuk mendorong nelayan kita untuk menambahkan pengeluaran mereka. Untuk membantu

negara mengurangkan import ikan. Kerajaan telah pun mengadakan perancangan untuk membolehkan para nelayan kita menangkap ikan di laut dalam. Berhubung Akta Perikanan 1985, Akta itu sememangnya adalah bagi melindungi kepentingan nelayan-nelayan tradisional daripada diancam oleh bot-bot besar seperti bot Pukat Tunda.

- (d) Peruntukan-peruntukan yang sedia ada di dalam Akta itu adalah cukup sekarang ini bagi maksud melindungi kepentingan nelayan-nelayan tradisional kita.

PENDATANG HARAM INDONESIA/FILIPINA YANG DITANGKAP

62. Tuan Lim Guan Eng minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) bilangan pendatang-pendatang haram Indonesia dan Filipina yang ditangkap pada tahun ini dan tempoh yang sama pada tahun 1986;
- (b) berapakah bilangan pegawai-pegawai dan kakitangan telah ditugaskan ke Pasukan Petugas Khas (PPK) VII atau apa-apa badan yang ditugaskan menangkap serta menghalau pendatang-pendatang haram itu;
- (c) sama ada PPK VII telah menetapkan suatu target bilangan pendatang-pendatang haram yang mesti ditangkap setiap bulan, umpamanya 10,000 sebulan agar dapat membanteraskan masalah pendatang-pendatang haram yang mengancam keselamatan dan keamanan masyarakat kita seperti yang berlaku di

Kampung Sengat dekat Kulai, Johor Bharu di mana kejadian rompakan, pembunuhan dan rogol bermaharajalela; dan

- (d) apakah kedudukan pengaduan saya bahawa terdapat suatu kumpulan pendatang-pendatang haram Indonesia yang besar di Ulu Keratong, Risd 2, Pahang dan kalau tidak ada sebarang tindakan diambil mengapa.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Jumlah pendatang tanpa izin Indonesia dan Filipina yang ditangkap dalam tahun ini dan tempoh yang sama tahun 1986 bagi seluruh negara adalah seperti berikut:

	<i>Rakyat Indonesia</i>	<i>Rakyat Filipina</i>
Schingga Jun 1986 ..	4489	521
Schingga Jun 1987 ..	5421	437

Pada masa ini tidak ada apa-apa badan atau pasukan petugas tertentu yang ditugaskan untuk menangkap pendatang tanpa izin di negara ini. Tugas ini merupakan tanggungjawab Jabatan Imigresen dan dibantu oleh pihak Polis Di Raja Malaysia.

Pasukan Petugas VII kini hanya terlibat untuk mengawal kemasukan pendatang haram Vietnam ke negara ini dan ianya tidak terlibat dalam usaha mencegah pendaratan atau mengusir pendatang haram yang ditangkap.

Jabatan Imigresen telah menyiasat dakwaan Yang Berhormat Ahli dari Kota Melaka dan didapati 6 orang rakyat Indonesia telah memasuki negara ini secara haram. Kesemua 6 orang pendatang tanpa izin Indonesia itu telah diusir dari Malaysia.

TASK FORCE VII DI SABAH

63. Tuan Gerard Math Lee Min minta Perdana Menteri untuk memberi penjelasan yang penuh:

- (a) mengapa Kerajaan Sabah telah menolak "Task Force VII"

untuk membuat operasinya di Sabah;

- (b) adakah ini disebabkan oleh Kerajaan Persekutuan tidak membenarkan Kerajaan Sabah hak berkata dalam perkara "Task Force".

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Oo Gin Sun): Soalan ini telah pun dijawab ketika saya menjawab soalan Yang Berhormat dari Sandakan pada 29-6-1987 kerana ianya mempunyai maksud yang sama. Oleh yang demikian, saya tidak bercadang untuk membuat apa-apa tambahan kepada jawapan tersebut.

BMF—JAWATANKUASA PENYIASAT

64. Tuan Lim Kit Siang minta Menteri Kewangan menyatakan sama ada Kerajaan akan bersetuju untuk menubuhkan sebuah Jawatankuasa Parlimen untuk menyiasat ke dalam tindakan-tindakan susulan yang diambil oleh Bank Bumiputra, Polis, Kamar Peguam Negara dan lain-lain badan Kerajaan atas perakuan-perakuan yang dibuat oleh Jawatankuasa Penyiasat BMF yang diketuai oleh Tan Sri Ahmad Noordin ke dalam skandal \$2.5 bilion BMF, atau apakah telah menjadi dasar Kerajaan untuk tidak bertindak ke atas perakuan-perakuan yang dibuat oleh Jawatankuasa Penyiasat BMF.

Tuan Loke Yuen Yow: Sebagaimana yang telah diterangkan beberapa kali di Dewan ini pada masa yang lepas, Kerajaan tidak akan teragak-agak untuk mengambil tindakan yang sewajar ke atas mereka yang terlibat dalam kes BMF sebagaimana yang diperakukan oleh Jawatankuasa Penyiasat BMF. Akan tetapi perlu diingat sebarang tindakan yang

diambil adalah bergantung kepada bukti-bukti yang kukuh, lengkap dan cukup serta mengikut lunas-lunas undang-undang. Setakat ini Bank Bumiputra Malaysia Berhad (BBMB) telah mengambil beberapa tindakan mahkamah ke atas mereka yang terlibat dalam kes BMF baik di Malaysia maupun di Hong Kong. Pihak-pihak lain yang berkaitan, iaitu Jabatan Peguam Negara dan Jabatan Polis telah mengambil langkah-langkah yang sesuai ke atas perakuan-perakuan yang dibuat oleh Jawatankuasa Penyiasat BMF tersebut.

Penghadapan mereka yang terlibat termasuk Lorrain Osman dan Hashim Shamsuddin di mahkamah-mahkamah London dan Hong Kong sebahagiannya adalah berikutan dari perakuan Jawatankuasa Penyiasat Ahmad Nordin. Tindakan ke atas mereka masih diteruskan di mana pada masa ini, Lorrain Osman sedang menunggu perbicaraan di Mahkamah Tinggi London berikutan dari rayuannya ke atas keputusan mahkamah majistret London yang mendapati beliau bersalah dalam ekstradisi ke Hong Kong. Sementara Hashim Shamsuddin pula telah menyatakan bahawa beliau tidak akan menghalang apa-apa tindakan mahkamah yang diambil oleh BBMB ke atasnya. Ekoran daripada ini, BBMB telah memperolehi satu keputusan mahkamah Hong Kong pada 23hb April 1987 yang memerintahkan supaya Hashim Shamsuddin memulangkan kembali kepada BBMB wang berjumlah \$1.2 bilion. Selanjutnya, BBMB telah memperolehi satu lagi perintah mahkamah pada 3hb Jun 1987 iaitu membekukan akaun Hashim Shamsuddin di beberapa buah bank di Hong Kong dan tindakan mula diambil oleh BBMB untuk mendapatkan wang tersebut.

Oleh itu tidak perlu ditubuhkan sebuah Jawatankuasa Parlimen

sebagaimana yang dicadangkan oleh Ahli Yang Berhormat untuk menyiasat ke dalam tindakan-tindakan susulan atas perakuan-perakuan Jawatankuasa Penyiasat BMF.

(Soalan No. 65. Sila lihat jawapan No. 21)

KEMATIAN NG TIN CHOON

66. Tuan Chiang Heng Kai minta Menteri Kesihatan menyatakan hasil penyisatan kes kematian Ng Tin Choon yang telah dibangkit dalam Dewan ini semasa mesyuarat tahun lalu.

Dato' K. Pathmanaban: Pesakit Ng Tin Choon telah dimasukkan ke Wad Sakit Jiwa, Hospital Besar Pulau Pinang pada 30hb Julai 1986 apabila dibawa ke situ oleh pihak Polis Nibong Tebal. Sebelum ini beliau pernah dimasukkan ke Wad Sakit Jiwa itu sebanyak 5 kali. Mengikut jadual hospital itu, ia sepatutnya dihantar ke Hospital Bahagia, Ulu Kinta, Perak dan 4hb Ogos 1986. Tetapi, malangnya pemergiannya itu telah ditangguhkan oleh kerana bilangan pesakit yang hendak dihantar adalah ramai dan ia tidak boleh dibawa dalam perjalanan untuk hari itu.

Nampaknya, selepas itu pesakit ini telah meninggalkan hospital itu tanpa kesedaran dan pengetahuan pihak hospital itu.

Mayat pesakit ini telah dijumpai di luar kawasan Wad Sakit Jiwa pada 10hb Ogos 1986 dan laporan "post mortem" mendapati sebab kematiannya adalah "Sudden Cardiorespiratory Arrest". Saya ingin menegaskan bahawa Kementerian Kesihatan adalah sentiasa mengawasi keselamatan orang ramai dan pesakit yang berada di hospital. Beberapa langkah telah pun diambil untuk mengetatkan lagi kawalan keselamatan di hospital, termasuk

kawalan ke atas pesakit-pesakit jiwa di wad-wad yang berkenaan.

PENGERUSI BADAN-BADAN BERKANUN—LANTIKAN

67. Tuan Haji Abdullah bin Haji Arshad minta Perdana Menteri menyatakan supaya Ahli-ahli Parlimen tidak dilantik menjadi Pengerusi Badan-badan Berkanun atau mana-mana jawatan bergaji tetap bagi membolehkan jawatan-jawatan itu disandang oleh Pegawai-pegawai Kanan Kerajaan. Bila Pegawai Kerajaan diberi peluang menjadi Pengerusi, ini bererti ada jawatan yang dikosongkan, lalu ia memberi peluang pula kepada sebahagian dari siswazah yang mengganggu untuk mendapatkan pekerjaan. Bersetujukah Menteri berkenaan bahawa langkah memberikan jawatan kepada Ahli-ahli Parlimen itu memberi peluang kepada mereka mendapat gaji berlebihan sedangkan bilangan pengangguran bertambah. Tidakkah ia bercanggah dengan Dasar Ekonomi Baru yang hendak mewujudkan masyarakat adil.

Dato' Dr Mohamad Yusof bin Haji Mohamed Nor: Individu yang dilantik oleh Kerajaan untuk menjadi Pengerusi sesebuah Badan Berkanun/ Syarikat Kerajaan sama ada dari kalangan politik ataupun pegawai Kerajaan terdiri dari mereka yang mempunyai pengalaman yang luas dan sesuai, sifat kepimpinan yang baik dan berkewibawaan untuk memandu Badan tersebut supaya terus maju, cekap dan berkesan. Kelayakan yang sama juga diperlukan bagi jawatan-jawatan tinggi lain yang bergaji tetap. Adalah wajar bagi pemilihan yang demikian dibuat seluas-luasnya, bukan terhad kepada pegawai-pegawai Kerajaan sahaja tetapi sesiapa sahaja yang berkemampuan termasuk Ahli-ahli Parlimen. Adalah tidak benar mereka ini dipilih untuk memberi peluang mendapat gaji berlebihan

tetapi yang lebih penting ialah sumbangan yang dapat diberi oleh seseorang itu kepada pengurusan Badan Berkanun.

Mengenai cadangan Yang Berhormat bahawa perlantikan pegawai-pegawai Kerajaan untuk mengganti Pengerusi Badan Berkanun/jawatan tetap yang terdiri dari ahli politik untuk memberi peluang kepada sebilangan dari siswazah yang menganggur untuk mendapatkan pekerjaan, ingin saya jelaskan bahawa jumlah jawatan-jawatan tersebut sangat kecil dan saya berpendapat cara ini tidaklah begitu "significant" dalam membantu siswazah yang menganggur.

Dalam hal ini, harus Yang Berhormat maklum, bahawa Kerajaan sedang menganjurkan beberapa program untuk siswazah yang menganggur seperti latihan dalam bidang-bidang tertentu melalui anjuran kursus dan penempatan sementara di Jabatan-jabatan Kerajaan, memberi peluang/inisiatif untuk bertani dan mengusahakan perniagaan-perniagaan kecil dengan tujuan untuk mewujudkan mereka yang dapat berdikari, berinisiatif dan produktif demi kepentingan pembangunan negara yang progresif.

KAWASAN SEMPADAN MALAYSIA/THAILAND

68. Tuan P. Patto minta Menteri Pertahanan menyatakan apa langkah telah diambil oleh Kerajaan untuk memastikan bahawa tiada seinci bumi Malaysia pun diduduki mana-mana negara asing, termasuk Negeri Thai oleh kerana terdapat laporan-laporan yang menyatakan bahawa sebidang tanah kepunyaan Malaysia berhampiran dengan Kroh di Perak telah dicerobohi dan diduduki oleh Polis Peronda Sempadan Thai (Thai Border Patrol Polis) selama tiga tahun.

Menteri Pertahanan (Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-haj): Kerajaan mempunyai langkah-langkah tertentu untuk memastikan bumi Malaysia tidak diduduki oleh mana-mana negara asing kecuali dengan persetujuan kita. Langkah ini adalah di antara yang terdapat dalam rancangan pertahanan yang sedia ada.

Terdapat beberapa kawasan di sempadan Malaysia/Thailand yang tidak begitu jelas kedudukannya dan ini mungkin berlakunya pendudukan yang diragukan oleh negara Malaysia dan juga negara Thailand.

Bagi mengatasi masalah ini kita sedang berusaha untuk menandakan sempadan negara kita yang kurang jelas dengan negara jiran. Dengan langkah ini masalah persempadanan akan dapat diselesaikan dengan cara yang baik.

Dalam soal penentuan sempadan ini kita tidak mahu adanya perselisihan faham yang boleh menimbulkan sengketa di antara negara kita dengan negara jiran. Kita mempunyai peraturan tertentu untuk mencari penyelesaian dalam perkara ini melalui rundingan dalam konteks perjanjian bilateral yang tersedia ada.

PEJABAT POS TAWAU

69. Tuan Samson Chin Chee Tsu minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan sama ada wang yang cukup telah diperuntukkan bagi membesarkan Pejabat Pos atau membina satu Pejabat Pos yang baru di Tawau supaya layanan yang cekap dapat diberi kepada orang ramai di Tawau.

Tuan Ong Tin Kim: Kementerian saya memang ada rancangan untuk menggantikan bangunan Pejabat Pos Tawau dengan bangunan baru dan peruntukan sebanyak \$1.6 juta telah disediakan. Satu tapak seluas 0.92 ekar telah diperolehi manakala kerja-kerja menyediakan pelan bangunan

dan lain-lain sedang dijalankan oleh Jabatan Kerja Raya (JKR). Projek ini dijangka dapat dilaksanakan dalam bulan November tahun 1987.

PENDATANG HARAM BEKERJA DI MALAYSIA

70. Tuan Hsing Yin Shean minta Menteri Dalam Negeri menyatakan apakah rancangan-rancangan yang diambil oleh Kerajaan untuk menghentikan dan mengawal pendatang-pendatang haram yang bekerja di Malaysia, memandangkan Kerajaan Indonesia telah bersedia untuk mengambil tindakan ke atas 6,000 hingga 7,000 orang rakyat Indonesia yang memasuki Sabah dan Sarawak secara haram setiap bulan.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Kementerian Dalam Negeri sedang memesatkan rondaan di kawasan perairan dan sempadan daratan Malaysia untuk mencegah kemasukan pendatang tanpa izin Indonesia ke negara ini. Selain dari itu, pemeriksaan mengejut sentiasa dijalankan oleh Jabatan Imigresen dengan dibantu oleh Polis Di Raja Malaysia bagi mengesan, menangkap dan mengusir pendatang-pendatang haram yang berada di Malaysia.

SYARIKAT PENGEMBARAAN— PERATUSAN BUMIPUTERA

71. Tuan Hsing Yin Shean minta Menteri Kewangan menyatakan sama ada benar bahawa semua syarikat agen pengembaraan yang ingin mendaftar dengan Pejabat Kewangan Persekutuan Sabah mesti memenuhi syarat-syarat berikut: Ekuiti/Pekerja; Ahli Lembaga Pengarah; Pengurusan; Kakitangan/Pekerja; dan Kuasa Tandatangan Cek. (Semua mesti ada sekurang-kurangnya 80% Bumiputera). Mengapa sedemikian. Adakah syarat-syarat (80% Bumiputera) itu dapat diturunkan. Jika tidak mengapa.

Tuan Loke Yuen Yow: Kenyataan Yang Berhormat tersebut adalah benar. Peratusan seperti Yang Berhormat sebutkan itu adalah bertujuan untuk memastikan bahawa bumiputera memainkan peranan yang aktif di dalam bidang agen pengembaraan selaras dengan Dasar Ekonomi Baru.

Syarat 80% sebenarnya adalah merupakan peratusan yang telah pun dilonggarkan bagi Sabah dan Sarawak berbanding dengan syarat asal di peringkat 100%. Dengan itu syarat berkenaan tidak dapat diturunkan lagi.

BERAS IMPORT DI SABAH

72. Tuan Fung Ket Wing minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan mengapakah beras import di Sabah berkualiti rendah tetapi harganya adalah sama dengan harganya di Semenanjung Malaysia, apakah syarat-syarat yang dikenakan sebelum suatu lesen penjualan beras runcit dikeluarkan dan jumlah lesen sedemikian yang telah dikeluarkan di Sabah, jumlah permohonan yang ditolak dan sebab-sebab ia ditolak.

Menteri Perusahaan Awam (Puan Napsiah binti Omar): Beras import yang terdapat di Sabah adalah sama mutunya dengan beras import yang dipasarkan di negeri-negeri lain di Malaysia. LPN sentiasa membuat pemeriksaan ke atas mutu beras yang diimport yang tiba di pelabuhan bagi memastikan supaya beras tersebut menepati mutu yang dikehendaki.

Harga beras yang dijual kepada pengguna-pengguna adalah merupakan harga kawalan yang ditetapkan di bawah Perintah Beras (Kawalan Harga) 1974 mengikut zon-zon tertentu. Sabah telah diletakkan di

dalam zon C di mana harga beras yang dijual di negeri tersebut sama dengan Selangor dan Wilayah Persekutuan. Harga-harga beras bagi gred-gred utama A1, A2, dan B1 dan B2 bagi satu kilo yang dijual di zon tersebut masing-masing ialah \$1.07, \$0.99, \$0.91 dan \$0.78. Jika ada peruncit-peruncit yang menjual beras melebihi harga kawalan, mereka boleh didakwa di bawah Akta LPN.

Syarat-syarat yang dikenakan sebelum sesuatu lesen beras runcit dikeluarkan ialah pemohon mestilah terdiri dari warganegara Malaysia dan berumur 21 tahun ke atas, mempunyai ruang perniagaan dan berdaftar sebagai peruncit di Pejabat Pendaftaran Perniagaan.

Jumlah lesen yang telah dikeluarkan di Sabah sehingga bulan Mei 1987 ialah sebanyak 3,370. Berbanding dengan jumlah pengeluaran lesen, bilangan lesen yang ditolak adalah sangat minima. Dalam tahun 1986 umpamanya dari sejumlah 466 permohonan yang diterima hanya 4 lesen sahaja yang ditolak, antara sebab-sebab penolakan ialah pemohon bukan Warganegara Malaysia dan tidak mempunyai premis perniagaan yang tetap.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN TAMBAHAN (1986 DAN 1987)

Bacaan Kali Yang Kedua

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas

masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang." (3hb Jun, 1987).

DAN

USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN (TAMBAHAN) (BIL. 3) 1986

DAN

ANGGARAN PEMBANGUNAN (TAMBAHAN) (BIL. 1) 1987

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah:

Bahawa Usul yang berikut ini dirujuk kepada Jawatankuasa sebuah-sebuah Majlis.

Bahawa Dewan ini, mengikut Seksyen 4 (3) Akta Kumpulan wang Pembangunan 1966, membuat ketetapan bahawa jumlah wang tambahan sebanyak \$206,892,290 diperuntukkan daripada Kumpulan wang Pembangunan:

- (1) bagi tahun kewangan 1986, untuk menampung sejumlah \$2,200,000 bagi Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) seperti yang dinyatakan dalam ruang pertama dan kedua penyata Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Ketiga 1986 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 19 tahun 1987 dan yang disenaraikan di sebelah Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) dalam ruang kesepuluh dan kesebelas penyata tersebut; dan
- (2) bagi tahun kewangan 1987, untuk menampung sejumlah \$204,692,290 Maksud-maksud

dan Butiran-butiran (Projek-projek) seperti yang dinyatakan dalam ruang pertama dan kedua penyata Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Pertama 1987 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 20 Tahun 1987 dan yang disenaraikan di sebelah Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) dalam ruang kesebelas dan kedua belas penyata tersebut. (3hb Jun, 1987)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Ahli-ahli Yang Berhormat, mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 67 (5), saya akan mengemukakan masalah di hadapan Majlis ini untuk diputuskan pada pukul 4.45 petang ini. Oleh itu, saya akan meminta Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan menjawab pada pukul 4.15 petang selama setengah jam. Mulai sekarang saya akan menghadkan setiap orang Ahli Yang Berhormat berucap dalam perbahasan dasar ini selama tidak lebih daripada 10 minit. Ini bermakna selama 40 minit dari sekarang hingga 4.15 petang dan seramai 4 orang Ahli dapat berucap.

Sekarang saya jemput Yang Berhormat dari Pasir Mas menyambung ucapan.

3.38 ptg.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali (Pasir Mas): Tuan Yang di-Pertua, bagi menyambung ucapan saya mengenai dengan Rang Undang-undang bagi suatu Akta Kumpulanwang Yang Disatukan untuk perbelanjaan bagi tahun 1986 dan 1987, saya ingin terlebih dahulu menjawab pertanyaan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Sungai Besi tempoh hari.

Secara ringkas, Tuan Yang di-Pertua, jawapan saya kepada pertanyaan ialah semenangnya Bank

Bumiputera, Bank UAB, Sabah Bank, Perwira Habib Bank ataupun apa-apa bank lagi sememangnya ianya berbeza dengan masalah koperasi. Perkataan bank dan koperasi pun sudah berbeza.

Sebab itu, Tuan Yang di-Pertua, kalau kita lihat dari segi masalah isu KPD yang dibangkitkan oleh pihak Pembangkang, saya ingin menegaskan di sini bahawa kita mengalu-alukan sebarang langkah yang akan diambil oleh pihak Kerajaan, malah menggesa pihak Kerajaan untuk mencari jalan bagi menyelamatkan koperasi terutamanya menolong pihak-pihak pendeposit di dalam KPD supaya pada satu hari nanti mereka akan mendapat balik segala deposit yang dipertaruhkan dalam koperasi-koperasi yang berkenaan. Tetapi adalah tidak adil bagi Kerajaan menggunakan wang Kerajaan bagi membayar kepada sebahagian daripada pendeposit bagi menyelesaikan isu KPD ini. Oleh kerana ini adalah tindakan pihak pendeposit sendiri dari segi tanggungjawab menyimpan wang di KPD-KPD tersebut.

Hakikat ini perlu ditegaskan sebab seperti mana yang saya sebutkan dalam ucapan awal saya, Tuan Yang di-Pertua, masih ramai lagi rakyat ataupun golongan-golongan yang tidak beruntung, yang tidak bernasib baik yang memerlukan pembelaan yang sama seperti yang dihadapi oleh pihak pendeposit dalam KPD itu. Maka sebab itulah, Tuan Yang di-Pertua, sebarang penyelesaian ialah untuk mencari jalan bagaimana perkara ini boleh diselesaikan terutamanya dari segi jangka panjang pelaburan yang mungkin boleh membantu pihak penyimpan dalam KPD ini mendapat balik bayaran yang sepatutnya.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara lagi saya ingin menyentuh ialah, sekarang ini ada rungutan golongan-golongan tertentu seolah-olah

kononnya menyatakan di zaman-zaman akhir ini ada dasar-dasar dibuat tanpa consultation dengan golongan-golongan lain. Maksudnya seolah-olahnya ada keputusan dibuat iaitu sesuatu dasar diputus dengan membelakangkan pandangan masyarakat ataupun kaum-kaum lain.

Di sini saya ingin menegaskan, Tuan Yang di-Pertua, mengikut pada pandangan saya apa yang kita telah hayati selama ini kita sedar tidak ada dasar yang telah diputus tanpa merujuk, merunding dengan seluruh masyarakat dan kaum di negara kita, lebih-lebih lagi kepada asas yang telah dipersetujui di waktu kita mencapai kemerdekaan tahun 1957 dahulu. Tetapi, Tuan Yang di-Pertua, suka juga saya mengingatkan, mengikut pada hemat saya, dalam tolak ansur seperti ini, tidaklah salah pada pandangan saya dan amat tepat sekali pada fikiran saya, saranan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri bahawa pembahagian ekonomi negara haruslah diasaskan kepada 50:50.

Penggubalan Dasar Ekonomi Baru yang diatur di atas asas 30% ialah sebagai satu langkah permulaan dan bukanlah satu pembahagian mutlak kepada orang-orang Melayu di negara ini yang masih miskin dan daif.

Tuan Yang di-Pertua, hakikat ini bukan juga bererti kita membelakangkan pandangan-pandangan masyarakat lain tetapi kita menerima hakikat sejarah bahawasanya negara ini adalah negara ketuanan Melayu dan orang-orang Melayu masih hidup miskin dan kebanyakan orang-orang Melayu boleh dikatakan masih lagi kais pagi makan pagi, walaupun setelah kita berjaya membawa pembangunan di luar bandar melalui berbagai infrastruktur pembangunan, Tuan Yang di-Pertua.

Tetapi walaupun begitu, satu dasar yang tegas patut kita hadapi sesuai dengan tamatnya DEB 1990.

Sememangnya satu dasar baru, sama ada baru ataupun tidak, satu hakikat yang perlu dipertegaskan ialah orang-orang Melayu yang menjadi ketuanan politik negara ini sudah sampai masanya memiliki saham ataupun satu hak yang menasabah yang boleh mencerminkan kedudukan orang-orang Melayu yang memerlukan kepada pembelaan yang sewajarnya.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara lagi ialah mengenai dengan dasar penerapan nilai-nilai Islam yang juga di bawah peruntukan ini ada dikehendaki bagi kegiatan-kegiatan agama. Saya ingin menarik perhatian amat perlu sekali bagi pihak Kerajaan menerangkan dengan jelas dua konsep yang saya anggap berbeza iaitu dasar penerapan nilai-nilai Islam dan proses Islamisasi di negara kita. Sememangnya sekarang ini Kerajaan kita menganjurkan satu dasar iaitu dasar penerapan nilai-nilai Islam yang sudah pun berjalan dengan begitu lancar dan berkesan, yang kita kira satu hari nanti boleh menuju ke arah cita-cita yang lebih besar yang kita idamkan bersama.

Walaupun begitu terdapat perbezaan di luar di antara sarjana-sarjana ataupun ahli-ahli fikir bahawa dasar penerapan nilai-nilai Islam dan proses Islamisasi di negara kita ini adalah dua perkara yang berbeza yang memerlukan penjelasan yang sewajarnya kerana ini ada hubungan kaitnya dengan perdebatan-perdebatan oleh setengah-setengah parti politik yang mana memandang remeh kepada dasar penerapan nilai-nilai Islam, kerana bagi mereka pandangan mereka yang penting, yang perlu diperjuangkan adalah proses Islamisasi di negara kita.

Walaupun begitu, Tuan Yang di-Pertua, kita percaya di antara pendapat-pendapat sarjana Islam seperti Hassan Al-Banna ataupun oleh salah seorang tokoh Islam

Allahyarham Abul 'Ala Maududi, pernah mengatakan bahawasanya tidak akan wujud sesebuah negara Islam kalau masyarakat itu tidak diIslamkan terlebih dahulu. Sebab itulah Tuan Yang di-Pertua, dalam soal-soal ke arah cita-cita menegakkan Islam, maka dasar penerapan nilai-nilai Islam ini adalah satu dasar yang kita rasa satu haluan yang betul yang telah pun dianjurkan oleh Kerajaan kita.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai dengan perkara Maksud B.27 Kementerian Luar Negeri, saya ingin menyentuh sedikit. Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana masa tidak panjang lagi.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Ahli Yang Berhormat, satu minit lagi.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Iaitu mengenai dengan sokongan kita kepada perjuangan Palestine, kepada perjuangan Mujahidin Afghanistan, kepada golongan minoriti Islam di mana-mana sahaja di dunia ini. Kita kira setakat ini ianya amat wajar dan mendapat pujian daripada banyak negara. Tetapi sehubungan dengan itu, saya ingin menyatakan di sini, Tuan Yang di-Pertua, untuk mengucapkan tahniah kepada empat orang rakyat Malaysia yang akan bertolak ke Kem Palestine pada 8hb Julai ini, hari Rabu iaitu rombongan:

- (i) Tengku Mustafa bin Tengku Mansor dari Negeri Sembilan;
- (ii) Hajah Rosnah Nayan dari Bukit Mertajam;
- (iii) Martina Bee Ghulam Maidin daripada Perak;
- (iv) Doly Fah Shoot Fong daripada Sarawak;

untuk menyertai satu rombongan Malaysian Medical Volunteers to the Palestinian Camp, dengan izin, di Lebanon. Rombongan ini telah dianjurkan oleh seorang yang bernama

Elijah Gordon dan saya membaca dalam akhbar baru-baru ini dan pada 15 Ogos, satu rombongan lagi akan bertolak ke Kem Palestine. Saya percaya sumbangan pihak sukarela ini adalah satu sumbangan yang besar dalam kita memberi sokongan kepada rakyat Palestine terutamanya yang menderita yang memerlukan kepada pembelaan yang sewajarnya.

Oleh itu, saya mengucapkan tahniah juga kepada penderma-penderma dan kita tahu mereka ini masih lagi memerlukan derma untuk menjayakan program ini dan saya menyeru sama ada pihak Kerajaan ataupun pihak swasta memberikan sokongan yang sepenuhnya kepada program yang dinamakan Malaysian Medical Volunteers to the Palestinian Camp. Tuan Yang di-Pertua.

Tuan R. Karpal Singh: (Bangun)

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Belum habis lagi, duduklah dahulu.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Ahli Yang Berhormat, dia belum duduk lagi.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Nanti, dia tak mahu duduk. Sibuk betul DAP, saya rasa kalau dia tak dapat bercakap satu hari demam, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Ahli Yang Berhormat, sila habiskan.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa masapun sudah cukup, saya kasihan pada Yang Berhormat dari Kepong, saya takut sakit jantung nanti. Jadi saya menyokong Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1986 dan 1987) ini.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Ahli Yang Berhormat dari Kota Setar.

3.51 ptg.

Dr Abdul Hadi bin Derani (Kota Setar): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk turut membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1986 dan 1987), khususnya Jadual Pertama, Maksud B. 27, di bawah tajuk Kementerian Luar Negeri dengan peruntukkan sebanyak \$2 juta.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Rang Undang-undang ini sepenuhnya, saya juga menyokong usaha-usaha Kerajaan dan Kementerian Luar Negeri yang sentiasa berusaha meninggikan imej perwakilan dan Kedutaan Malaysia di seberang laut; ini termasuklah mempertingkatkan chancellery-chancellery kita yang melambangkan kedutaan negara di luar negeri. Namun begitu, saya juga ingin menarik perhatian Kerajaan dan Kementerian Luar Negeri tentang keutamaan, kepentingan Malaysia dalam perhubungan antarabangsa. Dalam hal ini saya tidak menolak hakikat betapa pentingnya urusan politik di dalam hubungan diplomatik di antara Malaysia dengan negara-negara lain, malahan urusan politik adalah menjadi asas dalam perhubungan antarabangsa, tetapi seperti yang kita semua sedia maklum Malaysia bukanlah sebuah kuasa besar yang mesti mengutamakan soal-soal politik antarabangsa. Yang harus diberi perhatian ialah kepentingan ekonomi negara, khususnya perhubungan perdagangan Malaysia dengan negara-negara luar. Dalam hal ini saya ingin bertanya apakah yang telah terjadi kepada usaha-usaha Kementerian Luar Negeri untuk mempereratkan hubungan ekonomi dan dagangan Malaysia dengan negara-negara seperti di dalam ASEAN, E.E.C., O.I.C. dan sebagainya. Adakah perwakilan-perwakilan Malaysia di seberang laut sedang mempertingkatkan prestasi mereka supaya hubungan perdagangan negara ini menjadi lebih kukuh daripada tahun-tahun yang lalu.

Saya juga ingin tahu, apakah perkembangan selanjutnya ekoran daripada penubuhan Jawatankuasa Penyelaras mengenai ekonomi Malaysia yang dikatakan telah wujud di perwakilan-perwakilan kita di seberang laut, adakah Jawatankuasa ini telah berjalan dengan berkesan seperti yang dicadangkan? Apakah peranan wakil-wakil dari Kementerian Perdagangan dan Perindustrian atau sebagainya di dalam Jawatankuasa Penyelaras ini di seberang laut? Adakah mereka memainkan peranan yang sewajarnya untuk menarik minat pelabur asing terhadap Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menarik perhatian pihak Kerajaan terhadap tugas-tugas wakil-wakil diplomatik Malaysia di seberang laut. Mengikut apa yang saya fahamkan ialah wakil-wakil diplomatik Malaysia di seberang laut terlalu dibebankan dengan tugas-tugas protokol seperti menyambut orang-orang kenamaan ataupun pegawai-pegawai tinggi Kerajaan dari Malaysia yang melawat secara rasmi atau tidak rasmi ke luar negeri. Tugas-tugas protokol ini memang menjadi sebahagian daripada urusan wakil-wakil diplomatik kita di seberang laut, lebih-lebih lagi apabila delegasi rasmi dijemput untuk menghadiri mesyuarat atau seminar antarabangsa di negara yang berkenaan. Di dalam keadaan demikian wakil-wakil kita di seberang laut akan bertanggungjawab untuk menguruskan penglibatan delegasi berkenaan dalam mesyuarat atau seminar yang berkenaan dari awal hingga akhir, tetapi kadangkala terdapat juga urusan-urusan protokol yang membazirkan perbelanjaan kedutaan Malaysia di seberang laut. Umpamanya, baru-baru ini satu rombongan yang terdiri dari pegawai-pegawai tinggi Tentera Udara Di-Raja Malaysia yang diketuai sendiri oleh Panglima T.U.D.M telah mengadakan satu penjelajahan dengan motosikal ke seluruh Pulau Jawa, Indonesia. Saya

tidak tahu apakah kepentingan negara ini atau T.U.D.M. untuk rombongan tersebut menjelajahi Pulau Jawa dengan motosikal.

Saya juga tidak dapat memahami kenapa pegawai-pegawai tinggi Angkatan Tentera Udara kita lebih menumpukan perhatian mereka kepada aktiviti-aktiviti rekreasi, yang ditunjukkan pula kepada penduduk-penduduk negara jiran seperti Indonesia daripada menumpu lebih banyak masa dan tenaga mereka terhadap soal-soal pertahanan udara, yang seharusnya lebih penting daripada menunggang motosikal. Yang ketara dalam hal ini ialah bukan sahaja rombongan T.U.D.M. membuang masa dan tenaga dengan menunggang motosikal di Pulau Jawa, tetapi juga wakil-wakil diplomatik kita di Jakarta terpaksa membuang masa dan tenaga bagi mengurus hal-hal rekreasi segolongan pegawai-pegawai tinggi T.U.D.M. Keadaan seperti ini bukan sahaja membazirkan tenaga dan kewangan pihak Kerajaan, tetapi juga boleh menurunkan imej negara kita di kacamata negara jiran. Mungkin negara jiran kita hairan kenapa Panglima Tentera Udara Di-Raja Malaysia lebih minat berekreasi daripada menumpukan perhatiannya terhadap hal-hal pertahanan negara.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam memberi sokongan terhadap Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1986 dan 1987) ini, saya ingin menekankan supaya pihak Kerajaan jangan membazir perbelanjaan. Wang yang diperuntukan dalam perbelanjaan negara setiap tahun serta perbekalan tambahan seharusnya digunakan dengan berkesan. Duta-duta Besar serta pegawai-pegawai diplomatik Malaysia di seberang laut tidak sewajarnya di suruh atau dibenarkan menemani orang-orang kenamaan bercuti ke luar negeri. Tugas mereka diperlukan dalam bidang-bidang yang

harus diberi keutamaan, kegiatan seperti mendapat sokongan antarabangsa atas perlantikan Perdana Menteri Malaysia Dato' Seri Dr Mahathir sebagai Presiden Persidangan Antarabangsa mengenai penyalahgunaan dadah sebenarnya adalah satu langkah yang positif untuk mempertingkatkan imej negara ini. Kegiatan seperti ini harus diberi pujian dan peruntukan sewajarnya. Sebaliknya, perbelanjaan yang membazirkan hendaklah dikawal, lebih-lebih lagi di dalam keadaan ekonomi meleset seperti sekarang. Saya berharap pihak Kementerian Kewangan mengambil berat atas perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Rang Undang-undang ini bagi diluluskan.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat dari Jelutong.

3.58 ptg.

Tuan R. Karpal Singh (Jelutong): Tuan Speaker, saya bangun untuk mengambil bahagian di dalam perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1986 dan 1987).

Tuan Speaker, tidak boleh dinafikan kami menghadapi kemerosotan ekonomi, walaupun mendapat jaminan daripada pihak Kerajaan yang ekonomi kian bertambah baik, adalah tidak sebaik mana seperti yang dikatakan.

Kami patutlah bersikap realistik, kami mesti mendapat semula kepercayaan seluruh dunia, hanya kemudian projek-projek melabur yang diterima oleh M.I.D.F akan bertambah.

Baru-baru ini Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah diberi penghormatan dilantik tanpa berlawan di Vienna apabila satu

mesyuarat antarabangsa mengenai dadah diadakan.

Tuan Speaker, Perdana Menteri patutlah tidak membuat kenyataan yang tidak bijak, yang melewati batas dan mencela tentang negara-negara lain. Saya tidak berkata yang kami patut membangkang kemuliaan kita untuk mendapatkan pelaburan asing yang sangat-sangat diperlukan sekarang, tetapi tidaklah berfaedah untuk membangkitkan kemarahan sesiapa. Perdana Menteri patutlah bersikap diplomatik. Pada pandangan saya, Tuan Speaker, kemerosotan ekonomi sekarang adalah juga disebabkan oleh ucapan-ucapan sendirian Perdana Menteri kita mengenai negara-negara lain pada masa lalu. Saya mendapati yang Perdana Menteri kini berdiam diri semenjak balik dari Vienna, mungkin ini adalah satu cara untuk tidak membangkitkan kemarahan negara-negara lain. Ekonomi negara-negara jiran kian bertambah baik. Kita patut memberi satu gambaran sikap toleransi dan mustahaknya keadilan dan saksama, Tuan Speaker.

Perdana Menteri disambut pulang sebagai wira apabila beliau pulang dari Vienna. Saya mengakui yang masalah dadah di negara ini adalah serius. Walau bagaimanapun, adakah perlu menggantungkan seorang nenek berumur 69 tahun, seorang mangsa, bernama Tan Mer untuk kesalahan pengedaran dadah pada hari Jumaat. Mahkamah Agung apabila membuang rayuannya terhadap hukuman mati telah menyatakan perasaan simpati terhadapnya. Tentulah umur Tan Mer yang sudah melanjut patut menjadi suatu faktor yang boleh mencondongkan keputusan ke pihaknya.

Pada tahun 1977, seorang budak lelaki berumur 14 tahun, Tuan Speaker, dijatuhkan hukuman mati untuk kesalahan senjatapi. Reaksi

seluruh dunia telah menjejaskan pandangan dunia terhadap kami. Budak tersebut pada akhirnya telah diselamatkan dari tali gantung dengan campurtangan oleh Yang di-Pertuan Agong. Tetapi tidak boleh dinafikan bahawa imej kita telah jatuh di peringkat antarabangsa.

Tuan Speaker, saya tidak faham bagaimana Lembaga Rayuan mengizinkan hukuman Tan Mer dijalankan. Beberapa tahun lalu, Mahkamah Persekutuan telah menggantikan hukuman mati dengan hukuman penjara seumur hidup (apabila hukuman mati, bukan mandatory dalam kes-kes dadah) dalam kes seorang perempuan Perancis, Beatrice Saubin yang kini hidup dan menjalankan hukuman penjara di Penjara Kajang. Beliau berumur 23 tahun apabila beliau dijatuhkan hukuman mati oleh Mahkamah Tinggi Pulau Pinang pada tahun 1981. Mahkamah Persekutuan telah menyelamatkan beliau dari tali gantung pada tahun 1982. Saya tidak faham mengapa Tan Mer digantung pada hari Jumaat. Saya menyeru pihak Kerajaan untuk memberi Dewan yang mulia ini sebab-sebab penggantungannya. Kami sepatutnya menunjukkan kepada dunia luar yang kami bukanlah tidak ber-perikemanusiaan.

Tuan Speaker, hari Isnin lalu satu warganegara Turki, Hacoglu Seugio Oztruk Tuncak berumur 29 tahun yang dikatakan adalah Orhan Olmez yang dikehendaki oleh pihak Turki untuk pembunuhan telah dibebaskan oleh Mahkamah Majistret di Kuala Lumpur setelah berada di penjara kita selama lebih kurang satu tahun. Isteri Encik Hacoglu adalah seorang rakyat British dan penduduk tetap Australia dan 3 orang anaknya adalah rakyat Australia. Encik Hacoglu menghadapi masalah untuk kembali ke Melbourne untuk bersatu semula dengan keluarganya. Usaha-usaha dibuat

untuk menghantar beliau ke Melbourne tetapi sekiranya beliau tidak dapat bersatu semula dengan keluarganya di Australia, saya pasti pihak Turki akan menjalankan hukuman mati ke atas Encik Hacoglu sekiranya beliau dihantar ke Turki.

Amnesty International Report (Laporan Amnesty) 1985 menyatakan rasa khuatirnya terhadap pemenjaraan prisoners of consciences, dengan izin, di Turki. Encik Hacoglu adalah seorang pejuang kemerdekaan pihak Kurdish. Kerajaan Turki telah gagal untuk mendapatkan Encik Hacoglu dihantar ke negara mereka untuk satu kesalahan iaitu pembunuhan yang beliau tidak lakukan. Jelaslah ini adalah satu plot yang direka oleh Kerajaan Turki untuk sebab-sebab politik. Kami tidak patutlah menghantarnya kembali ke Turki di mana beliau tentu berada dibelaskasihan rejim sana. Kerajaan Malaysia sekiranya tidak dapat memberi Encik Hacoglu perlindungan politik dan sekiranya negara-negara lain tidak sedia menerimanya, diwajibkan menghantar beliau ke negara asalnya. Kerajaan Turki akan berfaedah di mana ia gagal mendapat ke Mahkamah kami.

Saya menyeru Kerajaan Malaysia untuk memberi Encik Hacoglu perlindungan politik dengan segera berpandukan dengan perenggan berikut yang terkandung dalam Laporan Amnesty International 1985 terhadap pihak Turki.

Jikalau saya boleh baca, Tuan Speaker, apa yang terkandung dalam Laporan itu dalam bahasa Inggeris, saya teruskan.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Panjangkah, Yang Berhormat?

Tuan R. Karpal Singh: Tidak berapa panjang, Tuan Speaker. Laporan itu mengatakan:

"Amnesty International continued to be concerned about the imprisonment of a considerable number of prisoners of conscience, widespread and systematic torture and ill-treatment of political prisoners and the use of the death penalty. The organization was also concerned about the effects of inadequate access to lawyers and the use of confessions allegedly induced by torture on the fairness of trials before military courts.

Prisoners of conscience known to Amnesty International included members of political parties and groups, trade unionists, journalists, publishers, writers, translators, academics, members of the Kurdish ethnic minority—ini mustahak, Tuan Speaker—and members of religious groups, both Islamic and Christian .

Trials of Kurds, charged with separatist activities under Articles 125 and 171 of the Penal Code, continued throughout 1984. Among those considered by Amnesty International to be prisoners of conscience were Mehdi Zana, former Mayor of Diyarbakir and Mumtaz Kotan, a lawyer. In May, Mehdi Zana, already serving a sentence of 24 years and one month, was sentenced to a further seven years and eight months for shouting separatist slogans and insulting the court during his trial in October, 1983. Amnesty International was also informed of another trial in progress against Mehdi Zana on charges that he misused his authority as Mayor. Mumtaz Kotan, who has been imprisoned previously on political charges, was arrested in April 1980 and sentenced in July 1982 to eight years' imprisonment for belonging to Rizgari and for alleged

separatist activities. On 4th September 1984, a military court of appeal quashed the sentence and ruled that he should be retried. An Amnesty International observer attended a hearing of the retrial in Diyarbakir on 3rd December.

Amnesty International continued to receive reports that lawyers acting in political cases had insufficient access to their clients and no private consultations.

Conversations between lawyers and clients were reportedly stopped by the prison authorities when any mention of ill-treatment was made by the prisoners. Amnesty International also received reports of increasing pressure put on lawyers acting in political cases: in June five lawyers acting in a trial of alleged members of the Turkish Communist Party in Diyarbakir were charged with insulting the court under Articles 64 and 268 of the Penal Code, and Martial Law 1402. Their trial had not finished by the end of 1984.

Amnesty International continued to be concerned about the length of time—45 days—a political detainee might be held incommunicado before being brought before a court. In many cases families were unable to discover the whereabouts of detainees. Information received by Amnesty International strongly suggested that all but a few political detainees were ill-treated during this period and in some cases tortured to death. On 10th October, Amnesty International asked the authorities about Hakki. . . .”

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, ada dua minit sahaja lagi.

Tuan R. Karpal Singh: Baik, terima kasih, Saya teruskan:

“asked about the Hakki Erdogan who died in custody after being detained in September, the

organisation received allegations that he had died as a result of torture. On 17th December the Turkish Ambassador in London, Rahmi Gumrukcuoglu, replied that Hakki Erdogan had been detained in Istanbul on 18th September and transferred to a military hospital on 29th September. After diagnosis of kidney and heart failure he had been sent to a civilian hospital, but had died the next day. The Martial law Command was said to have initiated an investigation which was continuing.

In April 1984, Amnesty International submitted information about its concerns in Turkey under the UN procedure for confidentially reviewing of human rights violations. Amnesty International asserted that the evidence revealed a “consistent pattern of gross violations of human rights” warranting UN investigation.”

Terima kasih.

Timbalan Tuan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Masa pun sudah cukup. Ahli Yang Berhormat dari Nibong Tebal.

4.09 ptg.

Dr Goh Cheng Teik (Nibong Tebal): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk membahaskan perbelanjaan yang dipohon oleh Menteri Kewangan termasuk \$80 juta kepada Sabah Energy Corporation, sebuah OBA (Off Budget Agency) yang besar dan \$92 juta kepada Malaysian International Shipping Corporation, sebuah lagi OBA yang besar.

Saya sokong permintaan Menteri Kewangan ini kerana beliau dan pegawai-pegawainya pun sudah semak butir-butirnya. Di samping menyokong Rang Undang-undang ini, saya ingin mengambil kesempatan menyeru

kepada Kerajaan supaya terus berhati-hati perbelanjaannya baikpun Belanja Mengurus mahupun Belanja Pembangunan. Kerana statistik-statistik rasmi membuktikan bahawa ekonomi ini masih belum pulih. Mereka membuktikan bahawa "the Malaysian economy is not yet out of the woods," dengan izin. Betul, reserve Bank Negara telah naik sehingga \$16.3 bilion pada tahun 1986, satu jumlah wang yang mencukupi untuk membayar import selama 7.1 bulan. Betul, harga-harga petroleum mentah, kelapa sawit dan kayu siap digergaji telah meningkat sedikit dan permintaan luar negeri bagi buatan elektronik dan tekstil telah bertambah baik.

Betul, tanda-tanda ini merupakan tanda-tanda baik dan patutlah menggalakkan kita bekerja lebih kuat untuk memulihkan ekonomi tetapi Kerajaan dan rakyat haruslah sedar bahawa masalah-masalah dan cabaran besar masih menghadapi kita.

Pertama, per kapita GNP telah jatuh dari \$4,858 pada tahun 1984 kepada \$4,131 pada tahun 1986. Kejatuhan sebanyak 15%. Ini bermakna taraf hidup purata rakyat Malaysia telah jatuh 15% dalam dua tahun dari 1984 kepada 1986.

Kedua, pelaburan swasta juga telah jatuh dari \$10.4 bilion pada tahun 1984 kepada \$6.9 billion sahaja pada tahun 1986. Memandangkan bahawa Kerajaan tidak mampu menambahkan pelaburan awam, ekonomi kita terpaksa bergantung lebih kepada pelaburan swasta untuk pertumbuhannya.

Ketiga, Kerajaan bergantung agak berat kepada minyak mentah untuk pendapatan tambahan. PETRONAS menjual 503,000 tong minyak sehari pada 1986 berbanding dengan 446,400 tong sehari pada 1985. Sedangkan reserve gas asli banyak, reserve minyak terhad sekali dan boleh dihabiskan tidak lama lagi.

Keempat, buat pertama kali semenjak tahun 1972 akaun semasa Kerajaan Persekutuan mengalami defisit sebanyak \$952 juta pada tahun 1986. Dengan perkataan lain, pendapatan Kerajaan Persekutuan tidak pun mencukupi untuk membiayai perbelanjaan pengurusan pada tahun lalu dan Perbendaharaan terpaksa meminjam untuk kegunaan perbelanjaan mengurus. Akibatnya defisit perbelanjaan Kerajaan Persekutuan melompat kepada \$12.2 bilion pada 1986 berbanding dengan \$5.7 bilion pada tahun 1985.

Kelima, hutang awam Kerajaan Persekutuan sudah meningkat kepada \$74 bilion pada tahun 1986 melebihi GNP kita pada tahun itu dengan sebanyak \$7 bilion. Akibatnya beban bayaran faedah bertambah kepada 27.1% daripada hasil Persekutuan pada tahun itu. Dengan perkataan lain, 27.1 sen dari \$1 yang dipungut oleh Perbendaharaan Persekutuan tahun lalu telah digunakan untuk membayar faedah sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana kedudukan kewangan negara kita serius, selain daripada berjimat-jimat perbelanjaan Kerajaan, negara kita patutlah memberi keutamaan kepada pertumbuhan ekonomi, bukan pembahagian kekayaan. Negara Malaysia merupakan satu syarikat perdagangan yang merugikan banyak dan berhutang besar.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat ada satu minit lagi saya beri.

Dr Goh Cheng Teik: Apa ertinya pemegang saham syarikat ini sentiasa menuntut dividen yang lebih tinggi dan tiap-tiap hari mempertikaikan pembahagian keuntungan. Setakat ini pemegang-pemegang saham syarikat Malaysia cuma boleh berkongsi kerugian sahaja kerana ketiadaan kekayaan baru untuk dikongsi.

Tuan Yang di-Pertua, dasar 30/40/30 iaitu 30% bumiputera, 40% bukan bumiputera dan 30% orang asing telah dipersetujui oleh Kerajaan Barisan Nasional dan diumumkan kepada dunia dan maklumat ini masih belum dicapai.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Masa telah cukup Yang Berhormat. Masa telah cukup, sila duduk! Saya jemput Timbalan Menteri untuk menjawab.

4.15 ptg.

Timbalan Menteri Kewangan (Tuan Loke Yuen Yow): Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian untuk membahaskan Rang Undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyakinkan Dewan yang mulia ini bahawa semua isu-isu dan cadangan-cadangan yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat akan dikaji dengan teliti dan diberi tindakan susulan oleh Kementerian-kementerian yang berkenaan. Walau bagaimanapun, Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjawab serba sedikit atas perkara-perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat.

Ahli Yang Berhormat dari Tanjong telah sekali lagi mengeluarkan beberapa tuduhan liar yang saya anggap tidak berasas terhadap Kerajaan, saya tidak menyalahkan beliau kerana ini adalah tugas sebagai Ketua Pembangkang membuat apa-apa yang beliau anggap betul, iaitu membuat tuduhan yang tidak berasas langsung khasnya atas MCA.

Tuan Yang di-Pertua, suka saya di sini menjawab beberapa tuduhan yang tidak berasas itu Ketua Pembangkang telah menuntut bahawa saya cuba mengelak diri daripada

menjawab soalan berkenaan dengan Sabah Bank Berhad. Kebetulan saya ialah sekiranya Ahli Yang Berhormat yang berkenaan mendengar baik-baik apa yang telah saya jawab pada 1hb Julai yang lalu, jawapan itu memang lengkap dan merangkumi apa yang telah dibangkitkan.

Saya telah menyatakan bahawa adalah wajar Bank Negara mengambil alih Sabah Bank Berhad kerana Sabah Bank Berhad perlu menambah modal dibayarnya bagi memenuhi keperluan modal minimum dan kecukupan modalnya melalui keluaran saham hak yang baru. Tindakan itu diperuntukkan di bawah Seksyen 39 (a) Akta Bank 1973 dan adalah bertujuan menjaga kepentingan pendeposit-pendeposit dan kepentingan umum. Butir-butir yang lain telah ditanya oleh Ahli-ahli Pembangkang tidak dapat diberikan kerana ia adalah bercanggah dengan peruntukan-peruntukan yang kerahsiaan di bawah Akta Bank. Saya yakin dan saya percaya DAP pun ada rahsiannya, demikian juga bank-bank. Kerajaan sememangnya tidak lari atau mengelak diri daripada kewajipan kepada Dewan yang mulia. Apa yang boleh dan perlu diberitahu telah diberikan kepada Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, Ketua Pembangkang juga sering menyebut.....

Tuan Lim Guan Eng: (Bangun)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, ada yang bangun. Yang Berhormat dari Kota Melaka, ada apa?

Tuan Loke Yuen Yow: Ya, beri.

Tuan Lim Guan Eng: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya masih ingat bila saya bertanya Timbalan Menteri, saya bertanya apakah kriteria yang ditetapkan oleh Kerajaan

untuk menyelamatkan Sabah Bank Berhad dan sama ada pengarah-pengarah bank yang menyeleweng wang tersebut. Tentu ada penyelewengan yang berlaku untuk memerlukan penyelamatan ini dilakukan. Sama ada mereka disoal siasat oleh pihak Polis dan sama ada tindakan undang-undang akan diambil terhadap mereka.

Tuan Loke Yuen Yow: Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan kriteria-kriteria yang akan diambil kira apabila Bank Negara mengambilalih sesebuah bank berhad yang didaftar di dalam negara kita ini adalah banyak. Oleh kerana soal asal yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat berkenaan tidak tanya kriteria-kriteria yang berkenaan, jadi susahlah bagi saya menjawab atas soalan tambahan itu. Jikalau Yang Berhormat yang tanya soalan yang asal itu tanya tentang kriteria-kriteria berkenaan, tentulah saya boleh jawab.

Berkenaan dengan Pengarah-pengarah yang mungkin terlibat dalam penyelewengan yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat tadi, bagi Kerajaan saya tidak dapat mengatasi perkara ini kerana jikalau ada Laporan Polis mungkin penyiasatan sedang dijalankan. Sebelum penyiasatan siap, tidaklah saya di sini dapat memberitahu apa-apa pun kerana itu tidaklah adil kepada pihak-pihak yang berkenaan.

Dr Tan Seng Giaw: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, dia minta jalan.

Tuan Loke Yuen Yow: Ya.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak nampak satu jawapan yang memuaskan kerana Yang Berhormat tidak jelaskan sama ada siasatan dibuat ataupun tidak, sama ada laporan itu akan

dibentangkan di dalam Dewan yang mulia ini.

Tuan Loke Yuen Yow: Tuan Yang di-Pertua, saya masih ingat pada 1hb Julai saya telah jawab bahawa jikalau Ahli Yang Berhormat yang tanya soalan tambahan itu hendak tahu, izinkanlah saya check dulu, dan pada hari ini saya diberitahu bahawa tidak ada laporan Polis dibuat oleh pihak yang berkenaan. Itu sahajalah yang saya boleh jawab.

Tuan Yang di-Pertua, izinkanlah saya teruskan jawapan saya.....

Tuan Lim Guan Eng: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, ada yang bangun. Yang Berhormat dari Kota Melaka hendak apa?

Tuan Loke Yuen Yow: Ini gangguan yang terakhir sekali.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Dia beri. Silakan.

Tuan Lim Guan Eng: Ini bukan gangguan, ini penjelasan supaya kita dapat tahu kebenaran, bukan gangguan. Saya ingat mungkin silap. Kalau gangguan jangan masuk dalam Dewan ini, keluar! Saya ingat Yang Berhormat Timbalan Menteri masih belum menjawab soalan saya, apakah kriteria yang digunakan, sebab masa ini dia masih hendak lari daripada menjawab soalan saya.

Tadi, dia cakap tidak ada laporan Polis yang telah dibuat. Adakah satu criminal investigation, dengan izin, diambil untuk memastikan bahawa Pengarah-pengarah yang menyeleweng dihadapi tindakan undang-undang yang sewajarnya. Terima kasih.

Tuan Loke Yuen Yow: Tuan Yang di-Pertua, soalan ini telah ditanya tadi

dan saya anggap telah dijawab, tidak perlulah saya jawab lagi.

Tuan Yang di-Pertua, parti Pembangkang itu membangkang sahaja. Apa-apa pihak Kerajaan jawab pun mereka tidak puas hati. Itu perkara biasa, tidak apalah.

Tuan Yang di-Pertua, Ketua Pembangkang juga sering menyebut berkenaan dengan krisis keyakinan yang bertanggungjawab mengakibatkan kelembapan ekonomi negara kita ini. Ini memanglah satu thema yang disukai oleh parti Pembangkang. Ahli Yang Berhormat itu sendiri yang jahil akan keadaan ekonomi dunia dan sistem ekonomi negara kita. Kemerosotan ekonomi negara kita ini tidaklah disebabkan oleh krisis keyakinan seperti yang dituduh oleh Ahli Yang Berhormat tetapi oleh kerana kemerosotan ekonomi dunia yang mempengaruhi ekonomi kita secara langsung. Ini memang dijangka kerana sistem ekonomi kita adalah sistem ekonomi yang terbuka dan dipengaruhi secara langsung oleh ekonomi yang lain dalam dunia ini.

Tuan Lim Guan Eng: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, tunggu sekejap, dia minta penjelasan.

Tuan Lim Guan Eng: Yang Berhormat Menteri Penerangan sendiri membuat kenyataan bahawa krisis keyakinan.....

Tuan Loke Yuen Yow: Tidak ada masa lagi.

Tuan Lim Guan Eng: Yang Berhormat Menteri Penerangan sendiri membuat kenyataan ada krisis keyakinan di Malaysia.

Tuan Loke Yuen Yow: Duduk!

Tuan Lim Guan Eng: Saya ingat Yang Berhormat Timbalan Menteri

lebih rendah pangkat daripada Yang Berhormat Menteri Penerangan.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat dari Kota Melaka, sila duduk!

Tuan Loke Yuen Yow: Ini sikap seperti monyet kena belacan.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, teruskan.

Tuan P. Patto: Kalau Yang Berhormat Timbalan Menteri tidak tahu jawab, jangan jawab.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat dari Ipoh, jangan bercakap sebelum mendapat kebenaran daripada Yang di-Pertua. Hormat pada Yang di-Pertua.

Tuan Loke Yuen Yow: Kalau hendak tahu kriteria, tulis kepada Kementerian—tahu?

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Teruskan Yang Berhormat.

Tuan Loke Yuen Yow: Orang kata, orang Cina dari negeri Melaka yang bijak dalam bahasa, telah jawab, mereka tidak dengar. Tidak apalah.

Perkara ini terbukti kerana pada masa ini apabila ekonomi negara-negara yang lain, khasnya negara-negara maju telah bertambah pulih, ekonomi negara kita ini juga telah bertambah baik dan bertambah kukuh. Malahan pada tahun ini ekonomi kita dijangka mencatat satu akaun semasa yang berlebihan.

Tuan Yang di-Pertua, tindakan Kerajaan untuk menarik balik keputusan berkenaan dengan skim pencen adalah satu keputusan yang jujur dan murni dan tidak mempunyai motif politik seperti yang dituduh oleh ahli Pembangkang.

Sesungguhnya tindakan Kerajaan ini adalah disebabkan oleh rayuan daripada berbagai pihak dan ini menunjukkan bahawa Kerajaan adalah sensitif kepada pandangan rakyat jelata. Tindakan Kerajaan ini diambil walaupun mengikut Peguam Negara cadangan Belanjawan 1987 untuk menarik balik skim pencen bagi semua kakitangan Kerajaan yang berkhidmat kurang dari 10 tahun adalah tidak salah di sisi Perlembagaan. Oleh yang demikian tuduhan Ketua Pembangkang mengenai motif politik Kerajaan itu sebenarnya tidak berasas dan tidak benar. Ini memang seperti telah saya nyatakan tadi tugas Ketua Pembangkang kita ini hanya untuk membuat tuduhan yang bukan-bukan.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Tanjong juga telah membangkitkan masalah yang dihadapi oleh pendeposit-pendeposit KPD atau DTC, dengan izin. Ketua Pembangkang memang tidak sedar bahawa pengundi-pengundi di Gopeng telah menolak pendirian DAP dalam perkara ini. Pengundi-pengundi di Gopeng tidak bersetuju dan tidak tertipu oleh DAP yang cuba mengeboh-hebohkan perkara ini. Malahan rakyat jelata juga telah tidak ditipu oleh DAP. Pihak DAP semasa berkempen di Gopeng telah menggunakan taktik-taktik yang paling menghinakan. Contohnya salah satu itu ialah membuat ular yang besar itu yang dikatakan ular co-operative yang banyak dan nampaknya.....

Tuan Lau Dak Kee: Penjelasan!

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, penjelasan, beri atau tidak.

Tuan Loke Yuen Yow: Saya belum habis. Duduk sahaja. Duduk dulu!

Tuan Lau Dak Kee: Ular-ular Co-operatives yang menunjukkan daripada MCA.

Tuan Loke Yuen Yow: Tuan Yang di-Pertua, dia bersikap seperti monyet kena belacan.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat dari Pasir Pinji, kalau hendak bercakap, hadapkan ke mari.

Tuan Lau Dak Kee: Boleh, boleh.

Tuan Loke Yuen Yow: Duduk, duduk! Tuan Yang di-Pertua, nampaknya ular yang dibuat oleh DAP itu bukan ular co-operatives, tetapi ular politik DAP.

Tuan Yang di-Pertua, bukan sahaja mereka cuba menipu pengundi-pengundi berkenaan dengan isu DTC tetapi mereka telah mengeluarkan fitnah terhadap calon Barisan Nasional. Saya merasa sangat sedihlah di sini oleh kerana pihak Pembangkang telah merendahkan mereka ke paras yang begitu menghinakan, begitu rendah.....

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat.....

Tuan Loke Yuen Yow:iaitu membuat tuduhan dan fitnah-fitnah yang tidak berasas langsung terhadap calon Barisan Nasional.

Beberapa Orang Ahli: (Bangun)

Tuan Loke Yuen Yow: Tidak beri jalan, duduk!

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, saya minta duduk semua sekali. Saya berharap ada hormatlah kepada Chair, Pengerusi di sini oleh kerana kalau Ahli-ahli Yang Berhormat semua bercakap jadi siapa yang hendak mendengar. Kalau seorang-seorang saya benarkan, boleh Ahli Yang Berhormat bercakap. Tetapi mengikut Peraturan Mesyuarat kita kena menghormati Dewan yang mulia ini, kalau kita tidak menghormati tidak ada siapa lain lagi

yang akan menghormati Dewan ini. Saya jemput Yang Berhormat meneruskan atau hendak benarkan beri penjelasan.

Tuan Loke Yuen Yow: Tidak berilah, sudah cukup masa telah diberikan kepada parti Pembangkang.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Dia tidak beri, teruskan Yang Berhormat.

Tuan Loke Yuen Yow: Malahan fitnah itu dibawa dan diteruskan dalam Dewan yang mulia ini tidak berapa hari yang lalu oleh Ahli Yang Berhormat dari kawasan Rasah, kalau tidak silap saya. Walau bagaimanapun, pengundi-pengundi di Gopeng dan rakyat jelata tidak tertipu oleh tektik-tektik yang kotor yang begitu menghinakan. Pengundi-pengundi di Gopeng telah memberi kemenangan yang begitu cemerlang kepada Barisan Nasional dan MCA.

Tuan Lim Kit Siang: Point of order.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat Timbalan Menteri, ada point of order.

Tuan Loke Yuen Yow: Boleh, apa susah.

Tuan Lim Kit Siang: 36 (1). Nampaknya Yang Berhormat Timbalan Menteri dalam jawapannya langsung tidak ada bersangkut-paut dengan apa yang kita kemukakan dalam Dewan yang mulia ini. Pukul isteri, calon Gopeng, benar tidak benar, kalau mahu siasat, siasat, itu bukan mengenai Supplementary Estimates. Jawab mengenai perkara yang kita kemukakan—relevant. Ini bukan tanggungjawab, tugas Timbalan Menteri Kewangan dan sebenarnya kelakuannya, dengan izin, the worst Deputy Finance Minister in history. (Tepuk)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, duduk!

Tuan Loke Yuen Yow: Thank you, tidak apa.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, duduk sekejap. Saya benarkan Yang Berhormat menjawab tuduhan-tuduhan yang dibuat oleh Pembangkang, oleh kerana kalau tuduhan-tuduhan itu tidak dijawab bererti perkara ini tinggal terbengkalai sahaja, tetapi jangan panjang-panjang sangat.

Tuan Loke Yuen Yow: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Rakyat jelata sememangnya sedar bahawa Kerajaan, khususnya Bank Negara sedang giat bekerja siang dan malam untuk mencari penyelesaian yang sempurna kepada masalah ini iaitu masalah TDC, dengan izin. Seperti yang telah diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan juga Presiden MCA, Kabinet telah bersetuju kepada satu penyelesaian dan satu pengumuman berkenaan perkara ini akan dibuat oleh Bank Negara tidak lama lagi. Kerajaan memang serius dalam usaha ini untuk menyelesaikan isu ini. Kabinet telah berkali-kali bermesyuarat dan berbincang untuk mendapat satu formula yang sesuai dan juga diterima oleh semua pihak yang terlibat. Tuan Yang di-Pertua, saya telah.....

Dr Eng Seng Chai: (Bangun)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, nanti sekejap. Ahli dari Petaling Jaya hendak apa?

Dr Eng Seng Chai: Penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Boleh beri jalan? Dia beri jalan Yang Berhormat.

Dr Eng Seng Chai: Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri kata akan umumkan cadangan bagaimana untuk pulangkan, tetapi saya hendak tanya sedarkah bahawa Ketua Partinya, terutamanya Yang Berhormat Menteri Buruh, dia juga ada jamin di Pilihanraya Gopeng akan pulangkan \$1.00 untuk \$1.00 wang tunai. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri di sini akan jamin pengumuman yang akan dibuat oleh Bank Negara akan tunaikan janji Yang Berhormat Menteri Buruh di Gopeng, iaitu pulangkan \$1.00 untuk satu ringgit wang tunai.

Tuan Loke Yuen Yow: Tuan Yang di-Pertua, saya minta Yang Berhormat berkenaan sabar dahulu. Bank Negara belum mengumumkan formula. Mengapa hendak bersikap begitu? Tidak lama lagi Bank Negara akan mengumumkan satu formula yang akan diterima oleh semua pihak.

Dr Eng Seng Chai: (*Menyampuk*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat dari Petaling Jaya, saya baharu tadi memberi.....

Dr Eng Seng Chai: Sebab dia ketepikan soalan saya.

Tuan Loke Yuen Yow: Tuan Yang di-Pertua, itulah sikap parti-parti Pembangkang.

Dr Eng Seng Chai: Jangan cakap begitu. Jangan ketepikan soalan-soalan dengan biasa.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat.....

Tuan Loke Yuen Yow: Tidak ada masa untuk menjawab. Kalau saya jawab nanti, saya pun macam jenis ini.

Dr Eng Seng Chai: Pengecutlah.

Tuan Loke Yuen Yow: Tidak pengecut, tidak apa. Ahli-ahli Yang Berhormat.....

Tuan Ngoi Thiam Woh: Tuan Yang di-Pertua, penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Ya, Yang Berhormat dari Kampar. Nanti sekejap. Penjelasan dari Kampar, boleh beri?

Tuan Loke Yuen Yow: Tidak beri jalan, tidak ada masa lagi.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Dia tidak beri. tidak ada masa. Duduk Yang Berhormat!

Ahli-ahli Pembangkang: Takut, tidak berani.....

Tuan Loke Yuen Yow: Cukup masa sudah diberi kepada Pembangkang.

Tuan Lau Dak Kee: Point of order 36 (1).

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Ya.....

Tuan Loke Yuen Yow: Tidak beri jalan, duduk!

Tuan Lau Dak Kee: Bukan jalan, point of order. (*Disampuk*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, Duduk! Saya tidak mahu dengar lagi haggling dalam Dewan ini daripada mana-mana. Kalau saya dengar sekali lagi, saya akan hantar keluar menggunakan kuasa Tuan Yang di-Pertua. (*Tepuk*)

Tuan Lau Dak Kee: Tuan Yang di-Pertua, mengikut Peraturan 36 (1), ucapan hendaklah kena-mengena dan bukti-bukti yang ada dalam isi kandungannya. Tetapi nampaknya Timbalan Menteri Kewangan hendak elakkan apa yang dibangkitkan di

dalam ucapan-ucapan yang lalu dan ini menunjukkan sikapnya seperti seekor ular. Elak di sini, elak di sana, di mana tidak dapat ditangkap. Kalau sikap begini, ini bukanlah ucapan dalam Dewan yang mulia ini. Kalau Timbalan Menteri Kewangan itu benar-benar bertanggungjawab atas tugas yang diberikan kepadanya, patutlah memberi jawapan yang tepat, kalau tidak tepat sederhana pun bolehlah, (*Tepuk*) kalau sederhana pun tidak boleh letaklah jawatan. (*Tepuk*)

Tuan Loke Yuen Yow: Tuan Yang di-Pertua, kalau sikap saya ini boleh dikatakan sebagai sikap ular, ada Ahli-ahli Yang Berhormat DAP dahulu pun ular dari satu kawasan ke satu kawasan baru dalam pilihanraya, kerana takut kalah. Itulah sikap ular.

Tuan Yang di-Pertua, kena belacan ini.

Tuan Lau Dak Kee: President MCA pun begitu juga, adakah dia tuduh diri sendiri.

Tuan Loke Yuen Yow: juga telah membangkitkan mengenai pemberian pengecualian.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, teruskan.

Tuan Loke Yuen Yow: Teruskan, terima kasih. Pemberian pengecualian cukai terhadap pengimportan limau oleh satu syarikat Bumiputera.

Tuan Lim Kit Siang: On a point of order.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: 36 (4) Bahawa tidak boleh buat sangkaan jahat dan dia sendiri buat satu sangkaan jahat

kepada Presidentnya sendiri (*Ketawa*) yang pindah dari Bagan lari ke Labis. Dia tahu di Bagan dia akan kalah. Dia buat sangkaan jahat kepada Ketua sendiri. Tidak baik, ini tidak baik, tidak taat setia. (*Tepuk*)

Tuan Loke Yuen Yow: Tuan Yang di-Pertua, itu bukan ular dari satu kawasan ke satu kawasan yang baru, dengan kerana distribution of leadership. Tidak apa, tidak apa.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya rasa teruskan, kerana masa sudah tidak banyak.

Tuan Loke Yuen Yow: Ya, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Kurang suku pukul 5.00 saya akan berhentikan.

Tuan Loke Yuen Yow: Ya, saya akan teruskan.

Tuan P. Patto: Penjelasan, boleh?

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Duduk, dia tidak beri.

Tuan Loke Yuen Yow: Beliau telah membuat tuduhan bahawa penyelewengan telah berlaku dalam pemberian pengecualian ini dan mempersoalkan kenapa hanya satu sahaja syarikat diberi pengecualian ini. Di sini ingin saya menegaskan di Dewan yang mulia ini bahawa tidak ada penyelewengan apa-apa pun saya akan izinkan. Jikalau sekiranya Ahli Yang Berhormat dari Tanjung ada bukti bahawa syarikat-syarikat yang disebutkan itu telah menyeleweng di mana syarikat.

Dr Eng Seng Chai: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Ahli dari Petaling Jaya minta jalan?

Dr Eng Seng Chai: Penjelasan.

Tuan Loke Yuen Yow: Nanti saya siap, sedikit lagi.

Dr Eng Seng Chai: Sudah siap, sudah habis, apa hendak tanya, kerana saya hendak bertanya berkenaan apa yang dia kata.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Dia tidak beri, duduklah.

Tuan Loke Yuen Yow: Kalau hendak cakap, cakap sampai malam, tidak apa.

Dr Eng Seng Chai: Boleh.

Tuan Loke Yuen Yow: Jikalau Yang Berhormat dari Tanjung ada bukti bahawa syarikat-syarikat yang disebutkan itu telah menyeleweng, di mana syarikat tidak mematuhi syarat-syarat yang ditetapkan, saya haraplah Ahli Yang Berhormat yang berkenaan boleh mengemukakan bukti-bukti lanjut supaya tindakan akan diambil. Ini membuktikan bahawa Kerajaan kita ini adalah Kerajaan yang adil. Tindakan akan diambil terhadap mana-mana pihak yang.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Ahli Yang Berhormat dari Tanjung minta penjelasan.

Tuan Lim Kit Siang: Dalam kes spesifik ini, saya sudah kemukakan benda-benda, bukti-bukti kenapa sebuah syarikat diberi pengecualian untuk mengimport limau tanpa pembayaran cukai import dan dimanapun syarat pengecualian ini tidak diikuti. Apa sebab, bukan kata bahawa memberi butiran yang lebih lanjut, butiran sudah diberi, apa sebab satu syarikat diberi tempat yang khas.

Selain daripada Kerajaan berhasrat untuk mengadakan satu tindakan untuk mengecualikan cukai import untuk limau untuk semua.

Tuan Loke Yuen Yow: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan tidak sedar tentang hal ini. (*Disampuk*)

Dr Eng Seng Chai: Letak jawatanlah.

Tuan Loke Yuen Yow: Itu adalah satu keadaan yang benar.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, saya sudah kemukakan, dia tidak tahu, dia tidur. 2 hari tidur.

Tuan Loke Yuen Yow: Jikalau Ahli Yang Berhormat telah kemukakan hal ini, jadi saya kata kalau ada bukti-bukti lanjut diberikan, Kerajaan akan mengambil tindakan. Itu sahaja jawapan yang saya boleh berikan bagi pihak Kerajaan.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, point of order. Bolehkah kita menerima dia tidak tahu. Dua hari saya kemukakan, hari Jumaat. Sekarang dia kata dia tidak tahu, mahu tidur pun tidak semacam ini.

Dr Eng Seng Chai: Baca Hansard.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, teruskan.

Tuan Loke Yuen Yow: Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan cadangan Yang Berhormat dari Pasir Mas supaya Unit ICU disatukan dengan Unit EPU dan diberikan kuasa yang luas untuk mengawal agensi-agensi lain, suka saya menyatakan bahawa Kerajaan senantiasa mengkaji dari semasa ke semasa peranan dan tanggungjawab serta organisasi agensi-agensi Kerajaan untuk disesuaikan dengan keadaan semasa. Penyatuan ICU dan EPU difikirkan tidak perlu

kerana kedua-duanya mempunyai peranan yang berlainan sungguhpun berkaitan. EPU merancang program pembangunan manakala ICU mengawasi pelaksanaannya. Kedudukan ICU dan EPU sebagai agensi pusat di bawah Kementerian yang sama iaitu Jabatan Perdana Menteri (JPM) membolehkan kedua-dua agensi tersebut mengawal agensi-agensi lain.

Mengenai pengawasan agensi-agensi Kerajaan dalam pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru sekarang, saya memaklumkan bahawa tanggungjawab pengawasan itu sekarang ini dilaksanakan oleh agensi-agensi pusat khususnya EPU dan ICU.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Kota Setar telah pun membangkitkan berkenaan dengan hubungan ekonomi dan perdagangan Malaysia dengan negara-negara luar seperti EEC, ASEAN dan sebagainya. Suka saya menyatakan bahawa Kerajaan adalah berpuas hati dengan prestasi perwakilan-perwakilan Malaysia di luar negeri dalam menjalankan hubungan perdagangan mereka. Walau bagaimanapun, teguran Ahli Yang Berhormat yang berkenaan akan dikaji dengan teliti oleh Kementerian Luar Negeri dan sebarang kelemahan dalam perwakilan-perwakilan ini akan diatasi.

Berkenaan dengan tugas-tugas protokol yang perlu dimainkan oleh pegawai-pegawai di perwakilan luar negeri, sukacita saya menyatakan bahawa tugas-tugas protokol hanyalah merupakan sebahagian kecil daripada tugas seseorang pegawai tersebut. Di samping itu perkara ini bukan satu perkara yang sering berlaku tetapi hanya dari masa ke semasa sahaja. Walau bagaimanapun, Kementerian Luar Negeri akan meneliti perkara ini supaya pegawai-pegawainya adalah

tidak terlalu dibebankan dengan kerja-kerja protokol dan mengakibatkan tugas-tugas beliau sebenarnya.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak dapat menyentuh semua perkara yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, Yang Berhormat dari Tanjung minta penjelasan.

Tuan Loke Yuen Yow: Boleh.

Tuan Lim Kit Siang: Mengapa Yang Berhormat Timbalan Menteri tidak sebut teguran-teguran saya mengenai seruan-seruan, desakan-desakan untuk menyambungkan Dasar Ekonomi Baru khasnya mengenai cadangan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri mengenai ratio 50:50. Yang Berhormat Timbalan Menteri di luar Dewan ini ada kata ini tidak bijak, ia menentang. Adakah berani beliau datang ke sini dan kata di sini di dalam Dewan, bahawa beliau sebagai Timbalan Menteri pun menentang cadangan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri untuk mengadakan ratio 50:50 selepas 1990 atau dia cakap lain di luar, buat lain di dalam. (*Tepuk*)

Tuan Loke Yuen Yow: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak dapat menjawab soalan itu kerana saya anggap Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri menyuarakan pendapat beliau sahaja. Barangkali penyiasatan atau kajian lanjut perlulah dibuat oleh Kerajaan sebelum pandangan beliau dijadikan polisi.

Tuan Yang di-Pertua, mungkin terdapat isu yang lain yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang saya tidak dapat memberi jawapan. Seperti yang saya

nyatakan tadi semua teguran dan cadangan akan dikaji.

Tuan Lau Dak Kee: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, masa sudah cukup.

Tuan Loke Yuen Yow: Tidak ada masa.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Satu hari suntuk.

Tuan Lau Dak Kee: Pendek sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, tidak, sila duduk!

Tuan Loke Yuen Yow: Kalau hendak tanya, balik Ipoh!

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat Timbalan Menteri, sila habiskan ayat yang akhir sekali.

Tuan Loke Yuen Yow: Tetapi seperti yang saya telah nyatakan terlebih dahulu semua teguran dan cadangan yang telah dikemukakan akan dikaji oleh Kementerian yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat dan juga Ahli-ahli dari parti Pembangkang yang bersikap macam monyet kena belacan. (*Disampuk*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, saya berdiri di bawah Peraturan Mesyuarat 46 (4) meminta satu Division oleh kerana kita mahu protest cara Yang Berhormat Timbalan Menteri jawab dan tidak ada satu formula yang memuaskan hati mengenai koperasi. Kita mahu satu Division in protest against incompetent Timbalan Menteri Kewangan. (*Tepuk*)

Loceng dibunyikan.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Penghitung-penghitung, sila mengambil tempat, tiap-tiap bahagian A, B, C, D, E dan F.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Ahli-ahli Yang Berhormat, inilah keputusan undi berbelah bahagian:

Yang Tidak Bersetuju	— 19 undi
Yang Bersetuju	— 68 undi
Yang Tidak Mengundi	— Tiada

YANG BERSETUJU:

1. Y.B. Datuk S. Samy Vellu
2. Y.B. Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-Haj
3. Y.B. Datuk Amar Stephen Yong Kuet Tze
4. Y.B. Tuan Anwar bin Ibrahim
5. Y.B. Dato' Haji Sabbaruddin Chik
6. Y.B. Puan Napsiah binti Omar
7. Y.B. Dato' Dr Mohamad Yusof bin Haji Mohamad Nor.
8. Y.B. Dato' K. Pathmanaban
9. Y.B. Datuk Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha
10. Y.B. Dato' Oo Gin Sun
11. Y.B. Dato' Alexander Yu Lung Lee

12. Y.B. Tuan Kalakau Untol
13. Y.B. Tuan Loke Yuen Yow
14. Y.B. Tuan Osu bin Haji Sukam
15. Y.B. Datin Paduka Hajjah
Zaleha binti Ismail
16. Y.B. Toh Muda Dr Abdullah
Fadzil bin Che Wan
17. Y.B. Tuan Haji Awang bin
Jabar
18. Y.B. Dato' Haji Dusuki bin Haji
Ahmad
19. Y.B. Puan Teng Gaik Kwan
20. Y.B. Tuan Ong Tin Kim
21. Y.B. Tuan Abdul Raman bin
Suliman
22. Y.B. Tuan Adam bin Abdul
Kadir
23. Y.B. Datuk Abdullah bin Haji
Ahmad Badawi
24. Y.B. Tuan Othman bin Abdul
25. Y.B. Dato' Zainal Abidin bin
Zin
26. Y.B. Dr Goh Cheng Teik
27. Y.B. Dato' Abdullah Ahmad
28. Y.B. Tuan Basri bin Bajuri
29. Y.B. Tuan Douglas Uggah
Embas
30. Y.B. Tuan Haji Abdul Razak
Abu Samah
31. Y.B. Dato' Haji Mohamed bin
Haji Ali
32. Y.B. Tuan Mohamed Sam bin
Haji Sailan
33. Y.B. Tuan Justine Jinggut
34. Y.B. Puan Zainabon *alias*
Zainab binti Abu Bakar
35. Y.B. Tuan S. S. Subramaniam
36. Y.B. Tuan James Jimbun
Punga
37. Y.B. Dr Patau Rubis
38. Y.B. Tuan Mohamed Tawfik
bin Tun Dr Ismail
39. Y.B. Tuan Mohd. Sharif Jajang
40. Y.B. Tuan Haji Ibrahim bin Ali
41. Y.B. Tuan Hashim bin Safin
alias Shafain
42. Y.B. Tuan Jewah Gerang
43. Y.B. Tuan Abdul Rahman bin
Bakar
44. Y.B. Tuan Mohd. Subky bin
Haji Abdul Raof
45. Y.B. Dato' Haji Saidin bin Haji
Mat Piah

46. Y.B. Tuan Ismail *alias* Mansor
bin Said
47. Y.B. Tuan Thomas Salang Siden
48. Y.B. Datuk Peter Tinggom
Kamarau
49. Y.B. Dato' Haji Mohammad
Abu Bakar bin Rautin Ibrahim
50. Y.B. Tuan Mutang Tagal
51. Y.B. Tuan Nasruddin bin Haji
Alang Saidin
52. Y.B. Datuk Haji Yahaya bin
Mohd. Shafie
53. Y.B. Datuk Daniel Tajem anak
Miri
54. Y.B. Tuan Ling Chooi Sieng
55. Y.B. Dr Abdul Hadi Derani
56. Y.B. Tuan Haji Mohamad bin
Abdullah
57. Y.B. Dato' Dr Affifudin bin
Haji Omar
58. Y.B. Tuan Mohammed Yusoff
bin Abdul Latiff
59. Y.B. Tuan Mohd. Noh bin
Rajab
60. Y.B. Tuan Wan Omar bin Wan
Majid
61. Y.B. Tuan Haji Mohamed bin
Yaacob
62. Y.B. Dr Ting Chew Peh
63. Y.B. Tuan Chew Kam Hoy
64. Y.B. Tuan Law Lai Heng
65. Y.B. Tuan Haji Abdul Manaf
bin Haji Ahmad
66. Y.B. Tuan Shahidan bin Kassim
67. Y.B. Tuan Zubir bin Embong
68. Y.B. Dr Nicholas Munong Ibau

YANG TIDAK BERSETUJU:

1. Y.B. Tuan Lim Kit Siang
2. Y.B. Dr Chen Man Hin
3. Y.B. Tuan Lee Lam Thye
4. Y.B. Tuan R. Karpal Singh
5. Y.B. Tuan Gooi Hock Seng
6. Y.B. Tuan Sim Kwang Yang
7. Y.B. Tuan Haji Abdullah bin
Haji Arshad
8. Y.B. Dr Tan Seng Giaw
9. Y.B. Tuan Fung Ket Wing
10. Y.B. Tuan P. Patto
11. Y.B. Tuan Chian Heng Kai
12. Y.B. Tuan Ting Chek Ming
13. Y.B. Tuan Teoh Teik Huat

14. Y.B. Tuan Ngoi Thiam Woh
15. Y.B. Tuan Lim Guan Eng
16. Y.B. Tuan Lau Dak Kee
17. Y.B. Dr Eng Seng Chai
18. Y.B. Tuan Hu Sepang
19. Y.B. Tuan Tan Kok Wai

YANG TIDAK MENGUNDI:

Tiada

Rang Undang-undang diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah bahawa Usul di atas nama Yang Berhormat Menteri Kewangan di dalam Aturan Urusan Mesyuarat ini diedarkan kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis hendaklah disetujui.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa Usul yang berikut ini dirujukkan kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis:

Bahawa Dewan ini, mengikut seksyen 4 (3) Akta Kumpulanwang Pembangunan 1966, membuat ketetapan bahawa jumlah wang tambahan sebanyak \$206,892,290 diperuntukkan daripada Kumpulanwang Pembangunan—

- (1) bagi tahun kewangan 1986, untuk menampung sejumlah \$2,200,000 bagi Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) seperti yang dinyatakan dalam ruang pertama dan kedua penyata Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Ketiga 1986 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 19 tahun 1987 dan yang disenaraikan di sebelah Maksud-maksud dan

Butiran-butiran (Projek-projek) dalam ruang kesepuluh dan kesebelas penyata tersebut; dan

- (2) bagi tahun kewangan 1987, untuk menampung sejumlah \$204,692,290 bagi Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) seperti yang dinyatakan dalam ruang pertama dan kedua penyata Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Pertama 1987 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 20 tahun 1987 dan yang disenaraikan di sebelah Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) dalam ruang kesebelas dan kedua belas penyata tersebut.

Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.

(Timbalan Yang di-Pertua memperusikan Jawatankuasa)

Tuan Loke Yuen Yow: Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan supaya wang sejumlah tidak lebih daripada \$2,200,000 yang diperuntukkan dalam Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tambahan Ketiga 86 bagi Maksud Bekalan B. 27 dan wang sejumlah tidak lebih daripada \$53,945,100 yang diperuntukkan dalam Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tambahan Pertama 1987 bagi Maksud Bekalan B. 7 dan B. 51 untuk Kementerian-kementerian, Jabatan-jabatan yang berkenaan dijadikan jadual dan wang tidak lebih daripada \$2,200,000 yang diperuntukkan dalam Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Bilangan 3 Tahun 1986 bagi Maksud-maksud Pembangunan P. 26 dan P. 54 untuk Kementerian, Jabatan yang berkenaan seperti yang ditunjukkan dalam penyata yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 19 tahun 1987.

Wang sejumlah tidak lebih daripada \$204,692,290 yang diperuntukkan dalam Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Bilangan Pertama Tahun 1987 bagi Maksud-maksud Pembangunan P. 7, P. 17, P. 19, P. 27, P. 28, P. 50, P. 55 dan P. 56 untuk Kementerian-kementerian, Jabatan-jabatan yang berkenaan seperti yang ditunjukkan dalam penyata yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 20 Tahun 1987 dijadikan Anggaran Perbelanjaan.

Tuan Pengerusi, saya telah pun menerangkan tentang keperluan bagi mengadakan peruntukan-peruntukan tambahan dalam Anggaran-anggaran Perbelanjaan Mengurus tahun 1986 dan 1987 dan juga Anggaran-anggaran Perbelanjaan Pembangunan tahun 1986 dan 1987. Di samping itu penjelasan lanjut mengenai cadangan-cadangan Anggaran Tambahan ini adalah juga diberi dalam Memorandum Perbendaharaan yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 17A Tahun 1987 dan 18A 1987 bagi Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tambahan Ketiga 1986 dan Tambahan Pertama 1987. Kertas Perintah 19A Tahun 1987 dan 20A Tahun 1987 bagi Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Ketiga 1986 dan Tambahan pertama 1987. Oleh itu, saya tidak berhajat hendak memberi apa-apa penerangan tambahan lagi.

Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan.

Maksud B. 7 (Jadual Kedua)—

Maksud P. 7 (Anggaran Pembangunan (Tam.) (Bil. 1) 1987—

Tuan Pengerusi (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Kepala Bekalan B. 7 dan Kepala Pembangunan P. 7 di bawah Jabatan Perdana Menteri terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat dari Bukit Bintang.

5.00 ptg.

Tuan Lee Lam Thye (Bukit Bintang): Tuan Pengerusi, saya ingin menarik perhatian Tuan Pengerusi kepada Kertas Perintah 20A Tahun 1987, mukasurat 4 yang menerangkan Maksud Pembangunan di bawah Jabatan Perdana Menteri dengan memberikan Butiran (projek) baru 01200 berkenaan dengan Perbadanan Perkapalan Antarabangsa Malaysia Berhad (MISC).

Menurut Kertas Perintah 20A Tahun 1987 ini, mukasurat 4 ada menerangkan bahawa tambahan sebanyak \$92 juta adalah dikehendaki untuk membiayai pembelian 'Rights Issue' saham Perbadanan Perkapalan Antarabangsa Malaysia Berhad (MISC) yang bernilai \$1 tiap-tiap satu saham sebagai ekuiti Kerajaan.

Maka saya ingin mengambil kesempatan ini untuk membahas sedikit mengenai perkara MISC dan di sini saya ingin menarik perhatian Yang Berhormat Menteri yang berkenaan mengenai perkara yang saya ingin menyentuh berkenaan dengan soal pekerjaan dalam MISC ini.

Saya suka menarik perhatian Yang Berhormat Menteri berkenaan untuk nasib sebahagian kakitangan MISC yang merasai bahawa mereka telah menjadi mangsa menerusi amalan buruk yang tidak berethika oleh pihak pengurusan MISC.

Baru-baru ini pengurusan MISC dalam usahanya untuk menyusun semula pentadbiran Perbadanan telah menubuhkan satu pasukan petugas dikenali sebagai Kakitangan Pasukan Petugas MISC yang mengandungi lebih kurang 100 orang kakitangan.

Pengwujudan Pasukan Petugas MISC ini haruslah dipersoalkan. Pemilihan kakitangan untuk pasukan petugas ini berdasarkan kepada satu sistem penilaian ataupun dalam bahasa Inggeris appraisal system, yang

dibuat tidak menurut cara ketetapan biasa yang mana terdapat tanda-tanda berat sebelah ataupun, favouritism, dengan izin, dan penganiayaan ke atas kakitangan-kakitangan.

Sistem penilaian yang dilaksanakan oleh MISC ada menunjukkan wujudnya penyelewengan. Terdapat kes-kes yang mana kakitangan-kakitangan yang diletakkan dalam gred B dan dipindahkan ke pasukan petugas dengan diberikan tugas-tugas yang sama dengan tugas yang lama.

Semasa penilaian dibuat terdapat perasaan tidak puas hati ditunjukkan kepada kakitangan berkenaan prestasi mereka, tetapi kemudiannya satu surat dikeluarkan untuk menggredkan semula prestasi kakitangan berkenaan sebagai below average, dengan izin, dengan memberi alasan kurang produktiviti. Dalam menimbangkan alasan-alasan ini kesahihan sistem penilaian ini sangat dipersoalkan.

Saya sekarang ini menyentuh perkara perkhidmatan perundingan untuk MISC. Saya difahamkan bahawa MISC melantik sebuah consultant ataupun juruperunding asing yang tidak mempunyai pengetahuan yang cukup dalam perkara pengambilan untuk menyusun semula MISC. Walaupun ini adalah kuasa prerogative pengurusan MISC, tetapi perlu dijelaskan di sini bahawa jutaan ringgit yang dibelanjakan dalam penyusunan semula MISC hanya membawakan perubahan yang kecil sahaja, kecuali pengubahsuaian besar-besaran ke atas bangunan MISC. Kebijaksanaan consultant asing itu hanyalah dalam tindakan mengurangkan kakitangan di pelbagai jabatan dengan menugaskan lebih 100 kakitangannya kepada pasukan petugas. Menurut pengurusan, kesimpulan kajian consultant dalam menyusun semula MISC itu telah mendapati kelebihan seramai 100 kakitangan dan kakitangan yang lebih ini tidak lagi diperlukan sebaik sahaja

mereka dapat membereskan kerja-kerja yang terbengkalai untuk tahun 1986. Ini yang sebenarnya adalah tidak betul kerana kakitangan pasukan petugas ini ditugaskan untuk membuat pekerjaan bagi tahun 1987 dan bukan untuk menguruskan kerja-kerja terbengkalai untuk tahun 1986.

Satu lagi perkara yang saya ingin membangkitkan ialah mengenai peluang kerjaya ataupun career opportunities, dengan izin, untuk kakitangan yang ada yang telah lama berkhidmat dalam MISC. Kakitangan-kakitangan yang telah lama berkhidmat dalam MISC ini tidak diberikan apa-apa peluang untuk memajukan kerjaya ataupun career mereka, akan tetapi kakitangan yang muda, yang kurang daripada tiga tahun bekerja diberikan peluang-peluang yang lebih baik.

(Tuan Yang di-Pertua mem-pengerusikan Jawatankuasa)

Berhubung dengan latihan di dalam MISC, pihak pengurusan MISC telah berulang kali berkata bahawa kakitangan pasukan petugas akan dilatih semula dan ditempatkan dalam bahagian baru yang disusun semula dalam MISC. Ini masih belum dilakukan lagi dan menimbulkan kebimbangan di kalangan kakitangan yang terlibat kerana ianya bersangkutan-paut dengan pekerjaan mereka dalam perbadanan ini pada masa depan.

Berhubung dengan perkara kawalan kos, pihak pengurusan MISC telah memperkenalkan satu skim yang dinamakan sebagai Voluntary Separation Scheme, dengan izin, dengan pandangan ke arah memotong kos overhead ataupun kos perbelanjaan, akan tetapi cadangan skim ini hanya dihadkan kepada kakitangan pasukan petugas, manakala lain-lain kakitangan tidak ditawarkan. Kos sebenar untuk membiayai pasukan petugas yang tidak mempunyai masa yang tetap

untuk bertugas adalah kurang daripada 1% dari jumlah kos overhead MISC.

Untuk Perbadanan MISC yang membuat keuntungan jutaan ringgit setahun, Voluntary Separation Scheme ini yang ditawarkan kepada pasukan petugas amatlah kecil, terutamanya apabila kebanyakan mereka sudah lama berkhidmat dalam organisasi itu. Jika pihak pengurusan MISC bersikap ikhlas dalam perkara ini maka Voluntary Separation Scheme yang lebih baik hendaklah ditawarkan.

Kakitangan pasukan petugas yang mengandungi lebih kurang 100 orang ini mempunyai sebab-sebab tidak berpuas hati dengan layanan yang diberikan kepada mereka oleh pihak pengurusan MISC dan saya menyeru Yang Berhormat Menteri yang berkenaan supaya mengadakan satu siasatan dalam perkara ini untuk mengkaji aduan mereka yang tulen ini supaya satu cara yang adil dan saksama dapat direka dan dilaksanakan untuk membantu pihak kakitangan dalam pasukan petugas ini.

Itulah yang saya ingin membangkitkan dalam perkara MISC. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Hulu Selangor.

5.10 pgt.

Tuan S. S. Subramaniam (Hulu Selangor): Tuan Pengerusi, saya merujuk kepada Kertas Perintah 18A, Tahun 1987, Maksud B.7 Jabatan Perdana Menteri.

Tuan Pengerusi, saya mengalu-alukan peruntukan berjumlah \$50 juta yang telah diperuntukkan untuk Jabatan Perdana Menteri di bawah YAB Perdana Menteri untuk membiayai beberapa projek yang amat tertarik iaitu infrastruktur, kemudahan awam dan sosial serta keagamaan.

Tuan Pengerusi, ini menunjukkan satu tanggungjawab, satu kewajipan yang begitu sungguh-sungguh yang dibiayai oleh Kerajaan kita di bawah YAB Perdana Menteri kita. Tetapi di bawah ini kita tidak dapat lihat semua butir-butir berkaitan dengan semua projek yang telah dibiayai oleh peruntukan ini dan saya ingin memohon kepada YAB Perdana Menteri untuk mengambilkira sedikit-sebanyak masalah-masalah yang kita sedang menghadapi di bawah projek kecil bagi sosial di kawasan-kawasan luar bandar, sebagai contohnya adalah beberapa banyak sekolah-sekolah di kawasan luar bandar yang tidak mempunyai kemudahan asas seperti padang bola, dewan dan satu tempat untuk menjalankan aktiviti-aktiviti sosial dan apabila kita memohon kepada pihak Kementerian Pendidikan, setiap kali jawapan kita terima daripada Kementeriananya ialah tidak ada peruntukan. Di bawah peruntukan yang disediakan, di bawah Rang Undang-undang ini kita boleh lihat tidak ada apa-apa peruntukan tambahan yang dibelanjakan oleh Kementerian Pendidikan. Ini menunjukkan satu sikap yang saya rasa tidak begitu baik daripada Kementerian Pendidikan oleh kerana setiap kali kita menghadapi masalah-masalah kerumitan, walaupun projek itu begitu kecil, tetapi setiap kali kita dapat jawapan yang sama sahaja dari Kementerian Pendidikan. Dan saya ingin memohon kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk mengambil kira kesulitan yang kita hadapi dari segi sosial di kawasan luar bandar, khasnya sekolah-sekolah yang kita ada diluar bandar. Sebagai satu contohnya ialah beberapa banyak sekolah-sekolah di kawasan luar bandar di bawah Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Tamil di seluruh negara kita di mana sekolah-sekolah itu telah sampai ke satu peringkat di mana murid-murid tidak boleh duduk di dalam sekolah itu dan oleh kerana

Tuan Pengerusi: Ahli Yang Berhormat bercakap di bawah tajuk apa itu?

Tuan S.S. Subramaniam: Saya ingin memohon di bawah peruntukan B.7 ini kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk memberi sedikit peruntukan.

Tuan Pengerusi: Ahli Yang Berhormat, peruntukan apa itu, B.7 ataupun P.7?

Tuan S.S. Subramaniam: Peruntukan B.7, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Ahli Yang Berhormat hanya boleh bercakap di atas perbelanjaan yang telah pun dikeluarkan sahaja, bukan di atas perbelanjaan yang baru hendak diminta.

Tuan S.S. Subramaniam: Mohon maaf, Tuan Pengerusi. Saya ingin membawa kepada perhatian Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, apabila pihak Kerajaan minta kepada Dewan yang mulia ini peruntukan tambahan saya ingin memohon kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk mengambil kira permintaan dari segi sekolah dan segi keagamaan, Boleh saya teruskan, Tuan Pengerusi?

Tuan Pengerusi: Ahli Yang Berhormat dibenarkan bercakap berkenaan dengan perbelanjaan yang telah dibelanjakan, sama ada elok atau tidak, atau sesuai atau tidak. Tetapi jika sekiranya perbelanjaan-perbelanjaan yang baru hendak diminta, itu tidak dibenarkan.

Tuan S.S. Subramaniam: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya ingin mengucapkan tahniah dan syabas kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang telah mengambil perhatian di atas kehendak penduduk luar bandar dari segi infrastruktur dan juga kemudahan awam dan sosial seperti keagamaan

dan saya ucapkan lagi sekali ribuan terima kasih.

Tuan Pengerusi: Ahli Yang Berhormat Bukit Mertajam.

5.15 ptg.

Tuan Chian Heng Kai (Bukit Mertajam): Tuan Pengerusi, saya juga merujuk kepada Kertas Perintah 18A, 1987, Maksud B.7 iaitu Rang Undang-undang ini meminta Dewan yang mulia ini supaya memperuntukkan wang sejumlah sebanyak \$50 juta untuk projek-projek kecil.

Tuan Pengerusi, saya memang menyokong projek-projek kecil tetapi saya dapati sebenarnya projek-projek kecil ini dijalankan dengan tidak adil dan saksama. Tuan Pengerusi, nampaknya projek kecil ini telah digunakan sebagai alat politik iaitu untuk memancing undi oleh Barisan Nasional.

Saya ingin memberi satu iaitu apabila saya pergi berjumpa dengan Pegawai Daerah Seberang Prai Tengah, saya meminta mengemukakan beberapa cadangan supaya dimasukkan dalam projek-projek kecil ini, tetapi saya diberitahu bahawa oleh kerana saya datang dari pihak Pembangkang, saya tidak berhak untuk menentukan apakah projek-projek kecil yang diluluskan. Tetapi kalau saya adalah datang dari Barisan Nasional, jadi saya boleh berhak untuk menentukan apa jenis projek yang akan dijalankan.

Oleh kerana itu, Tuan Pengerusi, saya ingat ini adalah sangat tidak adil kepada Ahli-ahli Parlimen yang lain oleh kerana rakyat negara kita ini bukan mengikut apa kehendak mana-mana parti yang boleh dapat peruntukan. Pada pendapat saya, mana-mana Ahli Yang Berhormat, sepatutnya mendapat layanan yang sama.

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: Penjelasan.

Tuan Pengerusi: Ya, dia minta penjelasan.

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: Kalau keadaannya begini rupa, Wakil Rakyat dari Barisan Nasional diberi projek, adakah Ahli Yang Berhormat itu bercadang hendak masuk Barisan Nasional?

Tuan Chian Heng Kai: Tidak, memang saya tidak bercadang. Ahli Yang Berhormat itu sendiri telah dikeluarkan dari Barisan Nasional (*Ketawa*).

Tuan Pengerusi, jadi saya berharaplah perkara ini boleh diimbangkan dan dapat dijalankan dengan lebih adil.

Tuan Pengerusi, sebelum pilihanraya umum 1986, YAB Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri juga telah melawat Ipoh iaitu Sekolah Menengah Poi Lam dan Sam Chai, mereka telah mengumumkan bahawa ada peruntukan \$100,000 kepada setiap sekolah tersebut, tetapi sehingga hari ini saya tidak tahu sama ada peruntukan itu telah dikeluarkan atau tidak dan dengan itu juga, Tuan Pengerusi, saya telah mencadangkan kepada Pegawai Daerah Bukit Mertajam bahawa peruntukan wang \$50,000 kepada Sekolah Menengah Jit Sin. Jadi saya berharaplah cadangan saya itu telahpun disampaikan kepada sekolah tersebut.

Tuan Pengerusi, satu perkara yang saya ingin menyentuh di sini iaitu ada sebahagian Pegawai Kerajaan apabila kita jemput mereka supaya melawat kawasan mereka, mereka kata tidak senang. Tetapi apabila Ahli Parlimen dari Barisan Nasional jemput, mereka akan mengiringinya melawat kawasan dan berdialog dengan pengundi-pengundi. Tentu ini satu perkara yang tidak adil. Mungkin ini taktik boleh

dipakai dalam tahun 1950an atau 1960an tetapi pada masa sekarang saya ingat rakyat telah pandai dan ini memang tidak diterima oleh rakyat lagi. Oleh kerana itu, saya berharap Ahli Yang Berhormat Menteri berkenaan kalau boleh memberikan penjelasan terhadap perkara ini. Sekian, terima kasih.

5.18 ptg.

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis (Simunjan): Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh juga mengenai bahagian projek-projek kecil ini di bawah Kepala B.7. Mungkin Ahli Yang Berhormat dari Bukit Mertajam menyedari bahawa Barisan Nasional dapat memberi projek. Kalau tidak mahu joint Barisan Nasional, joint Bebas macam saya, mungkin dekat sedikit dengan Barisan Nasional.

Tuan Pengerusi: Perkara itu di bawah kepala apa? (*Ketawa*).

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: Ini mukaddimah. Tuan Pengerusi, memanglah kadang-kadang menjadi kelaziman dan tabiat sesiapa yang memegang kuasa, yang menjadi calon parti yang berkuasa, memanglah lebih berkuasa memberikan peruntukan di masa pilihanraya. Bukan hanya untuk memegang jawatan sebagai Menteri, Timbalan Menteri tetapi yang tidak memegang jawatan pun, yang calon biasa seolah-oleh diberi kuasa untuk melulus projek.

Saya tidaklah 100% menentang perkara ini kerana dahulu pun semasa saya menjadi Timbalan Menteri, saya lulus juga sedikit-sedikit projek ini, sebab itulah saya lari menjadi "Bebas", "Independent".

Tuan Pengerusi, ada dua, tiga sebab mengapa saya fikir perkara ini tidak sepatutnya diteruskan dengan berleluasa dan melulu.

Pertama, kalau sekiranya projek-projek kecil ini dilulus semasa

pilihanraya sahaja sedangkan pilihanraya itu lebih kurang ada 10 hari, jadi ini mungkin mengkaburkan mata rakyat untuk memohon projek hanya masa pilihanraya.

Yang keduanya, kalaulah sekiranya projek-projek ini di kacamata rakyat dilulus semasa pilihanraya, jadi ini mendorong rakyat untuk membuat kekacauan supaya diadakan pilihanraya tiap-tiap hari, ataupun tiap-tiap bulan ataupun tiap-tiap tahun, supaya projek dapat diberi kerana masa memberi projek ialah masa pilihanraya.

Yang ketiganya takut nanti mereka yang menjadi calon Kerajaan dipermainkan rakyat kerana rakyat mungkin berkata: Ah! Yang Berhormat kalau lulus projek kami undi, kalau tidak lulus projek kami tidak undi. Jadi kita takut ini mengubah sifat dan tingkah-laku rakyat dan seolah-olah rakyat nanti menjadikan pilihanraya itu sebagai masa untuk pihak Kerajaan memberi pembangunan kepada rakyat, dan masa lain mungkin Wakil Rakyat itu main-main sahaja, masa hendak pilihanraya baru hendak start kerja. Kita takut perkara ini berlaku, sebab itulah saya rasa perbelanjaan di bawah Kepala ini bukan harus digunakan di masa semacam ini, tetapi kalau dapat perbelanjaan ini digunakan oleh Wakil Rakyat Kerajaan, semasa wakil itu berkhidmat iaitu 4-5 tahun malah sepanjang masa, bukan hanya ketika kita memerlukan orang menyokong kita. Saya beri pandangan ini bukan kerana saya menentang 100% kerana kalau DAP pun berkuasa nanti kita tidak tahu, mungkin dia pun hendak lulus banyak lagi projek daripada apa yang diluluskan di masa kini. Kita tidak tahulah, ini Tuhan sahaja yang tahu, tetapi kalau tabiat seumpama ini dapat kita kurangkan, jangan diluluskan secara melulu dan mendadak, maka saya rasa demokrasi akan menjadi kenyataan di negara kita ini.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat minta bercakap di atas butir-butir, jangan dasar.

Tuan Haji Bujang bin Ulis: Ya, betul.

Tuan Pengerusi: Yang dicakapkan itu dasar.

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: Saya rasa itu sahajalah ucapan saya, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Baik, Yang Berhormat dari Kepong.

5.24 ptg.

Dr Tan Seng Giaw (Kepong): Tuan Pengerusi, saya suka menyentuh Maksud B.27 — Jabatan Perdana Menteri, iaitu Unit Penyelaras Perlaksanaan, Kertas Perintah 18.

Tuan Pengerusi, peruntukan tambahan pertama bagi tahun 1987 adalah sejumlah \$50 juta, manakala peruntukan asal merupakan \$130,229,500.

Semasa pembentangan Belanjawan 1987 dicatatkan dalam Belanjawan Persekutuan bahawa peruntukan bagi butiran ini dikurangkan sebanyak \$18,170,000 berbanding dengan tahun yang lepas.

Tuan Pengerusi, pada masa itu juga Kerajaan mengumumkan bahawa pengurangan setengah-setengah Perbelanjaan Mengurus adalah selaras dengan dasar Kerajaan untuk mengurangkan perbelanjaan sebagai kempen jimat-cermat, akan tetapi pada tahun ini nampaknya Kerajaan berkehendakkan tambahan yang jauh melebihi jumlah peruntukan yang dikurangkan itu kira-kira 2.75 kali ganda lebih besar. Apakah agaknya hakikat Kerajaan?

Tuan Pengerusi, faktor kedua adalah peruntukan tersebut dikatakan dikehendaki untuk membiayai projek-projek kecil, infrastruktur,

Kemudahan awam dan sosial serta keagamaan.

Pada tahun yang lepas tambahan pertama Perbelanjaan Mengurus tahun 1986 juga mencatatkan keperluan ini, akan tetapi pada masa itu jumlah tambahan yang dibuat adalah jauh lebih besar iaitu \$222,521,900 ataupun kira-kira 4,451.44 kali lebih besar dari tambahan pertama tahun ini. Adakah ianya benar bahawa dalam masa 8 bulan sahaja iaitu sejak pengumuman Belanjawan dalam bulan Oktober, wang \$222,521,900 telah hampir habis dibelanjakan bagaimanakah jumlah wang itu dipergunakan? Bagaimana pula wang \$50 juta ini akan dipergunakan ataupun telah dipergunakan? Mungkin sepertimana yang disebutkan oleh Yang Berhormat daripada bukit Mertajam bahawa ada diskriminasi-diskriminasi diadakan untuk projek-projek kecil yang tidak patut dilaksanakan, hanya dilaksanakan untuk kepentingan yang tertentu sahaja.

Saya berharap dengan perbelanjaan tambahan ini yang diminta dengan lebih banyak daripada yang dilaung-laungkan pada masa yang lalu, dengan adanya tambahan ini Kerajaan lain kali jangan memboroskan wang ini untuk kepentingan yang tertentu sahaja.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Seremban, selepas itu Yang Berhormat Menteri akan menjawab.

5.28 ptg.

Dr Chen Man Hin (Seremban): Tuan Pengerusi, saya mahu bercakap sedikit sahaja iaitu di bawah Maksud B. 7 dan P. 7. Di sini Kerajaan akan melabur berjuta-juta ringgit untuk memberi equity di dalam MISC.

Saya ingat ini satu kelakuan yang tidak sihat sebab Kerajaan ada mengatakan dia mahu menjalankan satu polisi menswastakan dan untuk

menggalak pelabur-pelabur dari swasta. Di sini tidak nampak Kerajaan mahu mengeluarkan peruntukan berjuta-juta seperti \$92 juta untuk membeli equity, lebih baik Kerajaan menggalak pelabur-pelabur dari luar negeri atau tempatan untuk melabur dalam MISC atau lain-lain projek, tetapi kalau kita mahu menggalakkan pelabur-pelabur daripada luar negeri, kita mesti mahu satu iklim pelaburan yang sihat. Saya mahu tunjuk satu perkara yang penting berkenaan dengan conflict of interest.

Tuan Pengerusi, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri selalu mendakwa bahawa beliau mahukan sebuah Kerajaan yang bersih, cekap dan amanah dan pemimpin patut memimpin melalui teladan yang baik. Saya bersetuju ini. Beliau juga mengatakan dalam Dewan ini bahawa semua Menteri mesti mengumumkan semua asset mereka dan patut menjauhkan diri dari semua aktiviti perniagaan. Ini adalah satu langkah untuk memastikan tidak wujudkan conflict kepentingan semasa Menteri-menteri menjalankan tugas mereka dan mereka patut menumpukan segala perhatian mereka kepada portfolio mereka.

Adalah dengan latarbelakang ini kita mesti periksa akuan Timbalan Perdana Menteri bahawa beliau mengakui masih memegang jawatan Pengerusi Kompleks Kewangan Malaysia Berhad. Beliau juga mendakwa bahawa tidak wujudnya konflik kepentingan kerana jawatan ini adalah jawatan non-executive, dengan izin. Non executive atau tidak sependapat

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, saya rasa yang itu adalah masuk dalam dasar, bukan di atas butir-butir yang dikehendaki di bawah Peraturan Mesyuarat 67(9).

Dr Chen Man Hin: Ikut investment.

Tuan Pengerusi: Tahu, tetapi Yang Berhormat berucap itu ialah di atas dasar, bukan di atas perbelanjaan.

Dr Chen Man Hin: Ya, ada sedikit-sedikit.

Tuan Pengerusi: Perkara Yang Berhormat kaitkan dengan perbelanjaan, saya akan benarkan.

Dr Chen Man Hin: Tuan Pengerusi, sebenarnya seorang Menteri patut meletakkan segala pelaburan dan aset beliau ke dalam blind trust di mana pelaburan dan aset diuruskan oleh wakil beliau dan beliau tidak melibatkan diri dalam segala urusan mengenai mereka. Timbalan Perdana Menteri patut adakan satu blind trust untuk segala aset dan perniagaan beliau dan biarkan dia diuruskan oleh wakil beliau.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, saya ingat cukuplah. Dengan kerana benda itu benda butir. Yang Berhormat Menteri menjawab.

5.32 ptg.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Dr Mohamad Yusof bin Haji Mohamed Nor): Tuan Pengerusi, merujuk kepada perkara Maksud B.7 ingin saya menjelaskan bahawa Kerajaan sangat cermat apabila membentangkan Anggaran dalam Dewan ini. Walaupun kita tahu bahawa negara kita ini sentiasa terdedah kepada beberapa keadaan cuaca yang buruk dan sebagainya, tetapi kita mahu tidak mahu terpaksa meneliti perkara-perkara yang dianggap penting sahaja. Dan bila kita meluluskan sesuatu Anggaran, kita telah mengambil kira juga bahawa beberapa bencana akan berlaku. Dan kerana itu tambahan sebanyak \$50 juta ini adalah merupakan tambahan yang sangat cermat dibuat oleh pihak Kerajaan dan ini adalah akibat daripada beberapa perkara yang terjadi dalam masyarakat kita yang melibatkan keperluan awam seperti

jalan-jalanraya ataupun bangunan-bangunan Kerajaan yang rosak akibat daripada keadaan semula jadi dalam negara kita. Sebab itulah Kerajaan tidak bertindak secara melulu kerana apa pun yang kita buat, adalah berasaskan kepada kehendak orang ramai yang telah memberikan sokongan kepada Kerajaan. Walaupun ada sungutan-sungutan kecil timbul dalam masyarakat, tetapi sungutan kecil itu adalah merupakan sungutan-sungutan yang bersifat tidak mewakili keseluruhan dan kerana itu Kerajaan memberi pertimbangan dan menjalankan projek berdasarkan kepada keperluan yang lebih mendesak dan dituntut oleh mereka yang lebih ramai dalam sesuatu kampung ataupun kawasan. Inilah satu keadilan yang dibuat dan patut dicontohi oleh sesiapa pun yang memerintah.

Merujuk kepada Perkara B.7, ingin saya menegaskan bahawa pemilihan kakitangan MISC dalam Pasukan Petugas adalah dibuat berdasarkan kepada pencapaian prestasi pegawai berkenaan di samping berasaskan kepada perakuan yang dibuat oleh Juruperunding. Langkah ini dibuat untuk mengurangkan kos perbelanjaan operasi MISC. Tidak semua pegawai dalam Pasukan Petugas diletak di bawah Pasukan Petugas terus-menerus sebagaimana sebahagian daripada sebenarnya telah diserapkan semula ke bahagian-bahagian lain di MISC. Pemilihan juruperunding bagi membuat kajian mengenai dengan penyusunan semula MISC adalah dibuat oleh Lembaga Pengarah MISC setelah menimbang dengan teliti berbagai-bagai aspek yang perlu.

Dari segi peluang kerja atau peluang kerjaya di MISC adalah sebenarnya terbuka untuk semua peringkat kakitangan sama ada tua atau muda. Walau bagaimanapun, pegawai-pegawai yang mempunyai

prestasi kerja yang baik mempunyai peluang yang lebih baik. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah \$50,000,000 untuk Maksud B.7 di bawah Jabatan Perdana Menteri jadi sebahagian daripada Jadual Kedua hendaklah disetujukan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Wang sebanyak \$50,000,000 untuk Maksud B.7 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual Kedua.

Tuan Pengerusi: Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak \$92,000,000 yang disebutkan dalam Maksud P.7 dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Pertama bagi tahun 1987 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Wang sebanyak \$92,000,000 untuk Maksud P.7 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil.1), 1987.

Maksud P.17 (Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 1) 1987)—

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, Kepala Pembangunan P.17 di bawah Kementerian Wilayah Persekutuan terbuka untuk dibahaskan. Ahli Yang Berhormat dari Sungai Besi.

5.36 ptg.

Tuan Tan Kok Wai (Sungai Besi): Tuan Pengerusi, saya merujuk kepada Maksud P.17, Butiran 02700 mengenai Projek-projek Agama di bawah Kementerian Wilayah Persekutuan.

Mengenai tambahan belanjawan yang dikehendaki untuk membayar kepada kerja-kerja pembaikan dan pembinaan masjid-masjid di beberapa

kawasan dalam Wilayah Persekutuan, saya ada sedikit pendapat yang saya harap dapat satu jawapan daripada Yang Berhormat Menteri iaitu bagi pihak rakyat jelata memanglah tidak ada apa-apa bantahan atas kerja-kerja atau dasar Kerajaan untuk membina atau membaiki masjid-masjid sebab rakyat Malaysia pun setuju agama Islam ini adalah agama kebangsaan dan ini adalah sempena dengan Semangat Perlembagaan negara. Tetapi memandangkan Perlembagaan Negara juga memberi peruntukan kepada agama-agama yang lain seperti Kristian, Buddhism dan Hinduism dan sebagainya, saya ingin mengambil kesempatan ini menyeru kepada Kerajaan supaya satu dasar yang liberal dapat dilaksanakan di mana kaum-kaum yang bukan Islam dapat dibantu oleh Kerajaan dengan konteks agama. Saya membangkitkan perkara ini sebab dalam kawasan saya dan kawasan-kawasan rakan saya di Wilayah Persekutuan, ada banyak to'kong-to'kong Cina, kuil-kuil Hindu atau gereja sentiasa menghadapi masalah atas tindakan penguatkuasaan.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, saya minta maaf. Yang Berhormat bercakap di atas dasar itu.

Tuan Tan Kok Wai: Sebab ini adalah kena-mengena mengenai perbelanjaan

Tuan Pengerusi: Ya, tetapi Yang Berhormat boleh bercakap di atas perbelanjaan yang ditentukan sahaja, di atas apa-apa yang telah pun dibelanjakan.

Tuan Tan Kok Wai: Ya, sebab saya berbanding

Tuan Pengerusi: Jikalau sekiranya Yang Berhormat bercakap perkara-perkara yang lain yang patut dibuat, itu dasar.

Tuan Tan Kok Wai: Saya berbanding ini to'kong Cina, kuil Hindu atau gereja dengan masjid.

Tuan Pengerusi: Itulah dasar.

Tuan Tan Kok Wai: Ya.

Tuan Pengerusi: Jikalau sekiranya Yang Berhormat bercakap di atas dasar yang macam itu, adalah bercanggah dengan Peraturan Mesyuarat.

Tuan Tan Kok Wai: Okay, saya harap peruntukan juga akan diberikan kepada tempat-tempat agama yang bukan Islam supaya semangat Perlembagaan Negara ini dapat wujudkan. Dan saya juga menyeru Kerajaan supaya membenarkan apa-apa tempat-tempat agama di mana yang dipohon oleh kaum yang bukan Islam dapat dibenarkan atau diluluskan seperti permohonan membina to'kong, gereja atau kuil, sebab to'kong-to'kong dan kuil itu sentiasa ada menghadapi masalah penguatkuasaan pihak berkuasa tempatan.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, Yang Berhormat berucap di atas dasar itu. Saya telah beritahu tadi—bukanlah saya menegah.

Tuan Tan Kok Wai: Ada kena-mengena sebab

Dr Chen Man Hin: Projek-projek Agama.

Tuan Pengerusi: Ialah tetapi bercakap di atas dasar-dasar di atas benda-benda yang patut.

Tuan Tan Kok Wai: Tuan Pengerusi, saya minta peruntukan sahaja. Peruntukan kepada tempat-tempat agama yang bukan Islam.

Tuan Pengerusi: Jikalau meminta peruntukan itu tidak boleh kerana kita hanya dibenarkan bercakap di atas peruntukan-peruntukan yang telah pun diberi.

Tuan Tan Kok Wai: Saya menyeru peruntukan-peruntukan yang akan diberi.

Tuan Pengerusi: Itu tidak boleh.

Tuan Tan Kok Wai: Yang akan diberi.

Tuan Pengerusi: Saya minta Yang Berhormat duduklah. Ya.

5.41 ptg.

Tuan Haji Abdul Razak bin Abu Samah (Lembah Pantai): Tuan Pengerusi, saya bangun untuk berucap di atas Maksud P.17 Kementerian Wilayah Persekutuan. Butiran projek 07200 Projek-projek Agama yang mana tambahan sebanyak \$2,415,000 adalah dikehendaki menjelaskan bayaran kerja-kerja pembaikan dan pembinaan masjid di beberapa kawasan dalam Wilayah Persekutuan. Dalam soal ini saya mengucapkan ribuan terima kasih di atas usaha Kerajaan bagi meninggikan agama Islam, khasnya di Wilayah Persekutuan ini, yang mana agama Islam ini adalah agama rasmi yang telah pun termaktub dalam Perlembagaan negara kita.

Dan dalam keadaan ini juga saya rasa kaum-kaum lain sepatutnya juga mengucapkan terima kasih di atas usaha Kerajaan ini dengan adanya masjid dan seterusnya tempat sembahyang dan seterusnya akan dapat diperbaiki akhlak khasnya jenerasi muda di masa yang akan datang. Dalam soal yang lain izinkan saya untuk mencelah sedikit di atas ucapan Yang Berhormat dari Sungai Besi tadi. Sebenarnya saya di Wilayah Persekutuan mewakili Lembah Pantai. Apa yang saya tahu dalam majlis projek-projek agama ini tidak memilih agama dan sebagainya. Ada juga saya untuk menjelaskan sedikit di kawasan saya banyak kuil-kuil India, kuil Cina

pun ada kita beri, dengan pembiayaan-pembiayaannya. Oleh itu rasa saya dalam soal ini tidak perlu dibangkitkan kemungkinan Wakil Yang Berhormat itu rasa saya tidak meminta kepada pihak Kerajaan. Saya minta izin untuk menjelaskan sedikit Tuan Pengerusi.

Selain daripada itu, saya mengharapkan projek-projek pembinaan masjid-masjid ini untuk dibayar oleh kerana saya dapat tahu banyak lagi sungguhpun ini telah diperuntukkan banyak kontrak-kontrak yang telah membina masjid-masjid yang saya sebutkan tadi, masih lagi belum dapat kewangan.

Oleh itu, dalam Dewan yang mulia ini saya mengharapkan setelah diluluskan supaya dapat dijelaskan seberapa segera yang boleh kepada pembina-pembina kerana mereka ini berkehendakkan kewangan, wang mereka kerana keadaan kemelesetan sekarang ini.

Oleh itu, dengan ini saya menyokong di atas peruntukan yang disediakan ini.

Tuan Pengerusi: Ahli Yang Berhormat dari Sungai Petani. Selepas itu Yang Berhormat Menteri akan menjawab.

5.43 ptg.

Tuan Haji Abdul Manaf bin Haji Ahmad (Sungai Petani): Tuan Pengerusi, saya mengucapkan terima kasih kerana dapat peluang untuk membincangkan Maksud P.17 mengenai Projek-projek Agama.

Saya merakamkan ucapan setinggi-tinggi terima kasih kepada Kementerian yang telah berusaha sungguh-sungguh bagi meninggikan syiar Islam di negara kita ini. Syiar yang paling utama sekali ialah wujudnya masjid-masjid. Kita tahu bahawa di Wilayah Persekutuan ini telah ada beberapa banyak projek-projek perumahan dan tiap-tiap

projek perumahan itu perlulah ada sebuah masjid kerana ramai penduduk-penduduk Islam bagi kawasan perumahan berkenaan kerana umat Islam diwajibkan sembahyang Jumaat tiap-tiap seminggu sekali iaitu pada hari Jumaat.

Jadi dengan adanya masjid yang didirikan di kawasan-kawasan perumahan itu dapatlah umat Islam menunaikan tanggungjawabnya kepada Allah s.w.t.

Dengan ini lagi sekali saya merakamkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Kerajaan. Jelaslah bahawa peruntukan-peruntukan ini juga digunakan untuk memperbaiki dan menghiaskan masjid-masjid yang telah usang, masjid-masjid yang lama tertinggal atau lama tidak diperbaiki. Kita sedar bahawa ramai orang-orang daripada luar negeri datang ke negara kita, terutamanya orang-orang Islam atau orang-orang bukan Islam pun ada melawat ke tempat atau melawat kepada masjid-masjid ini maka tentulah tidak manis, tentulah tidak molek sekiranya masjid-masjid itu tidak dijagai dengan sebaik-baiknya. Dengan itu masjid-masjid yang lama perlulah dijagai dan perlulah dihiaskan dengan sempurnanya.

Dengan ini, saya menyokong peruntukan tambahan 1986.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Menteri menjawab.

5.46 ptg.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Dr Mohamed Yusof bin Haji Mohamed Nor): Tuan Pengerusi, saya ingin menegaskan iaitu kalau kita menilai betapa mahalnnya keamanan, kesejahteraan, kedamaian dan juga harmoni, maka sudah tentu kita akan melihat angka ini dirasakan begitu kecil kerana keamanan, kedamaian tidak dapat dibeli. Maka sebab itulah bila kita terpaksa menambah

peruntukan sebanyak \$2,415,000 kita sedar bahawa angka ini terlalu kecil. Walaupun demikian, memandangkan kepada keadaan ekonomi, kita mampu membayar dan memberikan serta menimbangkan tambahan sebanyak ini sahaja.

Tambahan ini dibuat untuk menampung keperluan pembinaan Masjid Bandar Tun Razak, Cheras, Masjid Taman Sri Rampai, Setapak, Masjid Sungai Penchala, Masjid Bukit Damansara dan Masjid Jamek Bandar. Kesemuanya ini adalah projek-projek yang merupakan sebahagian sahaja daripada yang diperlukan oleh masyarakat Islam yang memerlukan kepada kedamaian dan kedamaian itu sebenarnya akan dinikmati oleh kaum-kaum lain juga.

Kerajaan sedar bahawa tanpa memberikan kemudahan seperti ini keadaan dalam kota ini akan menjadi tergugat kalau sekiranya tidak dilayan kehendak kumpulan yang mahu membuat kebaikan semaksimanya. Keperluan tambahan peruntukan yang tersebut itu adalah disebabkan oleh kelewatan pelaksanaan projek-projek tersebut dan kelewatan tuntutan bayaran yang dikemukakan oleh kontraktor yang berkenaan yang terpaksa dibayar dalam tahun 1987 dahulu. Jadi persoalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat tadi, saya fikir akan dapat kita atasi iaitu bayaran-bayaran yang belum dibayar. Dengan adanya tambahan ini maka perkara itu tidak berbangkit lagi.

Kerja-kerja pembinaan masjid Sungai Penchala dan masjid Taman Sri Rampai, Setapak telah lewat dimulakan. Pembinaan Masjid Tun Razak pula telah terhenti kerana berlaku kematian kontraktor pembinaan masjid ini dan terpaksa dibuat tawaran kontrak semula. Di samping itu terdapat bayaran akhir ke atas projek-projek yang disiapkan di bawah Rancangan Malaysia Keempat

terpaksa dibayar di bawah Rancangan Malaysia Kelima kerana tuntutan bayaran akhir hanya dapat disiapkan dalam tahun 1986. Sementara itu bayaran akhir bagi pembinaan masjid Bukit Damansara akan dibuat dalam tahun ini, tahun 1987. Sekian.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah \$50,000,000 untuk Maksud B.7 di bawah Jabatan Perdana Menteri jadi sebahagian daripada Jadual Kedua hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$50,000,000 untuk Maksud B.7 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual Kedua.

Tuan Pengerusi: Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak \$92,000,000 yang disebutkan dalam Maksud P.7 dan \$2,415,000 dalam Maksud P.17 dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Pertama bagi tahun 1987 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$92,000,000 untuk Maksud P.7 dan \$2,415,000 untuk Maksud P.17 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil 1), 1987.

Maksud P.19 (Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 1) 1987)—

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, Kepala Pembangunan P.19 di bawah Kementerian Pertanian terbuka untuk dibahas.

(Tiada perbahasan)

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak \$2,998,000 yang disebutkan dalam Maksud P.19 dalam Anggaran Pembangunan

Tambahan Pertama bagi tahun 1987 di bawah Kementerian Pertanian hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Wang sebanyak \$2,998,000 untuk Maksud P.19 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 1), 1987.

Maksud P.25 (Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 3) 1986)—

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, Kepala Pembangunan P.25 di bawah Kementerian Pertahanan terbuka untuk dibahas.

(Tiada perbahasan)

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak \$1,700,000 yang disebut dalam Maksud P.25 dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Ketiga bagi tahun 1986 di bawah Kementerian Pertahanan hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Wang sebanyak \$1,700,000 untuk Maksud P.25 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 3) 1986.

Maksud B.27 (Jadual Pertama)—

Maksud P.27 (Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 1) 1987)—

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, Kepala Bekalan B.27 dan P.27 di bawah Kementerian Luar Negeri terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat dari Kepong.

5.51 ptg.

Dr Tan Seng Giaw (Kepong): Tuan Pengerusi, saya ingin sentuh Kertas Perintah 17, Maksud B.27

Kementerian Luar Negeri, Butiran 2, Politik dan Penerangan, Aktiviti 2.1, Politik—Perkhidmatan dan Bekalan dan juga Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap.

Tuan Pengerusi, aktiviti ini menerima bahagian pertambahan peruntukan yang besar sekali di antara ketiga-tiga aktiviti yang lain. Jika ditinjaukan tujuan-tujuan aktiviti ini seperti yang dihuraikan di dalam Belanjawan Program dan Prestasi 1986, satu daripada tugasnya yang penting ialah berupa pemupukan kerjasama politik dan keselamatan dengan negara-negara serantau Asia Tenggara.

Dalam Persidangan Ekonomi ASEAN yang pertama pada bulan Mac yang lalu, para teknokrat dan bijakpandai ASEAN mengatakan kekurangan azam politik telah menghalang penyatuan ekonomi. Contohnya pertikaian di antara Malaysia dengan Singapura beberapa bulan yang lalu mengenai masalah halangan-halangan bukan tariff menunjukkan dengan jelas sekali kekurangan persefahaman dan tolak ansur di antara kedua-dua belah pihak Kerajaan.

Tuan Pengerusi, oleh yang demikian, Kerajaan mesti mengesyorkan bahawa peruntukan perkhidmatan dan bekalan yang kian bertambah dari \$43,064,300 dalam tahun 1985 ke \$48,278,500 bagi tahun 1986 dipergunakan dengan berkesannya untuk merapatkan lagi perhubungan politik agar pencapaian kerjasama ekonomi yang segagah Pasaran Bersama Eropah (EEC) dapat dilaksanakan iaitu satu pasaran bersama (common market) untuk ASEAN, yang penting untuk mengelakkan segala persaingan di antara satu dengan yang lain terutamanya di antara Thailand, Malaysia dan Indonesia yang mengeluarkan komoditi yang hampir sama dan yang hebat sekiranya, Tuan

Pengerusi, ialah di antara Indonesia dengan Malaysia mengenai minyak kelapa sawit. Sebab itulah saya harap dengan peruntukan tambahan ini, perkara ini dapat diselesaikan pada masa hadapan.

Tuan Pengerusi, di samping ini didapati pemberian dan kenaan bayaran tetap telah bertambah sebanyak \$300,000 sedangkan dalam Belanjawan 1986 peruntukan tersebut dikurangkan sebanyak \$45,500. Nampaknya pertambahan ketiga 1986 ini telah menghampakan segala hasrat Kerajaan untuk mengurangkan lagi perbelanjaan. Badan-badan yang manakah yang menerima peruntukan tambahan ini? Apakah hakikat dari kesan kesusutan nilai ringgit berbanding dengan mata wang asing ke atas keperluan kewangan aktiviti ini?

Tuan Pengerusi, mengenai Ekonomi ASEAN Butiran 400—Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap, peruntukan semasa pembentangan Belanjawan 1986 adalah \$1,971,600 atau tambahan sebanyak \$117,400. Dengan tambahan ketiga ini maka jumlah keseluruhannya adalah \$2,071,600 ataupun tambahan sebanyak \$217,800. Seperti yang dikatakan dalam perbincangan aktiviti-aktiviti politik Kementerian Luar tadi, perhubungan ekonomi di antara negara-negara ASEAN amat tidak menggalakkan. Perdagangan di antara negara-negara ASEAN masihlah kecil berbanding dengan perdagangan ASEAN dengan negara-negara asing. Misalnya peratusan perdagangan eksport di antara negara-negara ASEAN termasuk Singapura berkisar di antara 24% dalam tahun 1983 dan 15.5% dalam tahun 1984 berbanding dengan perdagangan negara-negara ahli secara individu dengan negara-negara asing.

Tuan Pengerusi, dalam tahun 1985 perdagangan eksport intra-ASEAN hanyalah sekadar 18.2% dari jumlah besar eksport ASEAN atau US\$12,980 juta. Begitu juga dengan perdagangan import di antara negara-negara ASEAN yang berada dalam lingkungan 21.3% untuk tahun 1983 dan 13.2% bagi tahun 1985. Dari jumlah keseluruhan perdagangan import ASEAN pada tahun 1985, perdagangan import ASEAN termasuk Singapura hanya 18.8% dari jumlah besar import ASEAN atau US\$12,143 juta.

Tuan Pengerusi, sebenarnya dengan adanya peruntukan tambahan ini, kita seharusnya menambahkan usaha untuk rantau ASEAN yang mempunyai kira-kira 300,000,000 juta orang penduduk yang merupakan satu pasaran yang amat menarik perhatian para pelabur. Akan tetapi malang sekali kerjasama di antara negara-negara ASEAN lebih tertumpu kepada bidang perindustrian berat seperti kilang palpa dan kertas, gas, baja urea dan lain-lain lagi.

Perjanjian ekonomi yang sedia ada tidak dilaksanakan dengan seikhlas-ikhlasnya. Contohnya didapati bahawa senarai Perjanjian Perdagangan Keutamaan ASEAN (PTA) menawarkan barangan yang tidak mustahak atau dipelbagaikan satu jenis barang dan ditawarkan setiap satu sebagai satu komoditi utama keutamaan tariff. Sebaliknya kita sering bersaing dalam pasaran barangan bersama seperti getah, minyak kelapa sawit dan timah semasa sendiri. Negara-negara Indonesia, Thailand dan Malaysia sama-sama bertanding untuk menguasai bahagian pasaran getah, timah dan minyak kelapa sawit di pasaran antarabangsa. Cadangan untuk menubuhkan satu pasaran bersama (common market) di antara ASEAN ditolak sama sekali oleh Brunei dan Indonesia.

bertambah lagi. Jadi, barangkali betul juga oleh sebab kita bersaing di antara kita sama kita. Ini saya tidak nafikan kerana komoditi-komoditi yang kita keluarkan boleh dikatakan sama. Kita mengeluarkan timah, kita juga mengeluarkan minyak kelapa sawit, kita juga mengeluarkan petroleum dan boleh dikatakan tiga empat negara yang mengeluarkan sama bahan-bahan mentah seperti Malaysia. Ini adalah persaingan sungguhpun kita ada dasar-dasar supaya di Asia Tenggara ini khususnya ASEAN mencapai satu matlamat iaitu Common Market, ini mungkin mengambil masa bahkan saya rasa EEC pun mengambil masa begitu lama untuk mencapai keadaan yang ada sekarang ini.

Dr Tan Seng Giaw: Minta jalan.

Tuan Pengerusi: Ya, minta jalan. Hendak bagi atau tidak?

Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-Haj: Tidak payahlah.

Tuan Pengerusi: Tidak payah.

Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-Haj: Saya hendak habiskan cepat.

Tuan Pengerusi: Jika sampai 6.30, besok Yang Berhormat kena sambung.

Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-Haj: Saya rasa 5 minit saya boleh habiskan kalau tidak ada gangguan (*Ketawa*). Saya tidak menafikan hal ini akan mengambil masa iaitu ada kesulitan-kesulitan yang tertentu maka sebab itulah saya rasa kita mesti sabar. Perkara ini akan mengambil masa kerana sungguhpun kita ada dasar berkenaan atas nama ASEAN tetapi, Tuan Pengerusi, ada national interest. Itulah sebabnya tekanan-tekanan ini dan sekiranya boleh national interest tiap-tiap satu negara ini memberi kepada regional interest ataupun kepentingan wilayah dan sebagainya. Jadi secara ringkas, Tuan

Pengerusi, saya suka lah mengatakan perkara ini disedari oleh Menteri-menteri Luar Negeri sama juga Menteri-menteri Ekonomi ASEAN untuk mengatasi kesulitan supaya menambahkan lagi inter ASEAN perdagangan. Dari segi politik pula sepertimana disebutkan ini tentu kita perlu menekankan lagi khususnya pemimpin-pemimpin dalam ASEAN untuk memberi banyak "goodwill" untuk mengatasi kesulitan supaya menambahkan lagi perdagangan inter ASEAN. Itulah sahaja, sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah \$2,000,000 untuk Maksud B.27 di bawah Kementerian Luar Negeri jadi sebahagian daripada Jadual Pertama hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$2,000,000 untuk Maksud B.27 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual Pertama.

Tuan Pengerusi: Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak \$5,893,800 yang disebutkan dalam Maksud P.27 dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Pertama bagi tahun 1987 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$5,893,800 untuk Maksud P.27 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 1) 1987.

Maksud P.28 (Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 1) 1987)—

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, Kepala Pembangunan P.28 di bawah Kementerian Kewangan terbuka untuk dibahas.

6.29 ptg.

Tuan Sim Kwang Yang (Bandar Kuching): (*Bangun*)

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, seminit lagi. Besok boleh sambung ya!

Tuan Sim Kwang Yang: Ya, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Boleh seminit sahaja lagi.

Tuan Sim Kwang Yang: Tuan Pengerusi, di bawah Maksud P.28 tambahan sebanyak \$80 juta adalah dikehendaki sebagai pinjaman kepada Sabah Energy Corporation bagi menampung keperluan kewangan Perbadanan ini untuk membiayai projek "Sabah Gas Utilisation". Dewan ini adalah diminta meluluskan peruntukan tambahan sebanyak \$80 juta ini dan telah didahulukan daripada Simpanan Luar Jangka dan meminda jumlah anggaran harga projek ini dari \$194 juta kepada dua kali ganda iaitu \$370 juta.

Tuan Pengerusi, baru-baru ini ketika Menteri Kewangan melawat negeri Sabah untuk berjumpa dengan Ketua Menteri Negeri Sabah, Datuk Pairin Kitingan

Tuan Pengerusi: Ya, saya ingat sambung esoklah.

Tuan Sim Kwang Yang: Terima kasih.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

USUL

PENANGGUHAN MESYUARAT

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Dr Mohamad Yusof bin Haji Mohamed Nor): Tuan Yang di-Pertua.

Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 16 (3), saya mencadangkan

iaitu Majlis Mesyuarat ini ditangguhkan sekarang.

Timbalan Menteri Kesihatan (Dato' K. Pathmanaban): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

UCAPAN-UCAPAN PENANGGUHAN

KOPERASI PENGAMBILAN DEPOSIT YANG DIBEKUKAN

6.30 ptg.

Tuan Lim Guan Eng (Kota Melaka): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyuarakan kesusahan, penderitaan-penderitaan dan kesulitan-kesulitan 588,000 pendeposit yang tidak bersalah dan juga tidak mempunyai sesiapa pun untuk membela mereka kerana telah ditipu oleh orang-orang yang zalim yang memegang jawatan yang tinggi dalam MCA, UMNO dan Gerakan.

Tetapi sebelum saya berbuat demikian, saya ingin menarik perhatian Dewan yang mulia ini akan seorang pengarah Koperasi Serbaguna Kosmopolitan Bhd., Lee Ing Chee yang telah menghilangkan diri dipercayai telah lari ke Taiwan. Berita yang amat mengejutkan ini juga telah menjadi berita muka depan akhbar *China Press* pagi ini, menunjukkan betapa lalai, tidak cekap, tidak bertanggungjawab dan tidak professional pihak Bank Negara telah membenarkan perkara yang sungguh memalukan ini berlaku.

Pelepasan diri sedemikian juga menunjukkan betapa serius pihak Bank Negara dalam memastikan bahawa jenayah tidak membawa hasil (crime does not pay) bagi jenayah pengarah-pengarah KPD. Oleh kerana Lee Ing Chee adalah salah seorang dari pengarah-pengarah yang mana assetnya pada asalnya telah dibekukan dan dirampas oleh Bank Negara. Tetapi padahal, Bank Negara pasti mempunyai sesuatu moral

tertentu yang logik yang, dengan izin, perverse menarik balik pembekuan ini dan membenarkan beliau melarikan diri ke Hong Kong dan kemudian ke Taiwan bersama dengan semua hasil-hasil yang didapati secara haram sebegini.

Saya ingin bertanya, siapakah yang menarik balik pembekuan ke atas asset-asset dan penahanan passport-passport pengarah-pengarah KPD ini, pertamanya Lee Ing Chee. Adakah Bank Negara akan menerima tanggungjawab bagi sebarang kemungkinan yang akan timbul oleh kerana tindakan-tindakan mereka khususnya mereka yang didakwa di mahkamah dan asset-asset mereka yang masih tidak dibekukan supaya mereka ini mempunyai masa untuk memindahkan semua hasil-hasil yang didapati secara haram ini ke luar negeri. Akhirnya, pendeposit-pendeposit yang tidak bersalah ini juga akan menderita kerana tidak akan mendapat kembali sekurang-kurangnya sebahagian dari wang-wang mereka dari penjenayah-penjenayah pengarah KPD, bukan Bank Negara yang akan menderita. Ini bukanlah insiden pertama yang menunjukkan sikap tidak professional, kelalaian, ketidakcekan dan sikap tidak bertanggungjawab pihak Bank Negara dalam menyelesaikan skandal KPD ini.

Sebagai contoh, dalam Laporan Kertas Putih terdapat 13 buah KPD telah disenaraikan di mana kelakuan atau tingkah laku pengarah-pengarah menunjukkan ada terdapat penyelewengan, penipuan dan per-canggahan kepentingan (conflict of interest). Pada hal tidak semua asset Pengarah-pengarah yang terlibat dibekukan atau passport mereka ditahan. Setengah-setengahnya seperti bekas Ketua Pemuda M.C.A., Kee Yong Wee, telah ditarik balik pembekuan ke atas assetnya.

Sementara bekas Timbalan Menteri, Dato' Dr Tan Tiong Hong, asetnya tidak pernah dibekukan.

Saya ingin bertanya Bank Negara mengapa ianya telah gagal untuk menggunakan kuasanya di bawah Peraturan-peraturan Perlu (Perlindungan Pendeposit), 1986 bagi membekukan asset pengarah-pengarah 13 buah KPD yang disebutkan di dalam Kertas Putih dan juga merampas asset-asset mereka yang didapati bersalah kerana menyeleweng wang pendeposit-pendeposit. Adakah ini kerana di kalangan pengarah-pengarah ini terdapat personaliti-personaliti yang berpengaruh dari MCA, Gerakan dan juga UMNO?

Di sini saya hendak mengutuk kegagalan pihak polis membawa penjenayah-penjenayah KPD ini ke hadapan mahkamah. Dari 13 buah KPD yang disebutkan dalam Laporan Putih di mana tingkah laku pengarah-pengarah disyaki melakukan kesalahan-kesalahan jenayah, hanya pengarah-pengarah dari 7 buah KPD sahaja didakwa, terutamanya FORTISS, KOSATU, SAKAPP, MIFC, KOMUDA, SEPADU dan KLK. Bagaimanakah dengan 6 buah KPD yang lain seperti Gunung Emas, ENE, KOSMOPOLITAN, SAKTHI JAYA, KORAKYAT dan KOTEKSI?

Saya ingin menanya Ketua Peguam Negara mengapa setakat ini tidak ada sebarang tindakan telah diambil terhadap KOSMOPOLITAN memandangkan bahawa tiga aduan polis telah dilaporkan oleh pendeposit-pendeposit dan ahli-ahli pada bulan April tahun ini. Adakah kerana Pengerusi KPD KOSMOPOLITAN adalah Ahli Parlimen UMNO, Yang Berhormat dari Lembah Pantai dan senarai peminjam-peminjamnya terdiri dari

Yang Berhormat Batu Berendam dan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri sendiri.

Adakah ini juga sebab utama mengapa Gabenor Bank Negara, Datuk Jaffar Hussein tidak dapat menunaikan janjinya mengumumkan senarai peminjam-peminjam besar KPD dengan sepenuhnya agar tidak dapat memalukan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri. Dan juga untuk memetik kenyataan dari Bank Negara—Laporan Bank Negara tahun ini, mereka dengan izin, “with simian delights in taking for themselves the bananas under their charge.” Adakah juga terdapat monyet-monyet tersebut dalam Dewan yang mulia ini selain daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Yang Berhormat dari Lembah Pantai dan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri.

Pinjaman yang diperolehi oleh Timbalan Perdana Menteri itu juga menimbulkan persoalan-persoalan mengenai kewajaran dan kemungkinan berlakunya percanggahan kepentingan berkaitan dengan tugasnya sebagai Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar yang mana Kementerian tersebut menyelia KPD-KPD, khasnya memandangkan jaminan yang diberikannya dalam bulan Jun 1986 bahawa KPD-KPD adalah selamat.

Oleh hal yang demikian, walaupun tidak boleh dinafikan bahawa pemimpin-pemimpin MCAlah yang bertanggungjawab terhadap skandal tersebut seperti yang saya sebutkan tadi, UMNO juga tidak terlepas daripada tanggungjawab sepenuhnya kerana penglibatan Ahli-ahli dari Lembah Pantai, Batu Berendam, malah Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri sendiri. Ini jelas menunjukkan bahawa UMNO adalah terikat dari segi moral untuk berjuang untuk mendapatkan

pemulangan wang yang penuh untuk para pendeposit.

Saya berasa keciwa dengan sikap yang diambil oleh Menteri-menteri UMNO dan MCA bahawa para pendeposit hendaklah bersabar. Adalah sangat mudah bagi Menteri-menteri ini, di dalam bilik hawa dingin dan menaiki kereta yang berdrebar menyatakan demikian apabila wang-wang mereka tidak disimpan dalam KPD. Pendeposit-pendeposit yang sudah gering dan penat mendengar nasihat-nasihat tersebut, yang sama sejak sepuluh bulan yang lalu dan mereka tidak akan berdiam diri lagi dan bertolak ansur jika bayaran kedua sekurang-kurangnya 25% tidak dibayar dengan segera. Adakah pendeposit-pendeposit ini dikehendaki.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, masa untuk hendak memberi Ucapan Tangguhan 7½ minit sahaja. Yang Berhormat sudah habis 7½ ini.

Tuan Lim Guan Eng: Satu minit sahaja untuk menggulung.

Tuan Yang di-Pertua: minta kebenaran dahulu.

Tuan Lim Guan Eng: Ya, saya minta kebenaran.

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah.

Tuan Lim Guan Eng: Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua, pendeposit-pendeposit mahu bayaran balik 100% wang tunai dan tidak akan menerima sebarang skim yang lain termasuk cadangan 50% tunai dan 50% ekuiti seperti yang dinyatakan oleh pihak-pihak tertentu.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya apakah skim perangkaan kewangan yang ada pada 10 KPD yang telah diistiharkan supaya membolehkan dan memastikan satu

pembayaran balik yang penuh, khususnya apabila pendeposit-pendeposit boleh mengharapkan pembayaran balik yang kedua.

Saya juga berharap Yang Berhormat Menteri Kewangan boleh memberi satu penjelasan, apakah nilai asset bersih KPD-KPD tersebut kerana menurut Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertanian nilainya telah merosot dari \$880 juta kepada \$300 juta. Saya ingin juga tahu mengenai Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertanian sama ada beliau sendiri telah membayar balik wang pinjaman \$4 juta dari SEPADU.

6.38 ptg.

Timbalan Menteri Kewangan (Tuan Mohamed Farid bin Ariffin): Tuan Yang di-Pertua, penyiasatan ke atas hal ehwal 24 Koperasi Pengambilan Deposit (KPD) di bawah Peraturan-peraturan Perlu (Perlindungan Pendeposit), 1986 dilakukan oleh Bank Negara (BN) dalam bulan Julai dan Ogos, 1986.

Peraturan-peraturan Perlu itu berkuatkuasa pada 23hb Julai, 1986. Perkara-perkara ini telah pun saya sebut semasa saya menjawab soalan Yang Berhormat dahulu.

Daripada penyiasatan yang dijalankan oleh Bank Negara adalah didapati kedudukan kewangan KPD adalah tenat sekali. Kebanyakan mereka mengalami masalah kewangan dengan modalnya adalah negatif lebih daripada \$630 juta. Kepada KPD juga tidak mempunyai mudahtunai ataupun cashflow dan tidak berupaya memenuhi tanggungan untuk membayar deposit yang dikeluarkan.

Di samping itu KPD juga mengalami masalah pengurusan yang lemah dan tidak jujur seperti pelaburan yang berlebihan dalam tanah dan hartabenda, kurangnya kawalan ke atas subsidiaries yang mengalami kerugian, pemberian

pinjaman yang tidak berhati-hati kepada pengarah-pengarah dan pihak-pihak yang mempunyai kepentingan, penipuan dalam penggunaan dan sebagainya, pecah amanah dan banyak perkara berhubung dengan percanggahan kepentingan, the conflict of interest, dengan izin.

Hasil siasatan ini terkandung dalam Kertas Putih yang telah dibentangkan dalam Dewan Parlimen pada tahun lepas. Kes-kes pecah amanah dan penipuan yang dikesan oleh Bank Negara telah dirujuk kepada pihak Polis termasuk kes yang telah dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka tadi.

Untuk siasatan lanjut, sehingga hari ini 20 pegawai, pengarah KPD telah didakwa atas berbagai kesalahan. Salah seorang daripada mereka telah melakukan kesalahan pecah amanah dan sekarang menjalani hukuman penjara selama 12 tahun.

Tuan Lim Guan Eng: (Bangun)

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka bangun hendak apa? Minta penjelasan?

Tuan Mohamed Farid bin Ariffin: Tuan Yang di-Pertua, benarkan saya teruskan dahulu.

Tuan Yang di-Pertua: Kalau teruskan dahulu tak boleh beri penjelasan kemudian, sudah terlajak tak boleh patah balik, hendak beri jalan atau tidak sekarang?

Tuan Mohamed Farid bin Ariffin: Tuan Yang di-Pertua, tidak.

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah, teruskan.

Tuan Mohamed Farid bin Ariffin: Tuan Yang di-Pertua, seorang dilepaskan dan yang lain akan dibicarakan. Sementara pihak Polis menjalankan siasatan lanjut ke atas

pengarah-pengarah atau pegawai-pegawai KPD yang lain yang melakukan berbagai kesalahan, pihak Kerajaan dipertanggungjawabkan untuk merangka rancangan penyelamat bagi membolehkan KPD membayar balik seberapa banyak yang boleh deposit kepada pendeposit-pendeposit daripada aset KPD yang berkenaan.

Dan untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, rancangan penyelamat ini akan diumumkan oleh Bank Negara pada hari ini dan mengenai tuduhan-tuduhan yang lain yang telah pun dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat tadi, saya memberi jaminan di sini kita akan mengambil perhatian dan juga memberikan maklumat lanjut sebab saya tidak ada maklumat-maklumat lanjut di sini terutama berkenaan dengan tuduhan individu-individu yang berkenaan yang telah disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat tadi.

Jadi kalau diberi masa, saya akan memberikan jawapan yang lebih lanjut kepada tuduhan-tuduhan tadi oleh Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka dalam sedikit masa lagi. Sebab tuduhan-tuduhan itu agak berat juga dan oleh kerana itu, maka saya perlukan masa untuk mendapat jawapan-jawapan lanjut daripada pihak-pihak berkenaan terutama daripada pihak Polis dan juga daripada pihak yang telah menyiasat soal-soal yang telah dibangkitkan tadi. Sekian.

ISU MEMALI

6.43 ptg.

Tuan Haji Abdullah bin Arshad (Pengkalan Chepa): Tuan Yang di-Pertua, peristiwa berdarah dan pembunuhan beramai-ramai di kampung Memali terus mengelirukan dan hingga ini belum dapat diselesaikan. Ia adalah kejadian paling kejam pernah terjadi di negara ini

sepanjang berkaitan dengan hubungan antara rakyat dan Kerajaan.

Tidak pernah berlaku dalam sejarah negara ini, sebelum dan selepas merdeka, Kerajaan bertindak mengepung kampung dan membunuh beramai-ramai rakyat yang tidak dapat mempertahankan diri mereka dari serangan segagah itu dari Kerajaan.

Tindakan Kerajaan ke atas penduduk Memali, tidak pernah dibuat kajian yang teliti dan diragui ia dibuat atas kehendak undang-undang. Menteri Dalam Negeri ketika itu bertindak hanya berdasarkan desakan-desakan melulu daripada Bahagian-bahagian UMNO mengikut pertimbangan politik dan sentimen kepartian yang melampau dan kegila-gilaan. Kenyataan akhbar Menteri itu yang hanya sempat diterbitkan dalam edisi Utara, pernah menyebutkan bahawa beliau telah dua kali didesak oleh dua Perhimpunan Agung UMNO supaya bertindak.

Keterangan bekas Timbalan Menteri Dalam Negeri menjelang pemilihan pimpinan UMNO baru-baru ini menyebut desakan dari pimpinan UMNO Bahagian Baling dan beberapa individu disebut, menggesa supaya tindakan diambil. Malangnya desakan-desakan itu dilayan oleh Menteri yang bertindak kegila-gilaan dengan mereka-reka alasan yang tidak munasabah.

Menteri Dalam Negeri pada masa kejadian itu berlaku sanggup mencemari Dewan ini dengan bercakap bohong kononnya Kerajaan bertindak untuk menangkap penjenayah-penjenayah yang bersembunyi di rumah as-Syahid Ibrahim Libya. Sehingga ini tidak pernah dibuktikan penjenayah itu wujud dan pernah berlindung di rumah itu.

Kononnya tiga orang penjenayah yang dikehendaki berlindung di situ, tidak seorang pun dari mereka

dibuktikan berada di situ ketika serangan selesai. Seorang dari yang dikehendaki ditahan kemudiannya di suatu tempat yang jauh dari tempat kejadian, tetapi sudah dua tahun setengah orang itu tidak didakwa, sedangkan mengikut peraturan seseorang yang disyaki penjenayah hendaklah dihadapkan ke mahkamah dalam masa 24 jam. Hamba Allah itu ditahan di bawah ISA.

Kerajaan dan Kabinet pula turut terlibat dengan pembbohongan yang keji itu dengan mengemukakan kepada Dewan ini Kertas Putih yang kesemua isinya merupakan guntingan berita akhbar. Kemudian dengan memperalatkan media massa, pembbohongan itu diperluaskan kepada seluruh masyarakat dengan menayangkan video Peristiwa Memali yang diputarbelitkan dengan kata latarnya disampaikan sendiri oleh Menteri Penerangan ketika itu.

Alim ulama ikut diperalatkan untuk mengeluarkan fatwa yang mengatakan as-Syahid Ibrahim Libya dan rakan-rakannya semacam penderhaka.

Rancangan pembbohongan yang keji ini dan keseluruhan peristiwa yang berlaku sukar untuk dipercayai sekiranya Perdana Menteri berkata dia tidak tahu apa yang berlaku kerana beliau berada di luar negeri. Sedangkan kejadian itu berlaku pada 19hb November, 1985 dan Perdana Menteri berangkat ke Beijing pada 20hb November.

Tuduh menuduh di antara Perdana Menteri dengan bekas Timbalannya, pendedahan yang dibuat oleh bekas Timbalan Menteri Dalam Negeri, penjelasan Yang Berhormat dari Sungai Petani dan penjelasan Ketua UMNO Bahagian Baling yang dibuat dalam kempen perebutan kuasa dan pengaruh dalam UMNO menjelang 24hb April lalu, menunjukkan bahawa tindakan "barbaric" dalam peristiwa Memali itu berdasarkan hawa nafsu dan bukan kerana hendak menjaga

keselamatan dalam negara atau untuk kepentingan negara. Tidak ada alasan keselamatan yang jelas daripada tindakan yang berlaku.

Bahkan Kerajaan meraba-raba mencari peruntukan undang-undang untuk membuat tuduhan kepada penduduk Kampung Memali yang terlibat. Pada mulanya mereka yang ditangkap dituduh di bawah Kanun Acara Jenayah, kemudian dipinda ke bawah Akta Darurat, kemudian di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA). Dan akhirnya dibebaskan tanpa syarat.

Penduduk-penduduk Memali bukan penjenayah dan as-Syahid Ibrahim Libya juga bukan penjenayah kerana mahkamah tidak pernah menjatuhkan hukuman apa-apa ke atas mereka, malah mereka tidak pernah didakwa di mana-mana mahkamah dan mereka juga bukan penderhaka kerana Duli Yang Maha Mulia Sultan pernah berkunjung ke maqam syuhada di Kampung Parit Panjang di mana as-Syahid Ibrahim Libya dan rakan-rakannya disemadikan. Baginda juga telah berkenan menghadiahkan batu nisan baru bagi mangsa kekejaman Memali itu. Sedang anggota-anggota Polis yang gugur tidak menerima layanan seperti itu.

Dalam mana-mana tamadun juga, seorang Raja atau Ketua Kerajaan tidak akan berkunjung ke kubur penderhaka atau penjenayah. Mereka sebenarnya adalah mangsa kekejaman satu pembunuhan beramai-ramai dari sebuah Kerajaan yang tidak mementingkan rakyat.

Dalam mana-mana peristiwa pembunuhan, salah satu dari yang terlibat lazimnya penjenayah. Kadang-kadang setiap yang terlibat itu penjenayah, yang tidak penjenayah kedua-duanya cuma berlaku dalam peristiwa pembunuhan akibat kemalangan jalan raya. Dalam peristiwa seperti di Memali ini, satu daripadanya adalah penjenayah.

Kalau mangsa peristiwa itu tidak dapat dibuktikan sebagai penjenayah, mestilah dibuktikan pula yang satu pihak lagi sebagai penjenayah.

Tetapi mereka yang bertindak dan bertanggungjawab atas pembunuhan beramai-ramai itu sekarang ini lepas bebas, tidak pernah didakwa dan tidak pernah dibicarakan dan tidak pula dikenakan apa-apa hukuman iaitulah Perdana Menteri dan pasukannya pada masa itu yang terdiri daripada Timbalannya, pegawai-pegawai Polis yang mengikut arahan mereka untuk membunuh penduduk di Kampung Memali yang menghitamkan sejarah negara kita.

Pelaku-pelaku besar ini tidak ada orang yang mampu menangkap mereka kerana mereka berkuasa di negara ini.

Polis manakah mampu menangkap Polis yang terlibat dalam peristiwa Memali itu?

Perdana Menteri manakah yang hendak mengeluarkan perintah supaya menangkap dirinya sendiri?

Barangkali yang boleh ditangkap sekarang ialah bekas Timbalan Perdana Menteri yang sudah menjadi orang biasa dan musuh politik Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri sekarang. Tetapi tentulah tidak wajar jika beliau seorang sahaja yang ditangkap dan alasannya disebabkan semata-mata kerana beliau telah menjadi musuh Perdana Menteri dan dengan itu tindakannya kerana Peristiwa Memali dijadikan peluang dan alasan untuk menghancurkan musuh politik Perdana Menteri.

Oleh kerana yang ikut menjadi mangsa kekejaman itu adalah anggota Polis, empat terbunuh dan lainnya cedera, lalu menderita hingga kini, peluru senapang siapakah yang membunuh dan mencederakan mereka adalah memerlukan penyiasatan dan penjelasan. Mereka

juga memerlukan pembelaan supaya kedudukan mereka dapat difahami oleh umum.

Langkah paling sesuai sekarang ialah menubuhkan Suruhanjaya Penyiasat yang bebas lagi adil bagi menyelidiki dan mengkaji peristiwa itu dan menyerahkan segala keraguan dan misteri di sebalik tindakan yang kejam itu. Itulah sahaja, Tuan Yang di-Pertua, yang dapat saya sampaikan pada petang ini.

6.50 ptg.

Timbalan Menteri Dalam Negeri (Dato' Megat Junid bin Megat Ayob): Tuan Yang di-Pertua, dalam perkara ini nampaknya saya terpaksa menjawab atas 7 soalan. Namun begitu saya tidak bercadang untuk mengikut rentak dan irama ucapan wakil dari Pengkalan Chepa, yang saya kira banyak mengikut hawa nafsu dan tuduhan-tuduhan tanpa bukti terutama perkara-perkara yang terakhir dalam ucapan wakil tersebut. Apa yang saya hendak nyatakan di sini, hanya perkara-perkara yang nyata dan mempunyai bukti-bukti yang telah dikumpul oleh pihak berkuasa.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang telah dijelaskan oleh Kerajaan melalui Kertas Putih mengenai "Peristiwa Memali", gerakan polis di Kampung Memali pada 19-11-1985 dahulu adalah tindakan polis untuk menguatkuasakan undang-undang dan tindakan itu perlu bagi membendung dari merebaknya kegiatan-kegiatan yang boleh menimbulkan huru-hara serta mengancam keselamatan negara. Pihak polis telah mengikuti kegiatan-kegiatan mengenai sikap pelampau dan bertentangan dengan pihak yang menguatkuasakan undang-undang sebelum gerakan tersebut dijalankan. Aduan daripada orang ramai juga telah diterima meminta polis bertindak untuk menjamin

keselamatan dan ketenteraman awam di kawasan mereka.

Gerakan pada jam 8.30 pagi 19-11-1985 itu ialah untuk menangkap tiga orang di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri, tiga orang yang dikeluarkan waran tangkap ke atas mereka serta 32 orang lain yang disyaki terlibat dalam beberapa kegiatan jenayah yang berlindung di rumah Ibrahim bin Mahmud.

Pihak polis menyedari ramai orang yang berada di sekitar rumah berkenaan dan mereka hanya membawa pongkis dan cotar serta gas pemedih mata, sebagai langkah mengelakkan sebarang kemalangan terhadap orang awam sebelum tangkapan dilakukan. Tetapi sebaliknya. . . .

Tuan Haji Abdullah bin Haji Arshad: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, dia minta penjelasan!

Tuan Haji Abdullah bin Haji Arshad: Tuan Yang di-Pertua, saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri berkenaan, kalau sekiranya jawapan petang ini masih dengan jawapan yang lama iaitu jawapan yang lepas, mengapakah dalam perebutan kuasa di Persidangan UMNO baru-baru ini timbul tuduh-menuduh antara Perdana Menteri dengan bekas Timbalan Perdana Menteri dan orang-orang yang lain daripada mereka, timbul tuduh-menuduh, lempar-melempar, perkara-perkara yang tidak dapat hendak dipegang dan itulah satu perkara yang mengeliru, yang tidak dapat dipegang dengan jawapan Kerajaan sendiri.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Yang di-Pertua, apa yang telah diperkatakan dalam pertandingan UMNO baru-baru ini tidak menyebut tentang apa yang berlaku di Memali.

Masalah yang timbul atau kekeliruan yang timbul ialah adakah perkara ini dilaporkan dalam Kabinet sebelumnya atau selepasnya, itu sahaja soalan yang timbul, tidak timbul apa yang berlaku di Memali.

Tuan Haji Abdullah bin Haji Arshad: Tuan Yang di-Pertua, hendak suruh saya bangun lagi.

Tuan Yang di-Pertua: Jikalau hendak bangun sila bangun, jangan tanya saya! (*Ketawa*)

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Tetapi sebaliknya anggota polis itu telah dihalang oleh wanita-wanita dan kanak-kanak yang bersenjatakan buluh.

Tuan Chian Heng Kai: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Bukit Mertajam ada bangun.

Tuan Chian Heng Kai: Penjelasan! Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu Dewan ini sebelum tangkapan itu sama ada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri diberitahu atau tidak?

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Yang di-Pertua, eloklah dengar dahulu ucapan saya. Sebelum bertanya adakah saya hendak masukkan atau tidak, kalau saya tidak mahu boleh tanyalah. Tetapi sebaliknya anggota polis itu telah dihalang oleh wanita-wanita dan kanak-kanak yang bersenjatakan buluh runcing dan kayu, manakala sekumpulan yang lain pula bukan sahaja telah menyerang anggota-anggota polis dengan pedang, parang dan lastik, tetapi telah membuat serang hendap dengan menggunakan senjatapi, yang menyebabkan empat orang anggota polis terkorban. Walaupun begitu dalam gerakan tersebut pihak polis masih meneruskan usaha perundingan supaya orang-orang yang dikehendaki

menyerah diri dan meminda supaya kaum wanita dan kanak-kanak keluar dari kawasan rumah itu, tetapi seruan itu tidak dihiraukan, sebaliknya mereka telah menjadikan benteng, menghalang pihak polis dari masuk ke kawasan rumah tersebut dan pihak polis terpaksa menggunakan senjata sebagai usaha terakhir untuk mempertahankan diri dan untuk mematahkan serangan bertubi-tubi Ibrahim Mahmud dan pengikut-pengikutnya yang menggunakan pedang, parang panjang dan senapang patah.

Tuan Haji Abdullah bin Haji Arshad: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Ya, minta penjelasan!

Tuan Haji Abdullah bin Haji Arshad: Mahu jawapan daripada Timbalan Menteri yang berkenaan mengapakah Yang Berhormat bekas Timbalan Perdana Menteri mengatakan dia bertindak kerana Yang Amat Berhormat Perdana Menteri suruh, Perdana Menteri pula jawab dia tidak tahu. Mengapa timbul cerita yang semacam ini, sedang orang dalam satu.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Yang di-Pertua, ucapan Yang Berhormat tadi panjang lebar, menyentuh bermacam-macam perkara, beri peluanglah saya menjawab, bila saya hendak sentuh, saya mempunyai cara saya menjawab, Yang Berhormat mempunyai cara Yang Berhormat menyoal, beri peluang saya pula.

Memandangkan usaha-usaha pihak polis untuk mengelakkan diri berlakunya kemalangan terhadap orang awam, tidaklah benar tuduhan yang mengatakan Kerajaan bertindak kejam dalam peristiwa tersebut, sebaliknya peristiwa tersebut boleh dielakkan jika orang-orang yang dikehendaki polis itu mematuhi

perjalanan proses undang-undang dengan menyerah diri dan tidak memperalatkan orang-orang lain melindungi diri mereka. Tindakan mengawal ketenteraman awam dan keselamatan negara memang menjadi tugas polis dan tindakan mereka tidaklah kerana atau berdasarkan kepada sebab-sebab politik.

Matlamat polis untuk menangkap orang-orang yang disyaki terlibat dalam kegiatan jenayah dan orang-orang yang dikenakan waran tangkap serta berlakunya kegiatan-kegiatan mencabar pelaksanaan proses undang-undang dan yang memudaratkan ketenteraman awam dengan sendirinya menjelaskan bahawa Kerajaan terpaksa bertindak untuk mencegah daripada merebaknya kegiatan-kegiatan yang mengancam keselamatan negara.

Fakta mengenai perkara bahawa Menteri Dalam Negeri masa itu bercakap bohong di Dewan, dengan memberitahu yang tindakan Kerajaan adalah untuk menangkap jenayah yang bersembunyi di rumah Ibrahim bin Mahmud, fakta mengenai perkara ini telah pun dinyatakan dengan jelas dalam Kertas Putih bahawa gerakan polis yang dilancarkan pada 19-11-1985 itu adalah untuk menangkap 32 orang pengikut Ibrahim bin Mahmud yang disyaki terlibat di dalam beberapa kegiatan jenayah, tiga orang yang telah dikeluarkan waran tangkap ke atas mereka dan tiga orang yang lain di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri.

Tuduhan Yang Berhormat mengatakan kandungan Kertas Putih juga disifatkan sebagai pembongkaran yang diambil dari guntingan-guntingan berita akhbar, Kertas Putih tersebut disediakan berdasarkan kepada fakta-fakta yang berlaku sebelum dan semasa berlakunya peristiwa Memali.

Maklumat-maklumat tertentu seperti adanya rancangan untuk

menggulingkan Kerajaan secara kekerasan didapati hasil daripada siasatan rapi yang dibuat oleh Kerajaan sendiri. Tuduhan mengatakan Kerajaan bertindak berdasarkan hawa nafsu dengan meraba-raba mencari peruntukan undang-undang untuk membuat tuduhan, mula-mula dituduh di bawah Akta Jenayah, kemudian pindah di bawah Akta Darurat dan akhir sekali di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri, inginlah saya menyatakan, yang sebenarnya orang-orang yang ditangkap dalam kejadian di Memali itu telah ditahan di bawah Kanun Acara Jenayah untuk siasatan lanjut. Ini adalah proses biasa menurut peruntukan undang-undang. Dalam siasatan tersebut sebahagian daripadanya telah memudaratkan ketenteraman awam dan ditahan di bawah Ordinan Darurat (Mencegah Jenayah dan Ketenteraman Awam).

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat masa 7½ minit sudah cukup, bolehkah. . . .

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Saya hendak sentuh sedikit lagi sahaja, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Jikalau Yang Berhormat hendak sambung, minta kebenaran supaya boleh disambungkan lebih daripada 7½ minit.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Saya mohon kebenaran untuk menyambung lagi dua minit.

Tuan Yang di-Pertua: Saya benarkan.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Terima kasih.

Masalah yang telah ditanyakan oleh wakil tidak berapa nampak.....

Tuan Yang di-Pertua: Bukit Mertajam.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Yang Berhormat dari Bukit Mertajam bertanya sama ada Kabinet diberitahu sebelum polis bertindak dan siapa yang mengarahkan supaya polis bertindak, kita telah mendengar jawapan daripada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. . . .

Tuan Yang di-Pertua: Bukan pertanyaan itu.

Tuan Chian Heng Kai: Saya bertanya sama ada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri diberitahu, bukan Kabinet, sama ada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri diberitahu?

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Saya tidak berapa faham, Tuan Yang di-Pertua, diberitahu atas apa?

Tuan Chian Heng Kai: Terhadap tangkapan itu. Sebelum tangkapan itu dijalankan sama ada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri diberitahu tangkapan itu akan dijalankan?

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Mengikut pengakuan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, perkara yang berlaku di Memali itu telah dimaklumkan kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri hanya menyerahkan kepada pihak Polis untuk mengendalikannya. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menyangkal dakwaan yang mengatakan beliau memaksa Polis membuat serangan ke atas Ibrahim dan pengikut-pengikutnya. Tetapi sebaliknya menyatakan bahawa tindakan itu adalah urusan Polis yang terletak di bawah Menteri Dalam Negeri. Ini kenyataan Yang Amat Berhormat sendiri. Dan kenyataan akhbar, Ketua Setiausaha Negara bahawa Jemaah Menteri tidak pernah mengeluarkan arahan atau memberi persetujuan terhadap tindakan ke atas

Ibrahim Libya dan pengikut-pengikutnya. Jemaah Menteri hanya dimaklumi mengenai peristiwa Memali pada mesyuarat mingguannya pada 20hb November, 1985 iaitu sehari selepas kejadian. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat ditangguhkan sehingga 2.30 petang esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 7.00 malam.